



**LAPORAN PENYATA RASMI
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 9

Selasa

15 September 2020

K A N D U N G A N

MENGGANGKAT SUMPAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA

Lantikan Baharu

(Halaman 1)

PEMSYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Mengalu-alukan Pelantikan Ahli Baharu

(Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN

BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 3)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan

Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 30)

Usul Menjunjung Kasih

Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

- [YB Senator Datuk Razali bin Idris]

(Halaman 31)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA
Selasa, 15 September 2020
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

LANTIKAN BAHARU

1. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan

[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN AHLI BAHARU

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Susulan salam sejahtera kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat para Senator, di kesempatan ini saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah, dan Dewan yang mulia ini mengalu-alukan pelantikan seorang Ahli baharu iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan, yakni lantikan baharu, pilihan Dewan Undangan Negeri Johor... *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan pelantikan Yang Berhormat ini maka dengan ini lengkaplah keanggotaan Ahli Dewan Negara daripada kalangan pilihan Dewan Undangan Negeri-negeri iaitu seramai 26 orang Ahli yang mewakili 13 buah negeri, dan empat (4) orang Ahli daripada Wilayah Persekutuan.

Adalah diharapkan agar Dewan yang mulia ini dapat memberi perhatian kepada suara-suara negeri- di mana hasrat penubuhan Dewan Negara yang terkandung di dalam Laporan Suruhanjaya Reid yang bertujuan untuk menjaga hak negeri-negeri di dalam Persekutuan.

Dewan Negara merupakan institusi yang berpotensi besar menjadikan doktrin semak dan imbang berfungsi dengan baik dan berkesan.

Dewan yang mulia ini harus memastikan perbincangan dan pertimbangan yang sewajarnya diperhalusi sebelum meluluskan sesuatu rang undang-undang. Malah jika menurut faktor sejarahnya, sesuatu Senat itu adalah bertugas untuk memberi imbalan kepada apa-apa jua langkah, dasar ataupun undang-undang yang dibentangkan di Dewan mulia ini.

Semoga Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menghayati fungsi sebenar Dewan Negara dan dapat menjalankan amanah ini dengan baik.

Saya juga ingin menegaskan bahawa pelantikan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adalah berlandaskan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang, atau yang telah mencapai keunggulan dalam profesion, perkara komersial, perindustrian, pertanian, aktiviti kebudayaan mahupun perkhidmatan sosial, atau yang mewakili ras minoriti, atau berkebolehan mewakili kepentingan Orang Asli, seperti mana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 45(2).

Seharusnya latar profesionalisme yang dimiliki Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dapat diterjemahkan di Dewan yang mulia ini melalui penglibatan secara serius dalam konteks perbahasan, dan juga hujah-hujah fakta yang akhirnya akan menghasilkan undang-undang negara yang luhur ataupun dasar-dasar negara yang berkesan.

Perlu diperingatkan jua bahawa, di bawah Peraturan Mesyuarat 70, 71, 72, 73 dan 74, wajib bagi kita untuk mengagihkan tugas dan tanggungjawab setiap Ahli Yang Berhormat di sini di dalam Jawatankuasa. Jawatankuasa-jawatankuasa inilah yang akan sebenarnya memberi penugasan kepada fungsi kita. Setakat ini, jawatankuasa-jawatankuasa itu didapati belum berfungsi penuh.

■1010

Justeru, setiap kumpulan kepakaran yang ada di Dewan ini akan kita kelompokkan ke dalam jawatankuasa-jawatankuasa tersebut. Silalah gunakan kepakaran masing-masing itu bagi meningkatkan tahap serta kualiti perbahasan, tahap serta kualiti isian kepada tindakan, dan tahap keadilan, di samping kita menentukan hak-hak istimewa kepada perjuangan yang mewakili kesejagatan kemanusiaan untuk Malaysia.

Akhir sekali, dengan usaha murni memartabatkan institusi Dewan Negara dengan cara memastikan ciri-ciri profesionalisme ini, maka, Ahli-ahlinya dapat hendaknya menonjolkan sepenuhnya keadaan *non-partisan*. Memang diakui bahawa kita berpunca dari kumpulan-kumpulan siasah. Namun, di Dewan ini sebagaimana nama Senat itu diberikan, kita adalah bertanggungjawab untuk melahirkan pandangan, perimbangan serta tindakan yang memberikan keluhuran kepada jawatan kita masing-masing. Ahli-ahli Yang Berhormat,

selamat kita bertugas. Manakala kepada Ahli kita yang baharu, diucapkan selamat berjuang menerusi Dewan Negara... [Tepuk]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Haji Husain bin Awang** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, langkah proaktif diambil kerajaan dalam pembangunan mapan sistem pengurusan sisa pepejal bersepadu bagi mengurangkan kos pengurusan sisa pepejal yang meningkat saban tahun.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera. Salam Hari Malaysia 16 September 2020.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk juga memberikan penghormatan dan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan di atas pelantikan sebagai Senator pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan aspirasi negara untuk menjadikan Malaysia sebagai negara bersih dan mempunyai pengurusan sisa pepejal yang mapan, pembangunan ekonomi juga perlu seiring dengan kelestarian alam sekitar.

Antara langkah proaktif yang telah diambil oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam pengurusan sisa pepejal yang mampan selaras dengan Kluster 3, di bawah Dasar Kebersihan Negara iaitu Ekonomi Kitaran adalah melalui perkara-perkara berikut:

- (i) menggalakkan pelaksanaan pengasingan sisa di punca ataupun *separation at source* (SAS). Kementerian telah melaksanakan Program Pengasingan Sisa Di Punca (SAS) bagi sisa pepejal isi rumah sejak 1 September 2015 yang melibatkan komuniti isi rumah dan orang awam. Pelaksanaan SAS turut diperluaskan kepada sektor komersial, perindustrian, keinstitusian dan pembinaan bermula pada tahun 2018; dan
- (ii) menggalakkan amalan kitar semula. Pada masa kini, kadar kitar semula kebangsaan telah pun mencapai 30.67 peratus dan KPKT telah meletakkan sasaran kadar kitar semula kebangsaan sebanyak 40 peratus pada tahun 2025.

KPKT telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif untuk menggalakkan amalan kitar semula dan mengurangkan jumlah sisa seperti melaksanakan Program Komuniti Sifar

Sisa (ZeComm) di Program Perumahan Rakyat (PPR) terpilih. Selain itu, sebagai langkah perancangan untuk jangka masa panjang, KPKT sedang melaksanakan kajian *extended procedure responsibility* (EPR), dengan izin, untuk meneliti mekanisme terbaik bagi pelaksana EPR di seluruh Malaysia.

Pelaksanaan EPR di Malaysia kelak dijangka dapat mengoptimumkan kos pengurusan sisa pepejal melalui perkongsian tanggungjawab bersama pengeluar produk terhadap sisa pepejal yang dijana, sekali gus mengurangkan beban kewangan yang ditanggung kerajaan.

Di samping itu, KPKT juga sedang menyediakan Garis Panduan Pembangunan *Waste Eco Park (Integrated)*, dengan izin, yang akan menjadikan rujukan agensi dan pihak yang berkenaan untuk membangunkan *Waste Park*.

Pembangunan *Waste Park*, dengan izin, secara berpusat akan menambah baik pengurusan aktiviti kitar semula dengan menyediakan fasiliti lengkap dalam satu kawasan untuk memudahkan kawalan dan mengurangkan kesan pencemaran alam sekitar. Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh KPKT ini adalah sebagai langkah untuk antaranya mengurangkan penjanaan sisa dan ianya akan dapat membantu mengurangkan jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan. Seterusnya, meningkatkan jangka hayat tapak pelupusan yang sedia ada. Keadaan ini juga akan dapat mengurangkan kos pengendalian dan pelupusan sisa pepejal yang ditanggung oleh kerajaan.

Di samping langkah-langkah yang di ambil oleh kerajaan, usaha juga dibuat melibatkan masyarakat dan orang awam, termasuklah mengadakan Program *World Cleanup Day* seperti mana yang akan kita laksanakan dalam bulan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Husain bin Awang: Soalan tambahan saya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini, kita digemparkan dengan isu pencemaran di rawatan air di Sungai Selangor yang dipercayai berpunca daripada pembuangan sisa daripada kilang. Salah satu kategori sisa pepejal terkawal seperti yang terkandung di dalam Akta 672, adalah sisa pepejal pengilangan dan perindustrian.

Soalan saya, adakah pihak KPKT melihat keperluan untuk meminda peruntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan bagi memberikan kuasa yang lebih kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam mengekang serta mengawal pembuangan sisa perindustrian dan pengilangan ke sungai? Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang. Sebenarnya, pencemaran yang berlaku baru-baru ini bukan sahaja melibatkan kementerian KPKT tetapi sebenarnya juga melibatkan Kementerian Alam Sekitar dan Air.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang apabila kita melaksanakan dan menguatkuasakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 iaitu Akta 672 ini, tanggungjawab yang lebih besar adalah diserahkan kepada PBT. Walaupun kita menyediakan sebahagian peruntukan bagi kita membantu PBT ini tetapi PBT bertanggungjawab.

Oleh sebab itulah, kalau kita lihat bagaimana kita melaksanakan program-program sisa pepejal ini, umpamanya kita ada tiga syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal, pengurusan yang dilantik oleh KPKT di seluruh negara. *SWM Environment* bagi negeri di Selatan- Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Alam Flora Sdn. Berhad, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Pahang. Environment Idaman Sdn. Berhad wilayah Utara- Kedah dan Perlis.

Akan tetapi, oleh sebab akta ini perlu diterima pakai oleh kerajaan negeri, maka sudah tentulah kekuatan kita untuk meng~~en~~*enforce* pelaksanaan ini agak terhad. Jadi, kita harap kalau boleh kerajaan-kerajaan negeri mestilah bersama dengan Kerajaan Pusat untuk menerima akta ini supaya kita dapat menguatkuasakan pelaksanaannya, termasuklah mengambil tindakan kepada pengilang-pengilang dan sebagainya, termasuklah kita menarik lesen-lesen yang telah dikeluarkan kepada mereka. Terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat Senator yang cukup baik ini. Terima kasih banyak.

2. Tuan Kamarudin bin Abdun minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, berapakah jumlah lesen pengedar tepung, gula, gas dan minyak masak yang telah dikeluarkan oleh kementerian, dan berapa banyak lesen yang telah dibatalkan terutamanya di negeri Perlis.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Rosol bin Wahid]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat pagi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Kamarudin.

Sebelum itu, saya ingin merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan sebagai Senator yang baru dilantik pada pagi ini.

■1020

Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen 7, Akta Kawalan Bekalan 1961, urus niaga barang-barang kawalan berjadual memerlukan lesen barang kawalan berjadual ataupun lesen CSA yang dikeluarkan oleh pengawal bekalan Malaysia iaitu KSU KPDNHEP. Ini bertujuan untuk menjamin bekalan domestik yang stabil dan sebagai mekanisme pemantauan serta pengumpulan data barang kawalan.

Sehingga Julai 2020, lesen CSA bagi negeri Perlis yang masih aktif bagi tepung gandum, gula, gas LPG dan minyak masak adalah seperti berikut. Untuk tahun 2020 sahaja, tepung gandum sebanyak 10 lesen, gula tujuh lesen, minyak masak 12 lesen dan gas LPG lima lesen. Setakat ini, tiada sebarang lesen CSA bagi syarikat di negeri Perlis yang dibatalkan atas tindakan kes.

Walau bagaimanapun, kementerian sentiasa menjalankan penguatkuasaan dan pemeriksaan dari semasa ke semasa bagi memastikan pemain industri mematuhi peraturan yang ditetapkan di bawah akta bekalan barang kawalan berjadual agar ia stabil dalam pasaran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Kamarudin bin Abdun: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, lanjutan daripada persoalan tadi, saya ingin tahu perbezaan volum terhadap gula, tepung dan minyak masak sebelum dan selepas bermula pandemik COVID-19 terutama di negeri-negeri sempadan Perlis, Kedah, Perak, Kelantan, Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

Dato' Rosol bin Wahid: Tuan Yang di-Pertua, secara khusus atau detilnya, saya perlu pada jawapan bertulis. Cuma setakat yang dimaklumkan oleh pegawai kepada kita bahawa sememangnya semasa PKP, penurunan permohonan untuk mendapatkan barang ini menurun sebanyak 30 peratus. Sekarang kita dilaporkan bahawa telah kembali stabil pada asal dan *insya-Allah* ia akan lebih baik untuk masa-masa yang akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah.* Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad.

Tuan Idris bin Haji Ahmad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi.

*Sorong papan tarik papan;
Buah keranji dalam raga;
Mohon Timbalan Menteri beri jawapan;
Soalan saya nombor tiga.*

3. Tuan Idris bin Haji Ahmad minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, statistik dan data berkaitan pengangguran dalam kalangan siswazah yang memiliki ijazah pertama sejak tahun 2015 hingga Julai 2020.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Awang bin Hashim]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pandai hendak berpantun-pantun ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa. Terus sahaja.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Saya akan teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Pagi ini pun saya tidak pandai juga.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Tidak apalah. Nanti di belakang saya akan jawab nanti dekat saudara Yang Berhormat yang bertanya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Idris bin Ahmad yang membangkitkan soalan begini. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Statistik Siswazah 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia ataupun DOSM yang mengklasifikasikan siswazah adalah merujuk kepada individu yang memiliki sijil tertinggi daripada universiti, kolej, politeknik, badan yang diiktiraf atau setaraf dengannya dalam tempoh pengajian sekurang-kurangnya dua tahun iaitu Diploma dan ke atas.

Kerajaan telah mengenal pasti punca atau sebab graduan gagal mendapat pekerjaan setelah tamat pengajian. Antaranya ialah faktor-faktor yang menyebabkan seseorang siswazah itu sukar mendapat pekerjaan. Di antara faktor tersebut, kelulusan atau CGPA yang rendah menyebabkan majikan kurang berminat untuk menggaji calon-calon dalam kategori ini. Ketidaksepadanan antara bidang pengajian sesetengah siswazah dengan keperluan dalam pasaran kerja, kegagalan siswazah mendapat maklumat tentang kekosongan jawatan berkaitan kekosongan jawatan yang bersesuaian dengan kelayakan ataupun kursus yang dimiliki.

Sesetengah siswazah memilih untuk memohon kerja berdasarkan lokasi tertentu. Antaranya *mismatch*. *Mismatch* antara bidang pengajian dengan kekosongan jawatan yang wujud. Sesetengah siswazah mempunyai kemahiran insani ataupun *soft skill* yang rendah. Jadi, tidak akan berlaku penyesuaian dalam permohonan ataupun pengambilan pekerjaan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, berdasarkan laporan Statistik Siswazah 2016, pengangguran siswazah pada 2016 adalah seramai 145,800 orang atau pada kadar 4.0 peratus. Manakala bagi tahun 2017, kadar pengangguran siswazah adalah seramai 154,500 orang atau pada kadar 4.0 peratus.

Selanjutnya, bagi tahun 2018, jumlah pengangguran siswazah adalah seramai 161,300 orang atau pada kadar 3.9 peratus dan jumlah pengangguran siswazah bagi tahun 2019, ini statistik yang dibangkitkan. Saya minta beri perhatian kepada statistik yang saya sebutkan ini iaitu pengangguran siswazah pada tahun 2019 adalah sebanyak 170,300 orang atau pada kadar 3.9 peratus.

Dalam pada itu, sebagai langkah mengatasi masalah pengangguran, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Pekerjaan Nasional ataupun JKPN pada 5 Jun 2020 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berperanan untuk membincangkan *long term reform initiative*, dengan izin, memandangkan terdapat isu-isu pasaran pekerjaan yang bersifat struktural seperti *mismatch* dan sebagainya iaitu ketidaksepadanan dari segi pendidikan berbanding dengan keperluan industri. Jawatankuasa ini akan menjadi medium

bagi memastikan hasrat kerajaan membantu rakyat melalui pelbagai inisiatif pasaran pekerjaan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Idris bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan yang begitu baik. Soalan saya ialah adakah di sana terdapat inisiatif yang diambil oleh Kementerian Sumber Manusia bersama-sama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dalam memastikan IPTA dan juga IPTS dalam melahirkan sumber tenaga manusia yang efisien kepada industri di dalam negara ini? Mohon penjelasan daripada Timbalan Menteri.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Soalan bekas pensyarah ini agak akademik. Tidak apa, kita akan memenuhi bekas-bekas akademis ataupun ahli akademik ini. Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab inisiatif yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Idris bin Haji Ahmad ini, dalam membantu siswazah-siswazah yang mendapat peluang pekerjaan yang bersesuaian mengikut kelulusan, kementerian telah menyediakan portal perkhidmatan pekerjaan *MYFutureJobs* yang memberi kemudahan kepada majikan untuk mengiklankan kekosongan di perniagaan mereka.

Seterusnya inisiatif kita, portal tersebut juga dapat membantu mencari kerja terutamanya golongan siswazah mencari pekerjaan melalui pendekatan pepadanan kerja yang kita sebut tadi. Berdasarkan data kementerian sehingga 14 Ogos 2020, sejumlah 202,117 kekosongan jawatan telah ditawarkan oleh majikan.

Di samping itu, kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja ataupun JTK menganjurkan program penempatan pekerjaan yang merangkumi karnival kerjaya, penempatan melalui klien akaun, temu duga-temu duga terbuka, program kerjasama antara agensi, *Holiday Placement for Students* (HOPS), dengan izin, penempatan dengan kerjasama APS, program penempatan golongan khas serta penyesuaian kerjaya ataupun PPK.

Program-program ini telah diadakan dari semasa ke semasa bagi menemukan pencari kerja dengan majikan yang sepadan. Berdasarkan data kementerian sehingga 14 Ogos 2020, sebanyak 7,178 orang dari golongan siswazah telah berjaya mendapatkan penempatan pekerjaan.

Kementerian melalui TalentCorp pula telah terus memperkasakan usaha bagi meningkatkan usaha serta inisiatif menambahbaikkan ekosistem pembangunan bakat negara.

TalentCorp memberikan tumpuan kepada pembangunan kebolehpasaran graduan dan tenaga bakat muda negara dengan melaksanakan program-program seperti *Young Employable Student* (YES), dengan izin, Program Latihan Industri Berstruktur (SIP), *Nurturing Expert Talent* (NEXT), Kolaborasi Industri Akademia (AIC) dan juga *Scholarship Talent Attraction and Retention* (STAR). Boleh sedikit masa untuk saya hendak...

Tuan Yang di-Pertua: Ringkaskan, Yang Berhormat. Akan tetapi sebelum itu...

Tuan Haji Awang bin Hashim: Minta izin, kalau boleh. Kalau tidak boleh, saya hendak berhentikan dekat sini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin hendak bertanya Yang Berhormat, semua terma ini bahasa Inggeris...

Tuan Haji Awang bin Hashim: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: ...*MYFutureJobs*, TalentCorp, *Young Employable Student*, *nurturing*. Apakah kementerian tidak mahu menggunakan istilah Bahasa Kebangsaan? Itu soalan saya.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Terima kasih. *Insyallah*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong jawab bersekali dengan Yang Berhormat tadi.

Tuan Haji Awang bin Hashim: *Insyallah*, nanti saya rujuk. Sebab ini diputuskan oleh- macam *MYFutureJobs*, oleh satu badan yang diluluskan oleh Kabinet. Begitu juga dengan TalentCorp daripada zaman Perdana Menteri yang ke...

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ini bebas.

Tuan Haji Awang bin Hashim: *Insyallah*. *Insyallah*, saya akan...

Tuan Yang di-Pertua: Tolong suarakan.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun setuju kita hendak meningkatkan martabat bahasa kita.

Okey, untuk kita hendak pecahkan tadi pengangguran ini berlaku, jenis-jenis pengangguran berlaku akibat kemerosotan dan perbelanjaan agregat. Kemerosotan perbelanjaan agregat akan mengurangkan pengeluaran yang seterusnya mengurangkan buruh iaitu pengangguran struktur juga termasuk dalam jenis-jenis pengangguran. Pengangguran teknologi, pengangguran geseran. Ini perkara-perkara yang disebut dalam pengangguran yang kita klasifikasikan kepada penganggur-penganggur ataupun lepasan-lepasan pelajar-pelajar kita sama ada daripada universiti tempatan dan juga luar negara.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas kerjasama dan sokongan yang diberi kepada saya. *Insyallah*, saya akan bawa kes ini ke peringkat yang lebih atas. Terima kasih.

4. Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, sejauh mana pencapaian pelatih-pelatih lepasan skim PROTEGE dalam kebolehpasaran di dalam industri semenjak ia dilancarkan.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Mohon dengan izin, *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTEGE) adalah merupakan antara instrumen penting kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang telah pun dijenamakan semula dan ditambah baik sejak daripada September 2019 melalui Program Skim Latihan 1Malaysia.

Dalam usaha mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui program PROTEGE ini telah melaksanakan program PROTEGE RTW- *Ready to Work*, mohon dengan izin, bersama dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat-syarikat penerima perolehan kerajaan di bawah Arahan Pekeliling Perbendaharaan Perolehan Kerajaan (PP/PK 1.2), institusi kewangan melalui kerjasama Bank Negara Malaysia dan juga melalui dengan izin, *Financial Industry Collective Outreach* (FINCO) serta syarikat-syarikat swasta.

PROTEGE RTW merupakan penglibatan latihan penempatan dan juga bimbingan bersama dengan industri bagi tempoh lapan hingga 12 bulan untuk meningkatkan potensi kebolehpasaran para graduan mendapatkan peluang pekerjaan. Seramai 6,248 graduan telah pun berjaya menerima manfaat daripada program PROTEGE RTW dan angka ini akan meningkat dari semasa ke semasa. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,043 graduan telah berjaya diserap oleh syarikat ataupun mendapat pekerjaan setelah mereka tamat menjalani program. Terima kasih.

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Soalan tambahan saya. Daripada jumlah yang telah bergraduasi, berapa peratus kah yang berjaya menjadi usahawan? Sebab, setahu saya, salah satu tujuan PROTEGE ini adalah membina usahawan-usahawan baharu. Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin: Terima kasih atas soalan. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita sebutkan tentang program PROTEGE ini, dia mengambil masa daripada tahun 2019 sampai 2020 dan program itu masih lagi berjalan. Jumlah graduan yang berjaya diserap ataupun mendapat pekerjaan melalui program PROTEGE ini melalui pendedahan yang dibuat, jumlahnya lebih kurang dalam 16.9 peratus. Jumlahnya tidak banyak kerana mereka masih lagi berlangsung.

Saya percaya dengan banyaknya lagi peluang, dengan perolehan kerajaan (PK) yang masih lagi berjalan dengan melibatkan lebih kurang 874 syarikat yang menerima manfaat daripada projek daripada kerajaan, saya yakin dan percaya lebih banyak lagi ruang dan juga peluang untuk graduan-graduan ini mendapat manfaatnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengingatkan supaya kita segera sedikit dan terus kepada soalan.

5. **Dato' Isa bin Ab. Hamid** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, jumlah dan projek serta bajet yang disalurkan oleh RISDA dalam Pembangunan Usahawan Desa Orang Asli untuk tahun 2018-2020.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang pemerintahan kawalan pergerakan...

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I [Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, KPLB itu.

Tuan Yang di-Pertua: KPLB.

Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad: Salah [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Saya tercengang juga tetapi bak kata orang, hendak disampuk karang *kot* dia hilang tampuk, jadi eloklah dia bercakap [*Ketawa*]

Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Mohon maaf kepada sahabat saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian kerana menegur sebentar tadi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, RISDA telah melaksanakan Program Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) bertujuan untuk menggalakkan pekebun kecil dan ahli isi rumah menceburi bidang keusahawanan di samping menambah pendapatan isi rumah yang bergantung kepada hasil kebun getah.

Program AET ini adalah terbuka kepada semua pekebun kecil yang berdaftar dengan RISDA termasuk masyarakat Orang Asli di bawah seliaan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Sepanjang tahun 2018 sehingga bulan Julai 2020, RISDA telah meluluskan permohonan bantuan sebanyak RM90 ribu kepada masyarakat Orang Asli.

Sebagai makluman Yang Berhormat Senator, permohonan bantuan program AET ini masih dibuka. Pekebun kecil termasuk masyarakat Orang Asli yang berminat boleh hadir ke Pejabat RISDA yang berdekatan. Kelulusan boleh diberi jika permohonan tersebut menepati kriteria yang telah ditetapkan.

RISDA dan KPLB sentiasa membuat hebahan kepada masyarakat melalui media massa, media sosial, Hari Bertemu Pelanggan dan pelbagai majlis serta aktiviti yang diadakan di lapangan. Saya juga memerlukan bantuan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyampaikan informasi berkenaan program-program yang ditawarkan oleh RISDA dan KPLB seperti program AET ini kepada masyarakat Orang Asli di kawasan masing-masing. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Soalan tambahan saya. Kalau melihat dengan RM90 ribu untuk tiga tahun itu, mungkin agak kecil bagi membangunkan usahawan Orang Asli di kawasan wilayah tadbir RISDA di kawasan Orang Asli seperti TSK kelapa sawit dan juga getah. Adakah juga RISDA boleh memberi ruang dan peluang kepada usahawan kraf Orang Asli dan juga usahawan budaya seni Orang Asli yang berdaya saing seperti pembangunan kercang, tempok, sumpit dan sebagainya? Mohon penjelasan. *Thank you*, terima kasih.

Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator. Sebenarnya itu yang saya nyatakan sebentar tadi bahawa kita telah melancarkan pelbagai program tetapi saya memerlukan bantuan Ahli-ahli Yang Berhormat memandangkan bahawa masyarakat Orang Asli ini perlu banyak pendedahan-pendedahan yang perlu kita lakukan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Isa, pada tahun 2018 hingga 2020, bukan sekadar melalui agensi di bawah RISDA sahaja kita melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini tetapi kita sebenarnya pada tahun 2018 sehingga 2020, seramai 181 orang usahawan Orang Asli telah menerima geran bantuan usahawan di bawah JAKOA yang diberikan kepada usahawan Orang Asli di seluruh negara.

Usahawan-usahawan Orang Asli yang telah menerima bantuan daripada kerajaan melalui JAKOA adalah terdiri daripada:

- (i) usahawan kedai makan;
- (ii) pengusaha ternakan madu kelulut;
- (iii) perniagaan kedai runcit;
- (iv) pengusaha bakeri;
- (v) usahawan dalam bidang dandan dan solekan; dan
- (vi) usahawan dalam bidang fotografi.

■1040

Jumlah keseluruhan bantuan yang diperuntukkan oleh JAKOA kepada usahawan Orang Asli dalam tempoh tersebut adalah sebanyak RM2.3 juta. Kita mengharapkan supaya program pemasaran dan promosi juga membantu meluaskan pemasaran produk keluaran mereka melalui penganjuran karnival-karnival, ekspo dan pameran oleh agensi kerajaan atau pihak luar.

Selain itu, RISDA turut menyediakan platform untuk mempromosikan produk secara dalam talian. Hari ini kita telah meletakkan satu peningkatan kita lancarkan melalui Desamall yang juga berhubung dengan *Shopee* serta *Lazada* yang boleh memperluaskan usahawan-usahawan ini. Saya bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator

bahawa kalau sekiranya program-program seperti itu yang hendak dimasukkan, *insya-Allah* kita akan lakukan yang terbaik.

Program premis perniagaan juga menyediakan bantuan untuk promosi dan memasarkan produk usahawan pekebun kecil di bawah satu premis atau kaedah pemasaran yang strategik seperti RisSMart dan juga RisMobile. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. Datuk John Ambrose minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan, senarai barang makanan import yang terjejas semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), dan apakah kesan dari segi jumlah bekalan dan harga jualannya.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang giliran Timbalan Menteri Pertanian [*Ketawa*]

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sampai juga giliran saya... [*Dewan ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Tak apa Datuk.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), bekalan makanan negara sentiasa dalam keadaan yang mencukupi dan stabil dan barang-barang makanan import juga tidak terjejas.

Keduanya, mengikut data kementerian, terdapat pengurangan import bagi daging lembu, kerbau, daging kambing, bebiri, keratan ayam dan daging babi pada bulan April dan bulan Mei tahun 2020. Antara empat produk pertanian tersebut, pengimportan daging lembu dan daging kerbau mencatatkan penurunan paling ketara sebanyak 72 peratus pada bulan April berbanding bulan Mac tahun 2020.

Walau bagaimanapun, pengurangan import ini tidak menjejaskan bekalan daging lembu dan kerbau negara disebabkan permintaan rendah sepanjang PKP kerana penutupan premis-premis hotel, restoran dan juga kedai makan serta majlis sosial dan keraian dan juga perkahwinan yang tidak dibenarkan.

Selain itu, pengimportan daging lembu, kerbau pada tiga bulan pertama tahun 2020 berupaya menampung bekalan sepanjang PKP termasuk persediaan menghadapi bulan Ramadhan dan juga Syawal. Hal ini secara tidak langsung telah menstabilkan bekalan dan harga untuk tempoh enam bulan pertama tahun 2020.

Seterusnya, pada masa yang sama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) juga sentiasa memantau bekalan makanan secara harian dan melaporkan status terkini kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) sejak pelaksanaan PKP yang bermula pada 18 Mac tahun 2020. Kementerian dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa memantau harga sepanjang tempoh PKP dan didapati harga barangan makanan utama adalah sentiasa terkawal. Sekian, terima kasih.

Datuk John Ambrose: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah melihat sesetengah negara yang menyekat eksport makanan akibat COVID-19, apakah usaha kerajaan bagi memastikan keperluan makanan negara sentiasa mencukupi pada setiap masa dalam jangka pendek dan panjang.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Pada masa kini, tahap sara diri atau pun SSL untuk komoditi makanan negara seperti ikan dan ayam adalah mencukupi dan mencapai tahap dan mapan. Walau bagaimanapun, Malaysia masih memerlukan import beberapa komoditi makanan seperti beras dan keperluan-keperluan domestik negara seperti daging lembu, kerbau, tenusu, kubis, cili dan beberapa jenis sayur-sayuran dan buah-buahan beriklim sederhana yang memenuhi keperluan pengguna dan industri tempatan.

Selain itu, berdasarkan kepada pemantauan kementerian terutama dengan negara-negara pengeksport seperti China, Thailand, Argentina, Indonesia dan juga India, kita dapati bahawa keadaan semasa adalah stabil dan dalam jangka masa pendek dijangka ia berterusan dengan keadaan ekonomi dan rangkaian bekalan makanan dunia yang semakin pulih.

Dalam masa yang sama, untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai perjanjian serantau di antara ASEAN *Plus Three*. Maknanya negara-negara ASEAN, China, Korea dan juga Jepun. Sekiranya kita menghadapi apa juga ancaman dan keadaan-keadaan yang tidak menentu, negara-negara tersebut akan datang membantu.

Seterusnya bagi mengurangkan impak sekatan eksport oleh negara-negara pengeluar, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sentiasa membuat persediaan awal untuk pengimportan makanan dan permintaan yang tinggi khususnya dalam musim perayaan. Selain itu, kita juga meneroka pasaran-pasaran yang lain yang belum ditembusi.

Untuk jangka panjang, untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, MAFI juga menjalankan beberapa program-program untuk menentukan supaya kita dapat meningkatkan pengeluaran makanan seperti jelapang-jelapang padi. Pada ketika ini kita hanya berkeupayaan mengeluarkan dengan unjuran untuk tahun 2020 sebanyak 72 peratus dan lima tahun daripada sekarang kita menjangkakan sebanyak 75 peratus dan sentiasa meningkatkan kawasan-kawasan jelapang dan juga bukan jelapang supaya peningkatan pengeluaran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua, boleh soalan tambahan satu lagi tak?

7. Tuan Robert Lau Hui Yew minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, jenis-jenis bantuan kewangan dan program latihan yang disediakan untuk atlet-atlet yang bertanding pada peringkat antarabangsa.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian menerusi Majlis Sukan Negara (MSN) melaksanakan program pembangunan dan latihan persediaan atlet berprestasi tinggi dengan kerjasama agensi-agensi di bawah KBS seperti Institut Sukan Negara, persatuan-persatuan sukan seperti Persatuan Sukan Kebangsaan, Majlis Olimpik Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Program podium dan Program Pelapis Kebangsaan memberikan penekanan kepada prestasi atlet berdasarkan sasaran pingat dengan izin, *performance based* di temasya Sukan Olimpik, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan SEA. Pelan periodisasi yang bersistematik dan berstruktur ini melibatkan semua pemegang taruh termasuklah jurulatih.

Para atlet yang berlatih di bawah kendalian MSN secara sepenuh masa ditawarkan pakej latihan yang khusus termasuklah:

- (i) elaun latihan bulanan;
- (ii) kemudahan penginapan dan rejim pemakanan;
- (iii) pendedahan latihan dalam dan luar negara;
- (iv) pertandingan dalam dan luar negara;
- (v) peralatan latihan dan pertandingan;
- (vi) kepakaran jurulatih;
- (vii) perkhidmatan sains dan perubatan sukan;
- (viii) program binaan; dan
- (ix) kebajikan.

Jumlah elaun menerusi Skim Latihan Atlet adalah mengikut prestasi. Setiap atlet boleh menerima sebanyak contohnya untuk Sukan Olimpik RM7,500, Sukan Asia dan Komanwel RM6,000 atau RM4,500, kejohanan dunia Asia atau Komanwel sekitar RM3,500, Sukan SEA sebanyak RM2,000, atlet program asas RM800 dan atlet separa masa sebanyak RM500.

Sebagai dorongan untuk meningkatkan prestasi Skim Hadiah Kemenangan Sukan atau SHAKAM pula disediakan sejak tahun 1986 lagi untuk atlet-atlet yang cemerlang di temasya antarabangsa. Sebagai contoh untuk pingat emas Sukan Olimpik kita bagi RM1 juta, Sukan Komanwel dan Sukan Asia RM80 ribu, Sukan SEA serta kejohanan individu di peringkat Asia, Komanwel dan dunia RM20 ribu bagi pingat emas pertama.

Untuk atlet yang telah melayakkan diri ke Sukan Olimpik dan Sukan Paralimpik, Skim Insentif Sukan Olimpik ataupun SISO pula menawarkan elaun bulanan berjumlah RM2,000 bermula dari tarikh kelayakan dalam tempoh setahun sebelum temasya.

■1050

Pemenang pingat Olimpik dan Paralimpik akan menerima Skim Imbuhan Tetap Olimpik (SITO) sepanjang hayat secara bulanan. Pemenang pingat emas akan menerima elaun RM5,000, pingat perak RM3,000 dan pingat gangsa RM2,000. Antara program latihan yang disediakan adalah Program Podium yang diwujudkan sebagai persediaan untuk menghadapi Temasya Olimpik 2020, Sukan Asia 2022, Sukan Komanwel 2022 dan Sukan SEA 2021, tertakluk kepada situasi semasa.

Di samping itu, Program Pelapis Kebangsaan yang merangkumi 16 jenis sukan teras bertujuan untuk mewujudkan kumpulan atlet terbaik remaja sebelum diserap ke podium seperti atlet pelapis kebangsaan ini juga akan menyertai Temasya Sukan Remaja seperti Sukan Olimpik Remaja, Sukan Remaja Asia dan Sukan Remaja Komanwel serta kejohanan-kejohanan antarabangsa yang lain.

Bagi sukan permotoran, KBS melalui Jabatan Belia dan Sukan Negara menyediakan pelbagai insentif kewangan dan latihan, termasuklah melalui *Sepang International Circuit* (SIC) bagi atlet dalam sukan permotoran dua roda. Atlet permotoran yang berbakat berpeluang menyertai perlumbaan di seluruh dunia termasuklah *Idemitsu Asia Talent Cup*, *European Talent Cup*, *CEV*, *FIM* dan *MotorGP*. Usaha sama bersama SIC akan dapat memastikan kesinambungan pelapis muda sukan permotoran negara. Contoh, 2019-kementerian telah memperuntukkan bantuan kewangan sebanyak RM760,072 kepada SIC dan RM100 ribu kepada pelumba motor negara, Hafiz Syahrin.

Manakala pada tahun 2020, SIC diperuntukkan sejumlah RM1.02 juta untuk latihan dan persiapan atlet permotoran negara, manakala saudara Hafiz Syahrin menerima RM600 ribu. Kesemua ini hanyalah sebahagian daripada usaha menyeluruh untuk membangunkan bakat-bakat sukan di setiap peringkat, membudayakan sukan di kalangan masyarakat serta membina ekosistem sukan yang lestari demi negara yang makmur agar kemakmuran dapat dikecapi bersama. Sekian, terima kasih.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Soalan tambahan. Kita sekarang ada pada masa kini menghadapi COVID-19 dan banyak pertandingan antarabangsa telah dibatalkan. Apakah perancangan jangka panjang kementerian dalam memberi bantuan kepada atlet negara di masa sekarang? Adakah kementerian bercadang untuk memberi peruntukan untuk menganjurkan lebih banyak pertandingan di dalam negara? Bukan sahaja di Kuala Lumpur dan pun ada di Kuching dan di Kota Kinabalu. Oleh sebab para atlet dari Sarawak dan Sabah datang pergi Kuala Lumpur untuk bertanding, adalah satu perjalanan kos tinggi ya. Sila Yang Berhormat Menteri jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, baru-baru ini Kementerian Belia dan Sukan telah melancarkan Inisiatif Prihatin Sukan. Selari dengan kita memahami keperluan terdesak yang mana golongan atlet kita terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan. Buat masa ini, kita pun maklum ada banyak pertandingan-pertandingan utama yang masih belum berjalan seperti biasa dan walaupun ianya berjalan, ia berjalan dengan keadaan yang sangat ketat, dengan SOP yang telah digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Jadi, antara inisiatif penting untuk kita membantu para atlet dan persatuan sukan adalah Inisiatif Prihatin Sukan 2020. Di mana kita beri bantuan dana dan geran kepada persatuan-persatuan sukan di seluruh negara, tidak kira sama ada di Borneo, di Sabah, Sarawak mahupun di Semenanjung. Tidak kira sukan yang sama ada sukan teras ataupun sukan rekreasi agar aktiviti-aktiviti yang ingin kita jalankan dalam tempoh yang agak terhad sewaktu PKP ini masih boleh dianjurkan dan penyertaan yang kita harapkan adalah selaras dengan SOP yang ada.

Jadi, untuk persoalan yang dibangkitkan oleh Tuan Senator tadi, saya maklum dan memang Kementerian Belia dan Sukan akan membantu atlet-atlet daripada Sabah dan Sarawak. Kalau mana mereka perlukan bantuan logistik untuk mereka berada di Kuala Lumpur. Contohnya, di Kementerian Belia dan Sukan, kita ada banyak kemudahan-kemudahan fasiliti penginapan untuk atlet-atlet ini, kita tampung kos mereka dari segi *in-kind*, dengan izin.

Jadi, dari segi itu saya rasa Kementerian Belia dan Sukan komitedlah untuk memastikan atlet Sabah dan Sarawak tidak terkecuali daripada bantuan-bantuan tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

8. Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan minta Menteri Alam Sekitar dan Air menyatakan, bagaimana penguatkuasaan terhadap kilang-kilang yang beroperasi bagi mengelakkan pencemaran terhadap air sungai seperti yang berlaku di Sungai Kim-Kim, Pasir Gudang.

Timbalan Menteri Alam Sekitar [Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi taala wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan selamat datang dan tahniah kepada sahabat saya, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin.

Untuk jawapan kepada soalan ini, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Jabatan Alam Sekitar terus melipat gandakan tindakan melalui Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) kepada semua kilang-kilang yang dikenal pasti sebagai berisiko menyumbang kepada pencemaran air sungai. JAS menjalankan penguatkuasaan di lapangan

secara berkala ke atas semua kilang-kilang bagi memastikan mereka mematuhi AKAS 1974 secara sepenuhnya.

Penguatkuasaan adalah merangkumi seksyen 25 akta iaitu kawalan terhadap pelepasan *effluent* ke perairan daratan, alur, sungai ataupun sungai-sungai berhampiran. Berdasarkan kepada rekod kami di KASA dan juga rekod Jabatan Alam Sekitar, terdapat sebanyak 57,396 kilang yang telah menjalankan pelbagai aktiviti perindustrian yang beroperasi di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, kita dapati sebanyak 3,480 kilang yang telah menghasilkan *effluent* perindustrian.

Pada tahun 2020, untuk makluman semua sidang Dewan, jabatan ini telah mengambil inisiatif berimpak tinggi dengan melaksanakan apa yang dikatakan sebagai Ops Gempur iaitu satu operasi ke atas kilang yang dibuat secara besar-besaran dengan kerjasama daripada pelbagai agensi dan dilakukan secara *random*.

Melalui Ops Gempur ini, pemeriksaan dilaksanakan berdasarkan beberapa kriteria. Dalam hal ini, bagi tempoh Januari 1 sehinggalah 31 Ogos 2020, JAS telah menjalankan sebanyak 66 operasi di seluruh negara yang melibatkan pemeriksaan ke atas 2,398 buah kilang daripada pelbagai jenis industri. Sebanyak 2,819 daripadanya telah pun dikenakan tindakan penguatkuasaan di bawah AKAS 1974 dan telah diambil ke atas pihak-pihak yang didapati tidak mematuhi undang-undang tersebut, termasuklah kesalahan berkaitan dengan pencemaran air.

Untuk sidang makluman Dewan, di peringkat global pula, menurut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, jenayah alam sekitar ini adalah merupakan jenayah terancang keempat terbesar selepas dadah, pengubahan wang haram dan juga pemerdagangan manusia yang mencecah nilainya sehingga kepada USD258 bilion pada tahun 2016. Menurut PBB juga, saya petik, angka ini telah meningkat daripada lima peratus hingga ke tujuh peratus setiap tahun. Isu jenayah alam sekitar ini pada hemat saya bukan sahaja mengancam kelestarian negara dan juga kesihatan manusia tetapi sebenarnya ia juga telah menggugat keselamatan negara secara amnya.

Oleh yang demikian, amalan Yang Berhormat Menteri KASA, yang saya maklumkan, Yang Berhormat Dato' Seri Tuan Ibrahim Tuan Man, sebagaimana semalam beliau telah mengumumkan satu pasukan petugas khas cegah jenayah alam sekitar yang melibatkan kerjasama antara unit penguat kuasa JAS, SPAN, JPK dan juga Polis Diraja Malaysia. Ini adalah merupakan satu komitmen terbaru pihak KASA di bawah inisiatif dan kepimpinan Dato' Seri Tuan Ibrahim dalam usaha untuk memastikan bahawasanya isu yang membabitkan jenayah alam sekitar ini dapat ditangani secara lebih tuntas. Sekian, terima kasih.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Bagaimanakah dengan penubuhan pasukan khas cegah jenayah alam sekitar dapat

memastikan tindakan ke atas penjenayah-penjenyah alam sekitar ini dapat diambil dengan segera?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan sebentar tadi. Untuk makluman Dewan, sebenarnya Mesyuarat Pasukan Khas Jenayah Alam Sekitar ini telah ditubuhkan serta-merta dengan mengambil kira keadaan semasa dan keseriusan kerajaan dalam usaha untuk menangani masalah-masalah yang berkaitan dengan penjenyah alam sekitar ini.

Didapati bahawasanya penurunan kuasa yang diberikan kepada pihak PDRM yang mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas penjenyah alam sekitar ini dengan kadar segera adalah satu tindakan yang dikatakan akan memberi satu kelebihan kepada pasukan ini. Di mana pasukan ini selain melibatkan pasukan-pasukan daripada KASA, ianya melibatkan penglibatan dengan KDN secara keseluruhannya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■1100

9. Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff minta Menteri Kesihatan menyatakan, pendirian kerajaan terhadap amalan perubatan menggunakan *stem cell*.

Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]: [*Membaca sepotong doa*] Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia hanya membenarkan amalan perubatan menggunakan *stem cell*, dengan izin, yang telah terbukti kesahihannya daripada segi keberkesanan dan keselamatannya kepada pesakit.

Pada tahun 2009, KKM telah mengeluarkan satu piawaian kebangsaan bertajuk, dengan izin, "*National Standards for Haemopoietic Stem Cell Therapy*", berkaitan indikasi penyakit-penyakit yang boleh dirawat melalui transplantasi sel *stem* yang telah diiktiraf melalui *evidence-based medicine*, dengan izin, seperti penyakit kanser darah, dan beberapa penyakit genetik yang lain. Antaranya, KKM telah mewujudkan apa yang dikatakan *National Guidelines for Haemopoietic Stem Cell Therapy* yang diguna pakai oleh pakar-pakar, mereka yang akan menggunakan rawatan *stem cell* ini.

Manakala rawatan transplantasi menggunakan *stem cell* yang belum terbukti kesahihannya daripada segi keberkesanan dan keselamatannya kepada pesakit, ia perlu dilaksanakan di bawah kajian klinikal dan perlu mematuhi kriteria penyelidikan ataupun *research protocol*, dengan izin, yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian yang mana mereka mesti ada apa yang kita katakan, dengan izin, *good clinical practices*, dan *good laboratory practices*. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Mohon soalan lanjutan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Menteri maklum amalan sel *stem* ini berjalan agak lama di Malaysia. Yang Berhormat Menteri juga maklum dalam penjelasan tadi ada manfaat-manfaat yang dicapai.

Soalan saya, adakah setakat hari ini kerajaan mempertimbangkan, mengadakan undang-undang bagi tujuan mengawal selia amalan ini? Ini kerana, bagi saya seperti Yang Berhormat Menteri katakan tadi, takut ada yang memudaratkan nanti.

Akan tetapi, bagi saya mungkin tiba masanya satu undang-undang diperkenalkan untuk mengawal selia amalan sel *stem* ini. Ini kerana, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya rasa untuk terutama sekali kalau ia dapat manfaat kepada golongan yang miskin kerana *stem cell* ini mahal. Jadi, saya rasa kalau kita kerajaan dan dasar dengan undang-undang dan malah untuk kepentingan orang miskin, saya rasa ia dapat membantu masyarakat Malaysia. Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti yang kita faham, *stem cell* ini boleh membahagi dan ia boleh jadi pelbagai bentuk tisu dan organ. Ia boleh didapati daripada sumsum tulang, darah periferi dan juga tali pusat.

Kaedahnya seperti yang saya katakan tadi, memerlukan kaedah yang sangat ketat. Kerajaan sentiasa berusaha untuk mengawal kerana, dengan izin, untuk *protect*, untuk menyelamatkan rakyat daripada perkara-perkara yang tidak diingini berlaku. Oleh sebab itu, kerajaan hari ini pada ketika ini belum ada undang-undang yang jelas untuk perkara ini. Akan tetapi, setiap syarikat ataupun sesiapa sahaja yang akan menjalankan kajian mestilah berdaftar dengan KKM melalui Akta 346.

Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Komiti Kebangsaan. Jawatankuasa Sel Stem Kebangsaan, ini untuk pengawalan dan telah ditubuhkan sebagai salah satu jawatankuasa teknikal di bawah Jawatankuasa Teknikal Transplantasi Kebangsaan. Ia bertujuan mengawal selia dan memantau aktiviti-aktiviti *stem cell* yang dijalankan. Di dalam ini ada tiga jawatankuasa yang mana yang pentingnya ialah Jawatankuasa *Stem Cell Research and Ethics Sub-Committee*, dengan izin.

Jawatankuasa Kebangsaan Etika Penyelidikan dan Terapi Sel Stem ini yang dinamakan NSCERT yang telah dimantapkan pada 2009 ialah satu jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam memastikan polisi dan garis panduan penyelidikan sel *stem* diwujudkan dan dipatuhi. Perlu juga memastikan bahawa setiap penyelidikan yang dijalankan itu haruslah mematuhi etika yang ditetapkan dalam buku *Guidelines for Stem Cell Research and Therapy* yang saya umumkan tadi.

Jadi, NSCERT ini sebenarnya dipengerusikan oleh Profesor Datuk A. Rahman A. Jamal daripada UKM. Di dalam NSCERT ini ada Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan sendiri,

Penyelidikan dan Sokongan Teknikal iaitu Dr. Hishamshah bin Mohd Ibrahim. Banyak kajian telah dilakukan di IPTS, IPTA dan juga syarikat-syarikat persendirian dan makmal persendirian. Akan tetapi, contohnya, apa yang saya dapat maklum pada tahun 2016 HUKM ataupun HUTM telah memenangi anugerah *The BrandLaureate* dalam kajian mengenai *stem cell* ini.

Jadi, adalah diharapkan kerajaan sebenarnya memberikan dana yang lebih untuk memajukan *stem cell* ini supaya kita setanding dengan negara-negara maju. Seperti Yang Berhormat Senator sebutkan tadi, bagaimana supaya mereka rakyat miskin ini dapat manfaat daripada perkara ataupun *stem cell* ini yang merupakan satu anugerah Allah SWT yang sangat besar. Ini kerana, cuba kita bayangkan kalau kajian dilakukan dan dapat membuktikan bahawa *stem cell* ini dapat disuntik dan merawat contohnya organ-organ yang cedera seperti jantung, hati, buah pinggang dan sebagainya. Bagaimanakah kita dapat menguntungkan rakyat di negara ini juga? Sekian, terima kasih.

10. Datuk Mohan a/l Thangarasu minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan, langkah-langkah yang telah dilaksanakan kerajaan setakat ini dalam membendung isu-isu perpaduan yang bertambah buruk sejak dua tahun yang lalu.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara [Dato' Sri Ti Lian Ker]: Tuan Yang di-Pertua...

*Anak Raja sedang bersantap;
Habis santap terus beradu;
Tindakan telah disusun mantap;
Agar rakyat terus bersatu.*

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu, Kementerian Perpaduan Negara sedang melaksanakan kerangka Dasar Perpaduan Negara. Antara langkah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan adalah seperti berikut.

Secara dasar, kementerian merangka Dasar Perpaduan Negara (DPN) yang akan merangkumi semua inisiatif dan perancangan strategik kementerian. Ia juga merupakan rangka asas dalam pelaksanaan beberapa strategi kementerian sebagai usaha untuk melahirkan bangsa Malaysia yang mengamalkan cara hidup berbudi, saling menyantuni, progresif dan berfikiran serta mengamalkan cara-cara perpaduan bersama-sama ke arah satu Malaysia yang sejahtera.

Dasar Perpaduan Negara dijangka akan dilancarkan pada bulan Januari tahun depan. Daripada segi pengisian dasar, satu Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) telah pun ditubuhkan.

Dalam pada itu, Kementerian Perpaduan Negara telah menubuhkan MPPN ini yang akan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kanan Kluster Sosial dan dianggotai oleh tokoh-tokoh masyarakat yang merangkumi pelbagai sektor termasuk daripada badan-badan

bukan kerajaan, pihak swasta, korporat dan individu-individu yang berpengalaman, berkepakaran dalam bidang perpaduan. Majlis Penasihat Perpaduan Negara berperanan menasihati kerajaan dalam hal ehwal perpaduan dan integrasi nasional serta menangani isu dan keharmonian rakyat berbilang kaum di Malaysia.

Jawatankuasa Pelaksana Perpaduan Negara (JKPPN) pula telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan akan dianggotai oleh EXCO-EXCO Perpaduan Negeri. Jawatankuasa Pelaksana Perpaduan Negara adalah sebagai satu forum perbincangan isu dan masalah yang berkaitan dengan perpaduan dan integrasi nasional yang dianggotai oleh semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perpaduan Negeri.

Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri akan dipengerusikan oleh Yang Berhormat EXCO Perpaduan Negeri dan dianggotai oleh wakil-wakil agensi kerajaan, pegawai-pegawai perpaduan daerah, wakil-wakil NGO, pihak swasta dan individu yang berpengalaman serta berkepakaran. Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri memainkan peranan untuk menjelaskan isu-isu semasa dan juga menjawab persoalan yang menjadi pertikaian di peringkat akar umbi.

Dalam usaha untuk memperkukuhkan perpaduan antara kaum, Kementerian Perpaduan Negara akan memantapkan: pertama, peranan sejumlah 8,274 KRT di seluruh negara sebagai ejen perpaduan bersama komuniti setempat; kedua, memperkasakan sejumlah 6,621 Kelab Rukun Negara di sekolah rendah dan sekolah menengah dan 172 Sekretariat Rukun Negara di institut pengajian tinggi awam dan swasta; dan akhirnya, penghayatan pendidikan Rukun Negara dalam sistem pendidikan negara bermula dari pendidikan awal kanak-kanak sekolah rendah dan sekolah menengah. Sekian, terima kasih.

■1110

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adalah apakah fungsi dan peranan Kelab Rukun Negara (KRN) dan Sekretariat Rukun Negara (SRN) dalam membantu membendung isu berkaitan dengan perpaduan dan seterusnya memperkukuhkan kembali perpaduan di negara kita.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Tuan Yang di-Pertua, melalui Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara, kementerian akan memperkenalkan prinsip-prinsip Rukun Negara, memberi pengertian dan kefahaman tentang lima prinsip Rukun Negara, menyuburkan dan mempertingkatkan kesedaran kerohanian dan kepentingan Rukun Negara sebagai asas norma kehidupan dan menjadikan prinsip-prinsip Rukun Negara sebagai satu amalan cara hidup yang berterusan.

Bagi melahirkan masyarakat yang mempunyai jati diri, setia, bersatu padu, berwawasan, bermaruah, bersikap terbuka dan beretika sejajar dengan wawasan negara. Fungsi peranan SRN adalah berobjektif seperti berikut:

- (i) menjadi mekanisme kepada kerajaan di peringkat IPT dalam memperkayakan pengetahuan, pemahaman, penghayatan, penilaian dan pengamalan mahasiswa terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara;
- (ii) menjadikan Sekretariat Rukun Negara sebagai platform berkesan untuk menyemai dan memperkukuhkan semangat patriotisme di kalangan mahasiswa dan ke arah menubuhkan satu angkatan perpaduan;
- (iii) meningkatkan kesedaran khususnya di kalangan mahasiswa untuk mempraktikkan prinsip-prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian, ke arah melahirkan masyarakat yang mempunyai jati diri, setia, bersatu padu, berwawasan, bermaruah, bersikap terbuka dan beretika sejajar dengan wawasan negara;
- (iv) akhirnya, mewujudkan negara bangsa yang mampu bersaing dan berdiri sama tinggi di persada dunia.

Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Sabani binti Mat: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Budi ikhlas tak minta dibalas;
Soalan saya nombor sebelas.*

11. Puan Hajah Sabani binti Mat minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apakah strategi dan langkah segera yang dilakukan oleh pihak kementerian dalam strategi memulihkan aktiviti perdagangan dan ekonomi yang terjejas teruk akibat pandemik COVID19.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]: Terima kasih Yang Berhormat. Salam sejahtera dan Selamat Hari Malaysia dan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memulihkan aktiviti perdagangan dan ekonomi negara, strategi dan langkah kementerian adalah seperti berikut. Pertamanya, meningkatkan pelaburan di Malaysia melalui pelbagai inisiatif dan strategi di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan dilaksanakan melalui agensi di bawah kementerian iaitu Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Insentif dan strategi adalah seperti berikut:

- (i) memberi pengecualian cukai sebanyak 100 peratus selama 10 tahun untuk pelaburan dalam sektor pengilangan dengan pelaburan harta tetap di antara RM300 hingga RM500 juta. Bagi pelaburan melebihi RM500 juta kita memberi pengecualian selama 15 tahun;
- (ii) memberi elaun cukai pelaburan sebanyak 100 peratus selama lima tahun bagi syarikat yang memindahkan fasiliti pengilangan mereka di luar negara ke Malaysia;
- (iii) memberi galakan elaun pelaburan semula untuk syarikat-syarikat yang melabur dalam aktiviti pembuatan dan pertanian yang terpilih;
- (iv) memberi kelulusan lesen pengilangan dalam tempoh dua hari melalui platform e-digital (EML); dan
- (v) menubuhkan Unit Penyelarasan dan Akselarasi Projek (PACU) untuk memantau dan mempercepatkan kelulusan permohonan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada meningkatkan pelaburan kita juga membantu meningkatkan eksport melalui agensi MATRADE. Di mana inisiatif dan usaha kita ialah:

- (i) kita mewujudkan Program eTRADE untuk membantu syarikat mempromosikan produk mereka di luar negara; dan
- (ii) kita memberi geran pembangunan pasaran (MDG) untuk membantu meringankan beban kewangan syarikat pengusaha kecil dan sederhana (PKS) Malaysia;

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah ramalan ataupun perancangan kementerian dalam meningkatkan lagi dagangan eksport negara dalam jangka masa yang terdekat terutamanya kepada negara yang mengimport tertinggi. Umpamanya US, China dan juga Kesatuan Eropah. Terima kasih.

Datuk Lim Ban Hong: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada usaha yang saya sebutkan tadi melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) iaitu Program eTRADE dan MDG, kita juga telah mengadakan pameran perdagangan kerana adalah kita sedia maklum sekarang pameran perdagangan secara fizikal tidak dapat dilakukan maka kita melakukan pameran perdagangan secara maya.

Contohnya kita ada pameran perdagangan MyAPEC2020 yang melibatkan 21 entiti ekonomi dan di mana kita menggunakan platform seperti ini untuk mempromosikan produk Malaysia. Begitu juga ada pameran perdagangan lain yang kita akan adakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

12. Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair minta Menteri Alam Sekitar dan Air menyatakan, adakah kerajaan merancang untuk mengadakan undang-undang yang lebih keras dengan denda berat dan hukuman penjara mandatori dengan mengenakan bayaran kepada pesalah untuk membersihkan air dan menggantung lesen kilang yang terlibat dalam pencemaran air mentah yang masa kini menjadi suatu ancaman di seluruh negara dan menjejaskan ribuan isi rumah.

Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad]:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya bangkit untuk menjawab soalan pada pagi ini.

Yang Berhormat Dato' Kesavadas, jawapan saya begini Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) ini sebenarnya mengambil berat segala bentuk aktiviti yang telah merosakkan alam sekeliling termasuklah pencemaran air. Berdasarkan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) ini, bagi kesalahan pencemaran air denda maksimum yang boleh dikenakan adalah sebanyak RM100 ribu, atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali. Ini adalah peraturan denda pada waktu sekarang.

Namun begitu, didapati bahawasanya berdasarkan rekod kita, sebanyak 525 premis telah diambil tindakan penguatkuasaan kerana didapati melakukan kesalahan-kesalahan berkaitan dengan pencemaran air ini Yang Berhormat Dato' dan manakala itu, daripada sebanyak itu, sebanyak 815 tindakan penguatkuasaan telah diambil oleh kementerian.

Merangkumi 224 notis arahan, 517 kompaun dengan jumlah nilai sebanyak RM1.034 juta, 20 penahanan operasi kelengkapan, enam premis digantung lesen dan 48 kertas siasatan untuk tindakan mahkamah dan sehingga kini sebanyak 39 premis telah pun didakwa oleh kerajaan dan disabitkan kesalahan dengan jumlah denda keseluruhan yang dipungut oleh kerajaan adalah sebanyak RM1.051 juta.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bagi tempoh Januari sehingga Ogos 2020 jumlah keseluruhan kadar kompaun dan denda mahkamah adalah sebanyak RM2.085 juta dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, proses pindaan AKAS 1974 ini sedang dilaksanakan oleh pihak kementerian.

Antara perkara yang telah diambil kira dan akan di ambil kira dalam pindaan ini adalah untuk meningkatkan kadar denda maksimum bagi kes pencemaran air di samping memastikan had denda minimum supaya pendekatan ini akan bersifat *different*, dengan izin, Dewan. Jumlah denda maksimum dan minimum yang sedang dibincangkan ini belum lagi dimuktamadkan kerana masih dalam proses perbincangan dan ia akan mengambil kira semua pandangan pemegang taruh dan juga pakar-pakar alam sekitar.

Pindaan AKAS 1974 ini, *insya-Allah* akan dibentangkan ke Dewan yang mulia ini pada tahun hadapan. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kerajaan bercadang selain mengenakan hukuman penjara mandatori, denda yang lebih berat dikenakan juga hukuman sebat ke atas pihak yang melakukan pencemaran sungai.

Hal ini sebab tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada beritahu ini kesalahan nombor empat di dalam dunia yang terbesar.

Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad: Ya, dalam konteks Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, pencemaran atau penjenayah alam sekitar ini dianggap sebagai jenayah keempat yang terbesar. Namun dalam konteks jenayah alam sekitar ini bukan hanya semata-mata pencemaran air Yang Berhormat.

Dalam hal ini belum lagi kita putuskan sama ada hukumannya akan bersifat seperti hukuman sebatan dan sebagainya kerana ia masih belum dimuktamadkan dalam proses perbincangan. Saya tidak boleh membuka jawapan kepada ruangan ini.

■1120

Insyah-Allah apabila dibentangkan di Dewan pada tahun hadapan, kita akan lihat bagaimana bentuk hukumannya. Akan tetapi itu adalah merupakan satu saranan yang baik. Terima kasih.

13. Datuk Haji Bashir bin Haji Alias minta Menteri Kesihatan menyatakan, jumlah pesakit Labuan yang perlu dirujuk ke Hospital Kota Kinabalu termasuk rawatan susulan untuk tahun-tahun terakhir ini. Apakah perancangan bagi meningkatkan kemudahan dan kepakaran di Hospital Labuan agar pesakit boleh dirawat sepenuhnya di Hospital Labuan.

Timbalan Menteri Kesihatan II [Datuk Aaron Ago Dagang]: *Sorry* tak nampak. Tuan Yang di-Pertua, Hospital Labuan merupakan sebuah hospital pakar minor yang berkapasiti 122 buah katil. Pada masa ini Hospital Labuan mempunyai pakar residen dalam 10 bidang kepakaran iaitu bidang perubatan am, pembedahan am, pediatrik, parasitologi, obstetrik dan ginekologi, ortopedik, kecemasan, psikiatri, radiologi serta patologi.

Di samping itu, Hospital Labuan juga menerima perkhidmatan pakar dari Hospital Queen Elizabeth yang bertugas secara penggiliran tetap dalam bidang-bidang lain. Hospital Labuan juga merupakan sebahagian daripada inisiatif hospital kluster wilayah dua yang diketuai oleh Hospital Kuala Lumpur sebagai *lead hospital* dan Hospital Labuan, Hospital Tunku Azizah dan institusi perubatan *respiratory* sebagai *non-lead hospital*.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2018 seramai 117 pesakit yang dirujuk keluar ke hospital pakar terdekat iaitu Hospital Queen Elizabeth I dan Hospital Queen Elizabeth II dan juga Hospital Wanita dan Kanak-kanak di Likas. Manakala pada tahun 2019 seramai 141 orang pesakit yang dirujuk kepada hospital-hospital tersebut. Kadar

penggunaan katil di Hospital Labuan adalah sebanyak 55.53 peratus pada tahun 2018 dan tahun 2019. Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil maklum akan keperluan untuk menaik taraf kemudahan di Hospital Labuan selaras dengan perancangan perkhidmatan perubatan yang bakal disediakan di hospital tersebut.

Permohonan projek pembangunan farmasi steril atau bilik bersih, Hospital Labuan telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dan projek ini sedang dalam peringkat memuktamadkan skop projek bagi tujuan tender. Selain itu, kementerian juga bercadang untuk menaik taraf infrastruktur hospital termasuk sistem gas, perubatan dan sistem penghawa dingin. Bagi perancangan jangka masa panjang, kementerian juga bercadang untuk membina sebuah kompleks pakar baru bagi menempatkan klinik pakar, pusat rawatan harian dan lain-lain.

Kementerian juga akan memohon pelaksanaan projek-projek ini di dalam *Rolling Plan*, RMK12 yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Bashir bin Haji Alias: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan. Namun, kalau jika kita melihat dari segi kedudukan geografinya, Labuan adalah sebuah pulau yang terletak jauh jaraknya daripada Kota Kinabalu dan terpaksa menaiki pengangkutan yang amat sukar iaitu melalui laut. Adakah pihak kementerian mempunyai perancangan dalam masa terdekat untuk menyediakan ambulans laut bagi memudahkan pesakit dihantar dengan mudah dan cepat ke tanah besar seberang.

Adakah kementerian bercadang untuk menaik taraf Hospital Nukleus sebagai hospital berpakar penuh pada masa akan datang? Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Aaron Ago Dagang: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua seperti yang saya katakan tadi, perancangan untuk menaik taraf Hospital Labuan kepada hospital pakar penuh akan diadakan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas. Sekarang ini kita gunakan pakar lawatan daripada Hospital Queen Elizabeth I, dan Hospital Queen Elizabeth II, dan juga daripada Hospital Kuala Lumpur untuk ke Labuan untuk mengadakan lawatan untuk pesakit-pesakit yang amat memerlukan.

Kita difahamkan bahawa pesakit yang dirujukkan kepada hospital-hospital pakar di Kota Kinabalu adalah mereka yang sakit jantung, neurologi, kanser dan juga *accident*. *Proposal* untuk ambulans laut mungkin kita akan dipertimbangkan dalam masa-masa akan datang. Terima kasih.

14. Tuan Manolan bin Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan akan meneruskan Jawatankuasa Kabinet mengenai isu-isu masyarakat minoriti khususnya untuk masyarakat Orang Asli yang telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 12 Jun 2019 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)

[Datuk Haji Shabudin Yahaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, kerajaan sebelum ini telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Isu Masyarakat Minoriti yang diringkaskan kepada JKKMIMM. Dengan peranan yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

- (i) menggubal dasar dan hala tuju berkaitan hak kumpulan minoriti berdasarkan prinsip-prinsip yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan;
- (ii) menilai dan meluluskan strategi bagi menangani tujuh isu utama berkaitan dengan komuniti terpinggir yang berkaitan dengan pendidikan, kesihatan, tanah, ekonomi, infrastruktur, kebudayaan dan juga kepimpinan;
- (iii) menimbang dan meluluskan program ataupun projek berkaitan kumpulan minoriti untuk tindakan jawatankuasa peringkat eksekutif dan jawatankuasa kumpulan kerja mengikut kluster;
- (iv) memperakukan syor dan keputusan JKKMIMM untuk dipertimbangkan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri; dan
- (v) untuk memantau keberkesanan pelaksanaan ke atas keputusan yang telah dibuat oleh JKKMIMM.

Tuan Yang di-Pertua, keanggotaan JKKMIMM ini adalah terdiri daripada wakil kementerian, ahli-ahli akademik, wakil *non-government organization* (NGO), pemain industri dan wakil-wakil persatuan dan golongan profesional yang berkaitan. Jawatankuasa ini telah pun bersidang buat kali yang pertama pada 17 Januari 2020.

Penyusunan semua kementerian di bawah pentadbiran Kerajaan Perikatan Nasional telah menyaksikan empat bidang tanggungjawab utama telah diwujudkan untuk tujuan tersebut seperti berikut iaitu:

- (i) tanggungjawab yang berkaitan dengan ekonomi;
- (ii) tanggungjawab yang berkaitan dengan keselamatan;
- (iii) tanggungjawab yang berkaitan dengan pembangunan infrastruktur; dan
- (iv) tanggungjawab yang berkaitan dengan pendidikan dan sosial.

Berikutan daripada penyusunan semula tersebut, kerajaan sedang meneliti dan menyemak semula peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Isu

Masyarakat Minoriti yang diwujudkan sebelum ini dengan objektif untuk memastikan fungsinya yang lebih fokus, tersusun dan holistik. Ini termasuklah meneliti semula hala tuju jawatankuasa berkenaan supaya selaras dengan objektif tersebut. Kerajaan juga sentiasa komited untuk mencari mekanisme yang terbaik bagi membantu masyarakat minoriti mendapat hak yang sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan yang baik. Saya mengucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana masih meneruskan jawatankuasa ini.

Soalan saya adalah berkenaan dengan apabila disyorkan semula, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa akan dipecahkan kepada beberapa bahagian dan salah satunya adalah berkenaan dengan ekonomi. Apabila kita sebut berkenaan dengan ekonomi ini, adakah pihak kerajaan melihat bahawa apabila mereka dapat menyelesaikan ekonomi dan pendapatan Orang Asli ini dia boleh menyelesaikan banyak perkara di samping termasuk isu kesihatan, infrastruktur, pendidikan dan sebagainya.

Jadi apakah perancangan untuk meningkatkan ekonomi ini dengan melaksanakan ataupun dengan mengadakan langkah-langkah yang lebih segera supaya dapat merizabkan tanah-tanah adat dan masyarakat Orang Asli ini supaya tidak ada... [*Rakaman kurang jelas*] Akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Fokus Yang Berhormat, fokuskan. Yang mana yang hendak di jawab?

Tuan Manolan bin Mohamad: Jadi apakah perancangan ekonomi pihak kerajaan? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, perancangan ekonomi.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Manolan. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dimaklumkan tadi, jawatankuasa yang berkenaan sekarang ini sedang dikemaskinikan semula berikutan dengan penstrukturan kementerian dan juga agensi.

■1130

Oleh sebab JAKOA sekarang bukan lagi di bawah JPM dan diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, maka pewujudan jawatankuasa ini amat perlu untuk menjadi satu *one-stop coordination center*- berpusat bagi menghubungkan semua kementerian dan agensi yang berkaitan untuk membantu masyarakat minoriti, khususnya Orang Asli.

Jadi dalam hal ini Yang Berhormat, jawatankuasa ini akan menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi secara NBOS bersama-sama dengan EPU, KPLB

dan juga agensi-agensi lain untuk kita menyelaraskan aspek-aspek ekonomi yang akan dibangunkan. Sekarang ini dalam proses pembentukan perancangan Rancangan Malaysia Kedua Belas, adalah satu masa yang amat sesuai untuk jawatankuasa ini mencadangkan kepada kerajaan projek-projek yang berimpak tinggi kepada masyarakat golongan minoriti.

Jadi *insya-Allah*, secara detil nya tidak dapat saya kemukakan di sini tetapi kerajaan mengambil perhatian yang amat serius untuk menentukan bahawa pembangunan dari aspek ekonomi kepada masyarakat komuniti yang dimaksudkan tadi iaitu masyarakat Orang Asli akan terbela dan akan terjamin. Dengan adanya jawatankuasa ini, pemusatan kepada perancangan dan perbincangan akan dapat dilakukan dengan sempurna. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali. Sesi soal jawab secara lisan berakhir. Setiausaha.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.31 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)

[Datuk Haji Shabudin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 21 September 2020”.

Tuan Yang di-Pertua: Menyokong. Seorang Ahli menyokong.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal]: Saya menyokong usul yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah*, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan kemudiannya, atas Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih di atas Titah Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Majlis Parlimen Yang Keempat Belas." **[11 September 2020]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini merupakan hari ketiga iaitu hari terakhir giliran para Menteri menjawab. Sila lihat giliran kementerian masing-masing dan kita mulakan.

Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

11.34 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Rosol bin Wahid]: Ya. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh...* [Membaca sepotong doa]

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan rakyat di kementerian ini dalam perbahasan Titah Diraja yang lalu. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Rosol bin Wahid: Beliau bukan nama asing dalam bidang perundangan dan politik negara dan pernah menjadi Menteri Besar, Jemaah Menteri dan sekarang menggalas tanggungjawab untuk mengemudi Dewan Negara yang mulia ini. Saya mendoakan semoga Allah SWT memberi petunjuk dan hidayah kepada Tuan Yang di-Pertua untuk menjalankan

tugas dengan baik dan seterusnya membawa Dewan ini ke mercu yang lebih cemerlang dan gemilang di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua: *Insya-Allah*. Sila.

Dato' Rosol bin Wahid: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sepanjang perbahasan Titah Diraja, terdapat beberapa perkara telah disentuh berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili ada membangkitkan isu sama ada kementerian mempunyai rancangan untuk mewujudkan satu jawatankuasa di peringkat tempatan untuk mewujudkan jaringan di antara kementerian, masyarakat peniaga dan juga pemimpin-pemimpin dan penggiat-penggiat masyarakat tempatan. Isu seterusnya yang dibangkitkan ialah isu pelaksanaan Kempen Beli Barangan Malaysia.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Untuk makluman warga Dewan sekalian, Kempen Beli Barangan Malaysia, kita punya *hashtag* ialah *#barangbaikbarangkita*. Berhubung dengan isu penubuhan jawatankuasa untuk mewujudkan jaringan antara kementerian, masyarakat peniaga dan pemimpin tempatan, kementerian sentiasa mengadakan sesi libat urus, kerjasama strategik dan advokasi melibatkan pihak-pihak berkaitan.

Saya juga ingin memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa antara jawatankuasa yang membincangkan isu harga barang keperluan dan isu kos sara hidup di kementerian ini ialah Majlis Tindakan Sara Hidup Negara dan pasukan petugas khas menangani bekalan dan harga ayam. Kita mengadakan advokasi dan juga libat urus dengan pemain industri, dengan komuniti dan juga dengan ahli-ahli akademik.

Kita mengadakan mesyuarat dan perjumpaan dengan pemain-pemain ataupun pemilik francais jualan langsung dan juga mengadakan hubungan yang erat dengan platform e-dagang- *Shopee, Lazada, PG Mall* dan sebagainya.

Berhubung dengan isu Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) pula, suka saya ingin memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa kementerian mempunyai peranan dalam usaha kerajaan memulihkan sektor ekonomi yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19.

Dalam usaha merangsang semula aktiviti ekonomi, KPDNHEP ada memainkan peranan dengan menggerakkan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM). Kempen ini dapat mengukuhkan semula permintaan domestik serta merangsang perbelanjaan isi rumah yang mana secara tidak langsung ia memberi manfaat kepada peniaga-peniaga tempatan. Kempen ini telah digerakkan dengan pelancaran di peringkat kebangsaan oleh Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri pada 18 Julai 2020 yang lalu di KLCC dengan dana sebanyak RM20 juta. Kempen ini juga dijalankan secara serentak dengan Program Jualan Malaysia (PJM) yang bermula pada Jun hingga Disember tahun ini.

Diharap dengan pelaksanaan KBBM dan PJM, pihak KPDNHEP dapat mencapai sasaran untuk menganjurkan program peringkat kebangsaan sepanjang tahun dengan tema dan segmen produk berbeza setiap bulan. Di samping KBBM pula mencapai objektif penembusan produk tempatan dalam sektor peruncitan negara, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim telah membangkitkan isu berhubung pengambilan untung berlebihan dan pematuhan harga siling pelitup muka. Berhubung isu pengambilan untung berlebihan ini, suka saya memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa pihak KPDNHEP melalui Bahagian Penguat Kuasa sentiasa membuat pemeriksaan pematuhan di premis-premis perniagaan yang terlibat.

Sehingga September 2020, kementerian telah melaksanakan pemeriksaan penguatkuasaan melibatkan 54,642 pemeriksaan di seluruh negara. Sebanyak 57 kes telah dihasilkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan Akta Kawalan Bekalan 1961 dengan amaun sitaan lebih kurang RM570 ribu. KPDNHEP juga terus memantau dan menilai situasi bekalan serta menyemak semula harga siling pelitup muka, mengambil kira kepentingan pengguna, pengilang tempatan dan juga pengimport.

■1140

Pada suatu masa, kita meletakkan RM1.50, kemudian turun kepada RM1.20 dan hari ini hanya RM1. *Insya-Allah*, kita akan berusaha untuk mengurangkan lagi harga pelitup muka ini demi kepentingan pengguna di negara ini.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa terdapat hospital swasta yang telah dikenakan kompaun sehingga RM200 ribu kerana kesalahan menjual topeng muka melebihi harga maksimum semasa tempoh PKP baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan pada kali ini. Saya percaya pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu memperkukuhkan lagi dasar dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kementerian ini untuk dilaksanakan. Mudah-mudahan, *insya-Allah* setiap perkara yang dibahaskan pada hari ini akan membawa keberkatan oleh Allah SWT. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Rosol bin Wahid, Timbalan Menteri kita yang mewakili Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Terima kasih di atas jawapan yang baik dan tepat ya.

Sekarang saya jemput pula Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Dipersilakan.

11.41 pg.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu, izinkan saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih di atas keprihatinan seramai empat Ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun membahaskan isu-isu yang melibatkan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sepanjang tempoh perbincangan pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu pemerkasaan koperasi luar bandar. Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris telah pun membangkitkan isu berkenaan pembangunan pekebun kecil terutama sekali generasi kedua melalui pemerkasaan koperasi luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, kementerian telah pun menjalinkan beberapa kerjasama strategik dengan kementerian dan juga agensi kerajaan yang lain dalam usaha untuk membangunkan koperasi luar bandar melalui program pembiayaan dan juga program latihan serta pembangunan kapasiti usahawan yang ditawarkan.

Di dalam bidang pertanian, kerjasama strategik dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memberi fokus dalam bidang pertanian moden ke arah ekonomi berpendapatan tinggi bagi usahawan tani dan juga koperasi. Manakala terdapat empat strategi yang telah disusun di bawah kerjasama ini iaitu:

- (i) pelaksanaan projek pertanian yang berimpak tinggi;
- (ii) pengembangan aktiviti pertanian;
- (iii) pengkolaborasian latihan pertanian yang berinovasi; dan
- (iv) integrasi pemasaran produk dan juga perkhidmatan menerusi platform digital *e-marketplace*.

Di antara projek-projek pertanian berimpak tinggi yang telah dan juga bakal dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) fertigasi melibatkan *rock melon* dan juga cili yang telah dilaksanakan oleh Koperasi Pemasar FAMA Johor Berhad di tanah seluas lima ekar di Jalan Datin Halimah, Johor Bahru;
- (ii) projek penanaman padi berskala besar oleh Koperasi Ladang Berhad di kawasan Tebu Hitam, Kuala Rompin, Pahang seluas 500 ekar;

- (iii) perikanan dan juga akuakultur bagi pembangunan pusat pembenihan anak ikan tilapia dan juga patin oleh Koperasi Tunas Lada Jerantut Berhad di Kampung Lada Jerantut, Pahang; dan
- (iv) penternakan lembu tenusu oleh Koperasi Pegawai-pegawai MARDI Berhad di kawasan Lembah Tenusu baharu di bawah kelolaan MAFI.

Selain daripada itu, kerjasama strategik juga turut diadakan dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Kementerian Belia dan Sukan bagi memperkasakan keusahawanan di kalangan belia, graduan dan juga atlet termasuklah inisiatif mempertingkatkan penyertaan belia dalam gerakan koperasi seperti berikut:

- (i) merejuvinasikan koperasi belia;
- (ii) transformasi usahawan koperasi IPT; dan
- (iii) pemerksaan koperasi belia.

Kerjasama strategik dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga sedang dirangka dalam bidang keusahawanan juga melibatkan usahawan desa dan juga koperasi desa yang cemerlang yang berada di bawah kementerian tersebut. Manakala pindaan Akta Koperasi 1993 juga sedang dilaksanakan secara berperingkat bagi memperkukuhkan elemen pengawalseliaan ke atas koperasi sebagai pemudah cara kepada gerakan koperasi untuk terlibat di dalam bidang perniagaan. Ia juga akan memberi ruang kepada belia khususnya dari luar bandar untuk melibatkan diri secara aktif dalam gerakan koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu perlanjutan pembiayaan. Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu memohon supaya inisiatif *COVID Business Recovery-Micro* (CBRM) di bawah TEKUN Nasional dapat dilanjutkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin, TEKUN diberikan dana sejumlah RM200 juta untuk disalurkan melalui pembiayaan mudah tanpa caj, maksudnya kosong *interest*, kepada usahawan-usahawan yang terjejas susulan daripada pandemik yang melanda. Melalui dana ini, TEKUN Nasional mewujudkan satu skim pembiayaan yang dinamakan CBRM bagi membantu usahawan yang terkesan dengan syarat yang begitu mudah dengan tempoh kelulusan yang singkat. Permohonan pembiayaan melalui program ini juga boleh dibuat melalui kaedah secara dalam talian bagi memudahkan usahawan. Nilai permohonan melalui program adalah sampai maksimum sebanyak RM10 ribu.

Selepas dilancarkan pada 8 April 2020, permohonan pembiayaan CBRM telah ditutup pada 21 Mei 2020 selepas menerima sejumlah lebih kurang 29,547 permohonan yang bernilai RM239.2 juta. Daripada jumlah itu, sebanyak 26,221 permohonan telah diluluskan. Susulan daripada sambutan yang menggalakkan yang diterima, dana CBRM telah digunakan

sepenuhnya. Kerajaan sekali lagi telah pun menyalurkan dana kepada TEKUN Nasional dengan jumlah RM100 juta melalui pakej PENJANA.

Bagi menyalurkan pembiayaan menggunakan dana ini, TEKUN telah mewujudkan satu skim yang bernama *TEKUN Business Recovery Scheme* (TBRS) dengan kadar keuntungan yang dikenakan sebanyak 3.5 peratus dan maksimum sebanyak RM10 ribu. Dibuka pada 13 Julai dengan kita terima lebih kurang 12,809 permohonan dan nilai permohonan tersebut adalah sebanyak RM122.85 juta. Susulan daripada permintaan yang tinggi dan dana yang terhad, permohonan melalui program ini telah dihentikan pada 18 Ogos 2020 dan daripada jumlah yang diterima tersebut, sebanyak 11,564 permohonan telah diluluskan dengan nilai RM76.18 juta.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyentuh peranan dan juga inisiatif Kementerian dalam membantu usahawan, Yang Berhormat Senator Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh telah memohon penjelasan berkaitan bantuan berstruktur yang diberikan kepada usahawan-usahawan muda yang berniaga secara kecil-kecilan.

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui agensi kami iaitu SME Corps dan juga Perbadanan Nasional Berhad (PNS) menyediakan bantuan membantu berstruktur kepada para usahawan muda melalui program-program seperti berikut. Antaranya adalah melalui program TUBE iaitu Tunas Usahawan Belia Bumiputera yang telah dilaksanakan sejak daripada tahun 2014 hingga 15 Ogos 2020 yang telah melatih lebih daripada 5,346 orang usahawan baharu dan telah mewujudkan lebih kurang 10,540 pekerjaan dengan nilai jualan terkumpul sebanyak RM127.17 juta. Program ini sedang dijalankan secara dalam talian pada tahun 2020.

Kedua, program *Micro Connector*. Pelaksanaan sejak daripada tahun 2016 hingga Ogos 2020 dan seramai 3,255 usahawan B40 dan perusahaan mikro telah pun mendapat manfaat daripada itu dan peruntukan sebanyak RM2 juta bagi tahun 2020.

Ketiga, program *Young Entrepreneurship Engagement Talent* (YOUNITY) yang akan disasarkan bermula pada September 2020 dan dijangka melahirkan seramai 80 orang usahawan belia yang akan memberi ruang lebih kurang 400 peluang pekerjaan yang membangunkan lebih kurang 40 perniagaan baharu ke arah perniagaan francais yang akan menjana pendapatan lebih kurang RM420,000 untuk setiap syarikat bagi setiap tahun.

Selain daripada itu, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) juga telah melaksanakan program-program latihan serta pembangunan kapasiti usahawan bagi membantu usahawan-usahawan muda. Kita ada program *Agriculture Coaching and Industry Development Programme* (ACID) yang telah menyasarkan seramai 140 orang usahawan tani baharu yang dapat dihasilkan dari program ini bagi tahun 2021.

Kedua, *INSKEN E-Biz Clinic*. Sehingga kini, seramai 977 orang usahawan telah berdaftar dan seramai 175 orang usahawan disalurkan kepada pembiayaan, seramai 499 orang usahawan disalurkan kepada latihan dan seramai 271 orang usahawan memfokuskan kepada bentuk bimbingan.

Ketiga, *Online On-Boarding Coaching Program (E-BOARD)* yang bermula pada Julai 2020. Seramai 250 orang usahawan berdasarkan platform telah dipilih dan program dijangka tamat menjelang hujung tahun ini.

■1150

Kita juga ada *INSKEN Masterclass*, kita ada *INSKEN Business Training* dan juga akhirnya *PROTEGE* yang telah melaksanakan program *New Gen Entrepreneur Online Bootcamp (N-GENE)* yang menyasarkan lebih kurang 2,000 orang yang berumur daripada 18 hingga 30 tahun merangkumi golongan graduan, belia dan juga pelajar IPT dan juga institut latihan kemahiran awam.

Yang Berhormat Senator Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh juga turut bertanya berkenaan agensi di bawah kementerian yang bertanggungjawab untuk membantu golongan usahawan perusahaan kecil dan juga sederhana di kawasan bandar dan juga luar bandar dan apakah bentuk sokongan yang diberikan atau disediakan oleh agensi-agensi tersebut.

Secara umum di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan, kita ada lebih kurang 10 agensi yang mana membantu usahawan merangkumi usahawan mikro, perusahaan kecil dan juga sederhana, informal dan juga koperasi iaitu kita ada Bank Rakyat, kita ada SME Bank, UDA Holdings, SME Corp, TEKUN Nasional, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Perbadanan Nasional Berhad, Institut Koperasi Malaysia, Institut Keusahawanan Negara dan juga *PROTEGE*. Peranan agensi-agensi ini dalam membantu usahawan PKS adalah seperti berikut:

- (i) Bank Rakyat dan SME Bank menawarkan pembiayaan kewangan, dana dan juga program kepada PKS;
- (ii) TEKUN Nasional menawarkan skim pembiayaan mikro secara mudah dan juga membantu usahawan kecil di seluruh negara yang sukar mendapatkan pembiayaan;
- (iii) UDA Holdings Berhad membantu usahawan bumiputera terutamanya dari segi penyediaan ruang-ruang niaga di lokasi yang mampan, teratur dan mampu disewa oleh mereka;
- (iv) SME Corp. Malaysia menyelaraskan pelaksanaan program-program pembangunan bagi PKS dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS dan juga usahawan;

- (v) Suruhanjaya Koperasi Malaysia merangsang pembangunan koperasi dan juga sektor koperasi; dan
- (vi) Institut Koperasi Malaysia (IKM) membangun dan mengembangkan latihan...

Tuan Sr. Haji Mohamad Apani bin Mohamad: Penjelasan, penjelasan, boleh? Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin: Ya, silakan.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apani bin Mohamad: Dalam- oleh sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan bahawa UDA telah menyediakan lokasi-lokasi untuk bumiputera berniaga. Boleh tidak beritahu lebih kurang dalam masa lima tahun ini tapak-tapak baru yang dibina oleh UDA dalam kawasan-kawasan bandar raya dan perbandaran, lebih kurang, daripada lima tahun ke belakang. Kita tidak mahu cerita yang lama-lama punya. Minta izin, terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak ada data itu dengan saya tetapi saya boleh bagi secara bertulis dalam tempoh lima tahun di manakah bandar ataupun tempat-tempat yang diberikan.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apani bin Mohamad: Perbandaran ataupun bandar raya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin: Boleh. Terima kasih Yang Berhormat. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Melalui IKM, untuk membangun dan mengembangkan latihan pendidikan koperasi. Melalui PNS, membangunkan usahawan francais dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS dan juga usahawan. Saya hendak menyebut fasal PNS ini sebab kita selalu mendengar PNS ini macam francais yang besar-besar. Sebenarnya untuk francais ini yang kecil pun ada. *Even-* mohon, dengan izin, walau RM3,500 ada orang jual sengkung calit pun difrancaiskan untuk makluman. Jadi, peluang ini cukup besar sekali terutama untuk anak-anak muda ataupun usahawan-usahawan belia.

Untuk INSKEN menawarkan inisiatif pembangunan kapasiti usahawan melalui program-program latihan dan juga bimbingan. Manakala PROTEGE merupakan program latihan keusahawanan dan kebolehpasaran bagi membentuk dan membimbing para belia dengan kerjasama pakar industri dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh juga memohon penjelasan berkenaan peranan bersepadu yang digerakkan oleh kementerian yang melibatkan kerajaan negeri dan kerajaan tempatan seperti memberikan galakan kepada aktiviti-aktiviti perniagaan seperti kiosk *burger*, buah-buahan dan sebagainya.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah pun mengadakan beberapa siri program bersepadu yang melibatkan agensi kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan juga persatuan-persatuan penjaja negeri dan daerah bagi memberikan galakan kepada penjaja dan juga peniaga kecil.

Antara program yang telah kita laksanakan adalah program Jelajah Transformasi Perniagaan (JTP) penjaja dan peniaga kecil mengikut zon dan juga negeri. Program ini bertujuan bagi mengenal pasti penjaja dan juga peniaga kecil yang berpotensi untuk mereka ditingkatkan ilmu kemahiran dan perniagaan mereka melalui perkongsian ilmu- *softskill*, dan juga bantuan perniagaan.

Selain daripada itu, kementerian juga telah pun melaksanakan Program Transformasi Minda yang bertujuan untuk mewujudkan penjaja dan juga peniaga kecil yang mampu berdaya saing serta meningkatkan dan mengembangkan perniagaan sedia ke arah tahap yang lebih baik. Program ini melibatkan kerjasama strategik dengan Kementerian Pengajian Tinggi melalui kolej komuniti dan juga Jabatan Pendidikan Politeknik.

Kementerian juga melaksanakan program pemantapan penjaja dan juga peniaga kecil. Antara pengisian program ini adalah ceramah motivasi kepada usahawan, latihan pemasaran, pengurusan perniagaan serta teknik pemasaran melalui digital elektronik dan pengurusan kewangan secara digital. Program ini melibatkan agensi-agensi di bawah kementerian dan sehingga kini kita telah melibatkan lebih kurang 46,873 peserta seluruh negara dalam program-program yang dinyatakan.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi juga telah pun mengadakan beberapa siri perbincangan serta *engagement* dengan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil bagi kita menyediakan *standard operating procedure* (SOP) yang teratur bagi membolehkan penjaja dan juga peniaga kecil untuk terus beroperasi dan juga menjalankan perniagaan mereka dalam tempoh PKPP.

SOP ini dirangka merupakan hasil penglibatan bersepadu melalui pelbagai kementerian dan juga agensi dan juga melibatkan MKN, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, KPKT, PDRM, FAMA, Kementerian Wilayah, persatuan penjaja dan pihak PBT. SOP ini telah pun mendapat persetujuan dan juga kelulusan daripada pihak MKN di mana ia merupakan norma baharu kepada penjaja dan juga peniaga kecil untuk mereka terus beroperasi dan juga meneruskan perniagaan mereka.

Selain daripada itu, kementerian juga bersama dengan pihak KPKT telah pun mewujudkan beberapa garis panduan bagi perniagaan bergerak contohnya perniagaan kenderaan saji- *food truck* yang melibatkan pihak berkuasa tempatan bagi memudahkan pengurusan dan pentadbiran *food truck* di PBT.

Garis panduan ini telah pun di bentang dan diluluskan di mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-74. Dalam tempoh PKPP ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan telah pun memberikan kelonggaran dengan mengeluarkan lesen perniagaan sementara kepada penjaja dan juga peniaga kecil untuk membantu mereka yang terkesan akibat COVID untuk mereka menjana pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu telah pun mencadangkan supaya kementerian memperkasa dan menambah baik pengambilan graduan dalam pelaksanaan program PROTEGE. Yang Berhormat Senator juga turut memohon penambahan bilangan peserta...

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, jika saya hendak- sebelum terlajak saya hendak minta penjelasan sedikit boleh, Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin: Silakan.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya berkenaan dengan usahawan pertanian agropreneur yang berimpak tinggi. Jadi soalan saya, di mana keterlibatan kementerian ataupun kerjasama strategik di antara Kementerian Usahawan dengan Kementerian Pertanian? Jadi terutamanya kepada belia di luar bandar dalam- maksud saya tadi dalam bentuk usahawan pertanian, di mana keterlibatan kementerian dalam hal ini? Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Untuk soalan tersebut di bawah kementerian, kolaborasi yang kita mainkan bukan sahaja dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan tetapi juga dengan kementerian lain adalah *basicnya*, asasnya pada ketika itu dari segi latihan, bimbingan dan juga komersial. Maksudnya kita membantu dari segi latihan, pembiayaan dan juga untuk kita mengkomersialkan produk-produk yang sedia ada.

Oleh sebab itulah kita lakukan di bawah sepuluh agensi yang berada di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Contohnya seperti program ACID yang kita lakukan bersama INSKEN, maksudnya usahawan-usahawan belia tani contohnya sewaktu lawatan kerja saya berada di Terengganu yang mana anak muda ini seawal usia 20-an mereka menanam *rock melon* di bawah latihan dan pembiayaan di bawah TEKUN. Mereka mendapat bimbingan *direct* daripada usahawan tani yang berjaya dan pembiayaannya datang dari kita, maksudnya datang dari Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Saya harap kalau sekiranya Yang Berhormat ada pertanyaan lagi, boleh merujuk kepada saya pada bila-bila masa *insya-Allah* kita boleh memberikan maklumat tambahan. Terima kasih. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

■1200

Untuk program PROTEGE, kementerian sedang memperkasakan dan menambah baik skop PROTEGE dengan penambahan elemen keusahawanan agar bidang perniagaan juga menjadi pilihan kerjaya selepas tamat pengajian melalui program *Protege Ready To Work* (RTW) dan juga program-program peningkatan kebolehpasaran yang lain dalam usaha untuk mengurangkan kadar pengangguran di kalangan graduan.

Oleh itu, kementerian sedang memperluaskan pelaksanaan *Protege Ready To Work* (RTW) bersama syarikat berkaitan kerajaan, syarikat-syarikat penerima perolehan kerajaan di bawah Arahan Pekeliling Perbendaharaan Perolehan Kerajaan (PK1.2), institusi kewangan melalui kerjasama Bank Negara Malaysia dan juga FINCO serta syarikat-syarikat swasta untuk mewujudkan lebih banyak lagi peluang dan juga ruang penempatan latihan. Mekanisme pemantauan dan juga pematuhan program yang lebih berstruktur juga dibangunkan dalam memastikan keberkesanan program serta mengurangkan risiko ketirisan oleh syarikat-syarikat yang mengambil bahagian.

Penyertaan PROTEGE RTW adalah terbuka kepada semua kaum, maksudnya tidak ada yang tertinggal. Manakala pengambilan peserta adalah berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh syarikat dan bukannya kementerian, maksudnya syarikat yang menentukan. Walau bagaimanapun, pihak kementerian mengambil maklum akan cadangan untuk meningkatkan penglibatan masyarakat India di dalam program ini.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apendi bin Mohamad: Soalan satu, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apendi bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, penjelasan. Sekarang ini kita tengok dunia, orang yang terkaya dalam dunia ini dalam dua sektor sahaja dia terlibat yakni satu IT dan yang kedua, *biotech*. Setakat mana fokus yang diberikan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan untuk meletupkan usahawan-usahawan baharu ini dalam sektor-sektor yang saya sebutkan tadi. Fasal kita nampak jauh sangat ketinggalan.

Di celah-celah COVID-19 inilah peluang kita untuk memperkasakan lagi sektor-sektor IT dan juga pembangunan usahawan dalam sektor IT dan *biotech*. *Those are the sectors yang control the world economy now. The top 100 by billionaires in the worlds*, dengan izin, adalah kedua-dua sektor. Hartanah sudah duduk ke belakang. Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator. Oleh sebab itulah, syarikat-syarikat yang mendapat perolehan kerajaan ini- ia bergantung sebab lebih kurang RM58 bilion mereka mendapat kerja daripada kerajaan, sebab itulah mereka memberi semula kepada masyarakat dengan mengambil pelajar-pelajar sebagai latihan PROTEGE ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sektor-sektor terlibat yang paling tinggi sektornya adalah sektor lain yang melibatkan pembekalan dan juga bahan mentah. Kedua adalah sektor pembinaan iaitu sebanyak 21.12 peratus. Manakala teknologi informasi dan juga komunikasi hanya 2.57 peratus, sangat sedikit dan yang paling rendah sekali adalah daripada segi logistik dan juga pengangkutan.

Jadi saya yakin dan percaya, pandangan Yang Berhormat Senator ini boleh kita bawakan dalam agensi kami untuk memperlihatkan lebih banyak lagi ruang dan juga peluang supaya pelatih-pelatih ini maksudnya pelatih PROTEGE ini diberikan lebih banyak pendedahan dan juga ruang untuk mereka diberikan pendedahan dalam komunikasi dan juga telekomunikasi.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan di atas isu-isu yang dibangkitkan.

Puan Asmak binti Husin: Mohon laluan, satu sebelum berhenti.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, satu lagi ya.

Puan Asmak binti Husin: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya sebenarnya apabila melihat kepada penjelasan berkaitan dengan keusahawanan dan koperasi, sebenarnya saya mendapat aduan juga daripada para usahawan iaitu para kontraktor yang dilantik untuk memberi latihan dan sebagainya banyak memberikan latihan berbentuk umum.

Akan tetapi apabila mereka ingin mendapatkan latihan yang lebih dalam ataupun *skill* yang lebih tinggi maka mereka perlu membayar pula untuk mendapatkan program tersebut. Jadi, sebenarnya yang bayar itu yang mahalnya. Umum itu sebenarnya lebih murah dan lebih mudah untuk didapati di luar. Jadi mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan penjelasan tentang isu ini. Okey Yang Berhormat.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin: Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator. Mungkin saya tidak dapat maklumat maksudnya pihak mana yang mengadakan program ataupun kursus yang dinyatakan. Akan tetapi bagi pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi di bawah agensi di bawah kami, latihan dan bimbingan kita adakan contohnya melalui Institut Keusahawanan Negara (INSKEN). Baru-baru ini buat pertama kalinya, kita buat secara fizikal. Sebelum ini sewaktu PKP kita adakan secara *online*. Yurannya cukup murah. Ada RM10, RM20, RM50.

Untuk kursus dua hari baru-baru ini yang melibatkan maksudnya pengisiannya yang cukup *detail* dan diberikan oleh mereka yang pakar dan juga mahir dalam bidang tersebut, bayarannya cuma RM100. Jadi, kalau di bawah agensi kami harganya- maksudnya sangat-sangat murah, saya boleh katakan sangat murah berbanding dengan program ataupun kursus-kursus yang ditawarkan di luar yang mana saya percaya dekat luar ada juga yang

mencecah puluhan ribu sebab apabila ada peserta yang memberi respons apabila kita ada tanya dalam sesi soal jawab pada ketika yang saya hadir dalam kursus dua hari itu, mereka mengatakan pengisian yang sama, ilmu yang sama yang telah pun mereka hadir tetapi daripada Institut Keusahawanan Negara cukup rendah sekali.

Saya hendak sentuh juga di bawah Institut Koperasi Malaysia tidak ada bayaran yang dikenakan apabila kursus di IKM. Institut Koperasi Malaysia hanya RM50 untuk satu kursus *under* koperasi sekolah yang dapat- saya tidak faham apa tulisan pegawai saya ini tetapi maksudnya saya hendak cakap di sini, di bawah kementerian kita harganya cukup murah, sedangkan dia punya pengisiannya juga cukup baik dengan apa yang dibandingkan dekat luar. Jadi saya rasa saya menjawab soalan Yang Berhormat. Terima kasih.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian dan juga bertanyakan soalan. Saya ada hutang jawapan kepada Yang Berhormat Senator di sana. *Insyallah* pegawai kami akan memberikan jawapannya. Terima kasih atas semua yang mengambil bahagian yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Panjang lebar diceritakannya tentang kementeriannya. Usaha-usaha hendak melahirkan pekerjaan. Bagus saya dengar, lega. Saya lagi suka hati apabila kita punya Ahli Yang Berhormat menanyakan soalan-soalan bijak yang bagus, lagi saya senang hati. Saya rasa inilah peluang-peluang, ramai anak-anak buah kita dapat kerja. Hari ini ramai sangat kita dapati anak-anak buah kita tidak bekerja, *graduate* tidak bekerja. Apa yang kementerian ini buat, buka arah kerja itu. Saya selalu teringat itu dan kita tidak boleh kata dekat anak buah kita malas dan seterusnya sebab saya ingat apa kata pantun orang Melayu.

*Hatiku sedih bertambah risau;
Pengangguran muda mudi di merata-rata;
Luka di tangan kerana pisau;
Luka di hati kerana kata.*

Kata malas, *no*, tidak. Jadi itu Yang Berhormat, saya minta teruskan perjuangan kita bersama ya. Terima kasih Yang Berhormat kerana panjang lebar tadi, bernas dan baik nampaknya. Sekarang kita pergi kepada 24, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Dipersilakan.

12.08 tgh.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Dato' Sri Hajah Nancy Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua serta Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara sekalian, tadi Tuan Yang di-Pertua berpantun, saya pun ingin juga berpantun.

*Berdagang tempayan di hujung pekan;
Naik pedati jalannya lurus;
Amanah kementerian tetap diteruskan;
Takkan terhenti dek penanganan virus.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Tuan Yang di-Pertua, berdiri saya di sini pada hari ini adalah bagi menjalankan tanggungjawab untuk memberi maklum balas terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan ini dari 2 hingga 9 September 2020 yang lalu.

Saya dan warga Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya atau lebih mesranya dipanggil MOTAC ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengutarakan pandangan dan saranan bagi perkara-perkara di bawah tanggungjawab dan seliaan kementerian ini.

Ini jelas membuktikan keprihatinan dan kebersamaan Ahli-ahli Yang Berhormat bersama-sama kami di MOTAC untuk terus berusaha membantu dan memacu industri pelancongan serta mengekalkan dan memulihara warisan seni dan budaya di negara kita lebih-lebih lagi di waktu ini yang semua sedia maklum adalah mencabar dan tiada duluan atau, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *unprecedented*.

■1210

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu yang telah disentuh oleh tujuh orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator pada sesi perbahasan pada minggu lalu bukanlah suatu yang baharu atau asing bagi kami di kementerian. Perkara-perkara yang disarankan dan soalan-soalan yang diajukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini sememangnya memberi gambaran sebenar terhadap cabaran-cabaran yang sedang dihadapi oleh penggiat industri pelancongan, seni dan budaya tanah air.

Maka, inilah cabaran dan tanggungjawab yang kami galas untuk membantu semua pihak yang terkesan dalam sektor ini untuk dapat meneruskan aktiviti mereka dan bangkit serta pulih semula.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelan pemulihan industri pelancongan bagi menangani kesan penularan wabak COVID-19. Seperti mana semua sedia maklum, penularan wabak COVID-19 telah memberi impak negatif yang sangat besar, bukan sahaja kepada industri pelancongan tempatan, malah turut memberi kesan kepada industri pelancongan global.

Kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 yang pada awalnya dirancang untuk merencanakan kehadiran pelancong asing ke Malaysia, terpaksa dibatalkan berikutan pengisytiharan dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020. Diakui cabaran dan kesukaran yang dialami oleh penggiat industri pelancongan, seni dan budaya adalah memuncak, terutamanya pada tempoh PKP. Setelah hampir tiga bulan...

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Mohon penjelasan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Saya masih dalam permulaan.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Okey, *sorry, sorry*.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: [*Ketawa*] Baik.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Sabar. Terima kasih. Setelah hampir tiga bulan pembukaan pengoperasian semula sektor pelancongan domestik pada 10 Jun 2020 telah membolehkan industri pelancongan domestik kembali cergas. Dengan situasi kita menyesuaikan diri dengan kebiasaan dan norma baharu, pengoperasian ini tertakluk dengan pematuhan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kerajaan yang prihatin, kerajaan telah menyediakan dan menawarkan pelbagai bantuan untuk menyokong dan membantu rakyat dan penggiat pelbagai industri secara menyeluruh atau, dengan izin, *across the board*. Dalam hal ini, penggiat industri dalam sektor pelancongan, seni dan budaya turut menerima manfaat daripada bantuan-bantuan ini.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat yang ingin mengetahui bantuan-bantuan kerajaan bagi membantu para pemain industri pelancongan, suka saya memaklumkan bahawa kerajaan telah mengumumkan beberapa Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE). Antaranya adalah PRIHATIN, PRIHATIN PKS (Tambahan) dan PENJANA. Antara insentif PRE ini yang boleh membantu meringankan beban penggiat industri pelancongan termasuklah:

- (i) Skim Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA sebanyak RM1 bilion bagi PKS sektor pelancongan;
- (ii) pengecualian cukai pelancongan sepenuhnya bagi tempoh mulai 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021;
- (iii) penganjutan pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penginapan mulai 1 September 2020 hingga 30 Jun 2021;

- (iv) Program Subsidi Upah;
- (v) inisiatif-inisiatif bantuan perusahaan kecil dan sederhana (PKS);
- (vi) penawaran penangguhan atau moratorium bayaran pinjaman selama enam bulan; dan
- (vii) pemberian diskaun sehingga 50 peratus ke atas bil elektrik.

Inisiatif khusus oleh MOTAC pula, selain itu MOTAC sendiri juga telah melaksanakan inisiatif-inisiatif khusus bagi membantu *stakeholders*, dengan izin, dalam industri pelancongan. Antara inisiatif yang diambil adalah sama seperti cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee iaitu berhubung- mana ya Yang Berhormat Senator, ada di sini? Okey, iaitu berhubung pengecualian bayaran fi lesen. Dalam hal ini Yang Berhormat Senator, suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat Senator bahawa MOTAC telah pun menawarkan pengecualian bayaran fi lesen bagi pengusaha-pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong yang layak bermula 17 Mac hingga 31 Disember.

Selain daripada pengecualian fi lesen ini, antara inisiatif khusus lain yang diambil oleh MOTAC termasuklah:

- (i) menawarkan kursus *Domestic Tourism Vibes*, dengan izin, secara atas talian kepada pemandu pelancong berlesen;
- (ii) memberi diskaun pembayaran kompaun sebanyak 40 peratus kepada pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong berlesen yang layak;
- (iii) menyediakan platform dalam talian seperti *www.malaysia.travel* bagi membolehkan penggiat industri pelancongan memapar serta mempromosikan tawaran dan pakej mereka; dan,
- (iv) melancarkan Kempen *Meet in Malaysia* bagi menggalakkan penganjuran *meetings, incentives, conferences and exhibitions* (MICE) secara hibrid iaitu secara fizikal dan dalam talian serentak di Malaysia.

Pada masa yang sama, sektor seni dan budaya...

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Hendak tanya sekarang ya?

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Ya, boleh, boleh?

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Apakah kementerian mempunyai rekod atau *database* tentang bilangan pengusaha-pengusaha *homestay*, hotel tanpa bintang, tiga bintang, empat bintang dan sebagainya, dan bilangan

yang terkesan? Terkesan maksud saya yang tutuplah, ia ditutup. Ada berapa bilangan atau peratus ekor daripada COVID-19 ini? Sudah pun enam bulan kita dalam suasana COVID-19. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Untuk *homestay*, memang itu di bawah pendaftaran kita. Jadi, kalau ada angkanya, pihak staf kita akan cuba. Kalau tidak ada, saya akan bagi bertulis ya. Akan tetapi mengenai hotel pula, ia bukan di bawah kita. Semua ini adalah di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Jadi, maklum balas mengenai perkara ini, kita tidak ada yang sahih sebab mereka sebenarnya semua ini bukan berdaftar di bawah kita. Cuma saya hendak kongsi di sini, pada masa mulanya, memang kami agak gementar bila kita membaca. Saya percaya Yang Berhormat pun baca, bukan? Di mana dikatakan ada sejumlah 750 buah hotel tutup, ada di Sarawak pula sebanyak 100 buah hotel ditutup. Cuma kita kadang-kadang terlupa bahawa memang hotel kebanyakan masa itu ditutup sebab masa MCO. Jadi sebab itu, hotel tutup, selepas itu ia menjadi satu isu yang sering kali ditanyakan kepada kita.

Akan tetapi pada hakikatnya, daripada segi jumlahnya, kami tidak dapat. Saya rasa pada masa ini agak ramai pula- mungkin ada kebanyakan hotel itu tutup, selepas itu mereka menjalankan *renovation*, dengan izin, untuk memperbaiki keadaan hotel, *upgrading* dan ada juga yang saya dengarlah, sama ada sahih atau tidak, ia *repurpose* penggunaan bangunan mereka.

Akan tetapi setakat ini, apabila sudah mula *domestic tourism* ini menjadi rancak semula, tidak ada lagi kita dengar fasal hotel tutup. Cuma mungkin ada hotel-hotel bajet yang masa ini kami belum menerima maklumat yang sahih sebab kalau saya maklumkan di Dewan ini, kita tidak ada maklumat yang sahih, maka agak sukar.

Cuma daripada segi *homestay*, *insya-Allah*, saya akan beri secara bertulis kerana kalau ada lah di sini. Kalau tidak ada, kita akan beri secara bertulis. Yang Berhormat Senator sabar ya. Kalau ada, ia akan hantar ke sini. Jadi, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Sekejap ya. Ini adalah maklumat terkini ya. Terima kasih. Sehingga 30 Jun 2020 yang lalu, maklum balas yang diterima daripada persatuan-persatuan pengurusan hotel menyatakan sebanyak 36 buah hotel telah menamatkan operasi. Ini yang terkini. Daripada segi *homestay* nanti kalau ada, saya kongsi. Okey. Terima kasih. Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

■1220

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri ada menyebut tadi tentang diskaun yang boleh diberi kepada kadar elektrik untuk industri pelancongan.

Sebenarnya sektor perhotelan telah lama minta diskaun *rate* yang lebih rendah yang telah diberikan kepada industri-industri berat yang lain. Ini kerana hotel menggunakan tenaga elektrik begitu banyak dan tinggi. Pada musim COVID-19, ini sudah tentu menjadikan satu faktor yang agak kritikal terutamanya untuk bajet hotel tiga bintang, empat bintang dan seterusnya termasuk juga *homestay*.

Adakah Kementerian Pelancongan akan memberi satu tekanan kepada kerajaan untuk menurunkan lagi kadar elektrik kerana ini merupakan '*make or break*', dengan izin, untuk hotel-hotel dalam musim yang begitu mencabar hari ini, terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas persoalan tersebut.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Satu lagi.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Sekejap ya, saya jawab itu tadi. Oleh sebab itu bukan di bawah bidang kuasa kita secara langsung, maka apa yang ditanya ini mungkin kita boleh kemukakan kepada kementerian yang bertanggungjawab Yang Berhormat. Kita akan cuba membawa perkara ini kerana ini bukan- kita tidak boleh *commit* sesuatu yang bukan di bawah jagaan kita. Terima kasih. Ada lagi ya? Sebenarnya saya masih banyak lagi...

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya, tadi sentuh dengan jawapan Yang Berhormat Menteri tentang 36 buah hotel tutup sehingga 30 Jun 2020. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu *state-by-state*? Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya tidak ada angka *state-by-state*. Kalau hendak saya akan bagi secara bertulis, minta maaf tidak- sebab *it's a very specific question*, dengan izin. Terima kasih.

Saya teruskan juga. Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama sektor seni dan budaya tidak dipinggirkan. Seperti mana cadangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding, dia ada di dalam- yang mahukan produk-produk kraftangan Malaysia terutamanya di hasilkan di luar bandar dapat dibantu untuk dipasarkan sehingga ke pasaran antarabangsa.

Untuk ini Yang Berhormat Senator, MOTAC telah mengadakan platform E-Kraf Bazar yang membolehkan usahawan kraf menjalankan aktiviti promosi dan jualan produk secara

dalam talian ataupun *online*. Di samping itu, MOTAC turut telah melancarkan aplikasi *Craft On the Go* untuk meningkatkan kebolehcapaian maklumat mengenai usahawan kraf di seluruh Malaysia.

Namun begitu Yang Berhormat Senator, bagi membantu mereka terutama sekali mereka di luar bandar yang tidak ada talian *online* untuk mereka terlibat dalam *online*. Yang Berhormat sendiri boleh berbincang dengan saya untuk menyarankan tempat-tempat yang dinyatakan ini supaya kita boleh menghantar pegawai-pegawai kita daripada Kraftangan untuk membantu. Sebenarnya mereka telah pun melakukan tugas itu, mereka pergi ke kampung-kampung membantu mereka untuk menaikkan taraf ataupun standard produk mereka dari segi bahan-bahan yang mereka gunakan supaya boleh dipasarkan.

Jadi, kalau ada itu, Yang Berhormat Senator boleh berbincang dengan saya, menulis kepada saya sendiri bagi membolehkan saya memberi tugas secara spesifik tempat-tempat yang dimaksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemera Anding juga ingin mengetahui bagaimana manfaat inisiatif pemasaran produk kraf secara digital ini boleh turut dinikmati oleh mereka yang berada di luar kawasan yang mempunyai liputan internet.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MOTAC melalui agensinya iaitu Kraftangan Malaysia akan turun padang menemui mereka, mengumpul produk kraf yang dihasilkan mereka dan akhirnya membantu memasarkan produk tersebut melalui platform digital yang disebutkan tadi.

Seterusnya, dari segi strategi dan fokus pada masa ini iaitu pelancongan domestik. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk membantu industri pelancongan negara kembali bangkit, kementerian telah merangka pelan pemulihan pelancongan dan kebudayaan yang merangkumi strategi-strategi jangka pendek dan sederhana.

Berhubung perkara ini, Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili ketika berucap telah meminta penjelasan mengenai pelan pemulihan ini. Sebenarnya saya memerlukan masa yang panjang untuk menghuraikan strategi pelan pemulihan ini satu persatu. Namun, salah satu strategi utama pada masa ini yang saya ingin kongsi-kan dengan semua Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini ialah fokus kita untuk menyemarakkan pelancongan domestik.

Seperti semua sedia maklum dengan penutupan sempadan negara, pada masa ini kita kehilangan peluang menjana pendapatan daripada kehadiran pelancong asing yang secara puratanya berjumlah sekitar 25 juta orang setahun. Benar jurang ini agak besar untuk diisi, namun kita optimis bahawa fokus kepada pelancongan domestik ini adalah penting kerana ia boleh menjadi pemangkin dan asas untuk industri kembali bangkit.

Memastikan orang kita mampu untuk melancong adalah antara faktor penting untuk menjayakan Kempen Semarakkan Pelancongan Domestik ini. Bagi memberi maklum balas kepada Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong dan Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang yang masing-masing mencadangkan agar ditawarkan harga tiket penerbangan yang berpatutan ke negeri Sarawak dan Sabah.

Sukacita saya ingin maklumkan bahawa MOTAC telah pun mengadakan kerjasama dengan syarikat-syarikat penerbangan tempatan seperti *Malaysia Airlines*, *AirAsia*, *Firefly*, *MASwings* serta syarikat penerbangan *Malindo* bagi kempen yang menawarkan harga tiket penerbangan yang berpatutan serta ada yang digabungkan dengan pakej percutian. Bukan sahaja untuk destinasi di Sarawak dan Sabah, malah kerjasama ini turut membabitkan destinasi di negeri-negeri lain di seluruh negara.

Pada masa yang sama, saya sendiri dan pasukan dari MOTAC kini dalam sedang siri lawatan Jelajah Semarakkan Pelancongan Domestik yang telah bermula pada 13 Jun 2020. Setakat ini MOTAC telah mengadakan siri jelajah ke Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Sarawak, Kuala Lumpur, Perlis dan Kedah. Johor juga sebenarnya ada juga kita pergi. Seterunya sebanyak enam lagi siri libat urus akan diadakan sehingga akhir tahun ini. dalam usaha untuk mempromosikan destinasi dan produk pelancongan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, siri jelajah ini juga digunakan untuk memberi pendedahan dan memastikan penggiat-penggiat industri mematuhi SOP pengoperasian yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Pematuhan dan amalan norma baharu ini boleh memainkan peranan utama dalam membina keyakinan masyarakat bahawa Malaysia adalah destinasi yang selamat untuk dikunjungi.

Peranan untuk memulihkan industri pelancongan seni dan budaya negara tidak mampu di biar untuk hanya dijalankan oleh MOTAC secara sendirian. Kerjasama erat MOTAC dengan kerajaan-kerajaan negeri sebelum ini amat membantu dalam membolehkan banyak usaha-usaha terkini dapat dijalankan melalui kolaborasi kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Antara contoh kolaborasi yang dilaksanakan termasuklah:

- (i) kerjasama antara *Tourism Malaysia* dan Lembaga Pelancongan Sarawak ataupun *Sarawak Tourism Board* (STB) dalam mempromosikan Sarawak melalui kempen- "Cuti-cuti Sarawak";
- (ii) menganjurkan program-program *webinar* pelancongan domestik;
- (iii) melaksanakan kempen pelancongan domestik- "Cuti-cuti Malaysia" melalui media elektronik milik kerajaan dan swasta; dan
- (iv) program *Familiarization Trip* ataupun *FAM Trip* bagi kumpulan media, agensi pelancongan, kru-kru penggambaran televisyen, personaliti media

sosial tempatan bagi membuat liputan serta penggambaran di lokasi-lokasi pelancongan yang menarik di seluruh negara.

MOTAC turut melaksanakan strategi kerjasama kreatif dengan pihak-pihak bersesuaian. Yang terkini pada 3 September 2020 yang lalu, MOTAC melalui *Tourism Malaysia* dengan kerjasama Kesatuan Pekerja-pekerja Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Kesatuan Pekerja-pekerja LPPM dan kolaborasi bersama Kongres Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) telah melancarkan pakej istimewa sempena kempen Cuti-cuti Malaysia khas untuk penjawat awam.

■1230

Pelancaran pakej ini merupakan salah satu usaha promosi pelancongan domestik semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Pakej-pakej istimewa yang ditawarkan pada peringkat permulaan ini adalah bagi destinasi di sekitar Kuala Lumpur, Selangor dan Genting Highlands. Usaha ini akan kita kembangkan ke destinasi lain di seluruh Malaysia.

Datuk Razali bin Idris: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sedikit?

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Bagi saya habiskan paragraf ini ya? Terima kasih. Sebanyak 20 syarikat agensi pelancongan telah terlibat dalam mewujudkan pelbagai pakej pelancongan yang menarik dan pakej-pakej ini boleh dilayari di laman sesawang *Tourism Malaysia*, www.malaysia.travel/deals-packages. Ya, Yang Berhormat.

TimbalanYang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sentuh berkenaan dengan Jelajah Malaysia Semarak Pelancongan Domestik. Dalam jelajah tersebut, negeri Terengganu masih lagi belum dikunjungi oleh Yang Berhormat Menteri dan kita menunggu Yang Berhormat Menteri.

Okey, saya hendak minta sedikit pencerahan berkenaan dengan peruntukan promosi pelancongan yang mana mungkin dalam edah COVID-19 pihak kementerian ada memperuntukkan secara khusus kepada tempat-tempat yang terkesan tersangat teruk. Contoh di tempat saya di negeri Terengganu iaitu Tasik Kenyir memang agak teruk kesannya. Untuk bangkit semula, kami kena bekerja keras.

Kita *insya-Allah* mencadangkan supaya tahun 2021 kalau COVID-19 sudah meninggalkan kita. Kita akan adakan Tahun Melawat Kenyir pada tahun 2021. Jadi, dalam proses untuk bangkit secara segera maka sudah tentu kita setiap bulan kita perlukan ada *event* yang tertentu untuk menawarkan pakej-pakej yang terbaik di kalangan pelancong domestik.

Jadi, soalan saya apakah pihak kementerian ada mempunyai peruntukan secara khusus berbentuk promosi seperti yang saya sebutkan tadi khususnya di Tasik Kenyir. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat tunggulah kita pergi ke Terengganu ya. *Insyah-Allah*, kita akan pergi ke Terengganu. Dari segi peruntukan pula akan saya bincang dengan pejabat kita untuk melihat sendiri apa yang boleh kita lakukan.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kami berhasrat untuk pergi ke seluruh— semua negeri di seluruh negara ini. Terengganu di antara negeri yang memang sudah dalam senarai, tinggal belum lagi berkesempatan. *Insyah-Allah* dan berdoalah kita dapat pergi cepat.

Selain daripada itu juga, saya hendak kongsi di dalam Dewan yang mulia ini sebenarnya kita mahu semua terlibat untuk mempromosikan produk-produk ataupun potensi-potensi produk yang ada di dalam negeri masing-masing. Kadang-kadang kita tidak terfikir satu-satu perkara itu boleh dilahirkan dan dipromosikan jadi satu produk, ia termasuk makanan. Kalau di Terengganu, saya tahu banyak makanan yang menarik.

Saya juga dimaklumkan dan saya mendapat laporan mengenai Terengganu ini iaitu hotel-hotel yang di tepi pantai dan di pulau-pulanya memang telah mendapat sambutan yang baik, termasuk *homestaynya*. Yang Berhormat mungkin Kenyir belum lagilah tetapi *insyallah* saya pun hendak melihat sendiri bagaimana keadaan di Kenyir itu. Begitu juga mungkin boleh kita bekerjasama dengan agensi pelancongan di Terengganu sendiri. *Insyah-Allah* kita akan bincang dan akan kita maklumkan pada Yang Berhormat. Ini kerana memang pun itu dalam senarai untuk kita kunjungi ya, Yang Berhormat.

Seterusnya...

Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili: Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya mohon mencelah sedikit. Jadi, dalam kita hendak merencanakan pelancongan dalam negeri kita. Jadi, kita mesti ada satu *some sort of referencenya*. Jadi, adakah kementerian ini mempunyai rekod untuk katakan dari tahun 2018 ke tahun 2019, berapakah jumlah yang dibelanjakan oleh rakyat Malaysia ketika mereka melancong di luar negara?

Jadi, ini kita mesti tahu *threshold* ini supaya kita akan dapat memberi sedikit gambaran apa akan dapat faedahnya atau pulangan daripada kalau kita merencanakan pelancongan di dalam negara dengan rakyat kita yang melancong tadi membelanjakan keseluruhan perbelanjaan mereka untuk melancong di dalam negara. Itu kita mesti ada *target* atau sasaran kita supaya kita boleh melihat susut nilai pelancongan dalam negara dengan pelancongan di luar negara.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Terima kasih Yang Berhormat di atas pertanyaan tersebut. Memang kita pun ada rekod untuk terutama sekali pada tahun 2019 memang

termasuk tahun 2020 pada bulan Januari memang kita telah mencapai satu tahap yang begitu tinggi dari segi jumlah yang dibelanjakan di luar negara dan juga malah dari luar ke Malaysia ini. Akan tetapi, dari segi angkanya biar saya- ada di sini, dia tahu saya hendak ini. Terima kasih ya.

Statistik perbelanjaan rakyat Malaysia di luar negara memang tidak diberi kepada kita. Cuma, statistik *domestic tourism* di kalangan kita memang ada. Nanti saya akan bagi. Kita akan beri statistik belanja di dalam negara dan malah dari luar negara belanja ke dalam negara kita memang banyak. Memang banyak. Oleh sebab itu kita pada kali ini memang kita merasa semua pihak yang terkesan. Akan tetapi, saya akan bagi *every* angka yang tepat sebab kita memang ada rekodnya.

Saya hendak- terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak merujuk kembali kepada Terengganu tadi. Ini tambahan untuk jawapan tadi. Kementerian ada peruntukan untuk galakkan penganjuran acara-acara peringkat tempatan melalui geran sempadan. Namun demikian, para penganjur acara-acara perlu mematuhi dan mendapat kebenaran pihak MKN terlebih dahulu untuk pasti penganjur acara-acara mematuhi syarat-syarat SOP pihak MKN. Ini adalah yang terkini daripada kerajaan kerana untuk menganjurkan aktiviti SOP perlu dipatuhi.

Tuan Yang di-Pertua, tidak banyak lagi di sini. Sebelum saya mengakhiri... *[Disampuk]*

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencelah?

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri tadi ada menyebut tentang pentingnya aset seni budaya Malaysia dan saya ingin kaitkan juga dengan Terengganu. Kebetulan Yang Berhormat Menteri akan ke Terengganu tidak berapa lama lagi, tentang garis panduan seni budaya di Terengganu agak kadang-kalanya merupakan satu masalah ketidaktentuannya. Ini kerana betullah setiap negeri merupai ada keistimewaannya dan ada ketetapan negeri masing-masing.

Akan tetapi, apa yang kita perlu ada di sini adalah satu konsistensi atau kepastian garis panduan ini tidaklah boleh berubah-ubah *with regards to* seni budaya. Ini kerana ramai penggiat pelancongan dan juga *travel agent* kadang kalanya keliru apakah garis panduan yang diguna pakai di Terengganu. Boleh buat perubahan atau apa juga peraturan tetapi biarlah ia ditetapkan dan dikeluarkan dengan waktu tertentu. Jangan sentiasa bertukar-tukar.

Saya harap Yang Berhormat Menteri apabila di Terengganu boleh berbincang dengan kerajaan supaya ini dipastikan menjadi satu spesifik polisi dan tidak sering berubah supaya tidak ada kekeliruan. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, kita sudah pun dalam hendak *finalize*, dengan izin, dasar kebudayaan negara. Kita tengah hendak *finalize*, *insya-Allah* bila sudah siap nanti dan sudah diluluskan nanti maka kita akan membawa perkara ini ke pihak luar akan diuar-uarkan untuk dikongsi kepada semua masyarakat di Malaysia ini. Itu diharapkan ia boleh menjadi satu panduan kepada kita semua untuk dasar kebudayaan.

Selain daripada itu juga, ingin saya mengumumkan di sini bahawa pada masa ini kita sedang dalam proses untuk mengatur lagi program-program dari sudut seni dan budaya di mana kita hendak mempertahankan, hendak mengembangkan, hendak *develop*, dengan izin, membangunkan seni dan budaya.

■1240

Kita mahu melibatkan seramai mungkin mereka yang menjadi pakar ini untuk membantu kita dalam kementerian sebab kita menyedari Yang Berhormat, kita menyedari bahawa perkara ini amat penting untuk sebagai panduan di dalam negara kita dari segi seni dan budaya supaya ia kekal dipelihara dan dipulihara oleh kita. Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tersebut.

Jadi sebelum saya mengakhiri sesi penggulungan saya, suka saya kongsi bersama semua Ahli Yang Berhormat tentang salah satu strategi MOTAC untuk fasa seterusnya iaitu untuk meneroka potensi ketibaan pelancong asing melalui pelancongan rentas sempadan atau, dengan izin, *cross-border tourism* seperti mengadakan gelembung perjalanan atau dengan izin, *tourism bubble* dengan negara-negara jiran atau destinasi-destinasi zon hijau yang dikenal pasti hasil kerjasama dengan Kementerian Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Luar Negeri. *Insya-Allah*, usaha ini akan diteliti dengan berhati-hati bagi memastikan faktor keselamatan tidak dikompromi walaupun di kala kita ingin mengalu-alukan kehadiran pelancong asing ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja sesi penggulungan saya pada hari ini. Bagi pihak Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya...

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili: Boleh saya mencelah?

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Baru hendak habis ini...

Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili: Sebelum tamatlah.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Kalau boleh bila sebut fasal pelancong daripada luar negara, saya ingin bertanyakan, saya percaya kita telah membuat tugas dengan baik khususnya untuk menarik pelancong dari Australia dan kita ada pegawai bertugas di Sydney. Apakah rancangan kementerian untuk terus mengekalkan pegawai kita yang bertugas di Sydney? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada soal seni dan budaya kerana kita banyak membincang tentang pelancongan. Saya ada membangkitkan tentang peranan yang dimainkan oleh Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).

Jadi saya ingin mendapatkan pandangan Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah kerjasama yang dibuat oleh ASWARA ini dengan Majlis Kesenian Negeri supaya apa yang dilakukan oleh Majlis Kesenian Negeri kalau boleh mendapat pengiktirafan sebagai satu kursus yang sama taraf dengan yang sijil-sijil yang dikeluarkan oleh ASWARA supaya kita dapat merakyatkan kesenian di negara kita menerusi satu jalinan kerjasama ataupun *twinning programme* di antara ASWARA dengan majlis-majlis kesenian negeri supaya kesenian ini selain daripada ia satu yang boleh kita mengekalkannya di kalangan generasi muda.

Di samping itu, kita hendak mahu supaya ia disijilkan supaya ini memberi peluang kepada penggiat-penggiat seni di kalangan anak-anak muda kita, bila mereka meminta pekerjaan ataupun sebagainya, mereka dianggap sebagai orang yang profesional kerana ada pengiktirafan daripada ASWARA ataupun mana-mana badan yang tertentu. Tidak kita hanya menjalankan kegiatan-kegiatan seni, tetapi tidak ada rekod dari segi pengiktirafan apa kita katakan sebagai *paper qualification*, tidak ada. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi perhatian tentang perkara ini. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat, tadi bertanya mengenai pegawai di Australia. Buat masa ini Yang Berhormat, kita belum ada perancangan atau keputusan untuk penutupan pejabat-pejabat *Tourism Malaysia* di luar negeri. Begitu juga dari segi pertukaran pegawai-pegawai *Tourism Malaysia* di pejabat-pejabat luar negeri sehingga isu pandemik COVID-19 ini selesai atau keadaan kembali terkawal untuk tujuan ini.

Namun begitu juga, dari segi pelancongan luar negara ini, kita ada juga pihak-pihak yang lain yang berada di Malaysia ini sentiasa berbincang dengan pegawai-pegawai dari segibukan pegawai kita, tetapi pegawai di luar negara juga yang dalam bidang pelancongan untuk mereka mengemas kini kepada kita keadaan dalam negara mereka. Misalnya, contoh negara yang disebut adalah Australia. Walaupun kita dalam keadaan ini telah- kita sedang menggalakkan dari segi zon hijau ini.

Namun begitu, kita perlu ada kelulusan daripada MKN dan juga kita ada Kementerian Kesihatan dan juga kementerian-kementerian yang berkaitan untuk membantu kita, untuk memberi panduan kepada kita sama ada kita harus meneruskan aktiviti pelancongan itu dengan negara-negara yang tertentu berdasarkan kepada destinasi-destinasi yang kita persetujui atau kita telah kenal pasti. Terima kasih.

Mengenai soalan mengenai ASWARA tadi, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Senator kerana dengan soalan ini, saya mengharapkan ia menjadi satu publisiti kepada penduduk Sarawak kerana saya nampak di ASWARA ada pelajar dari Sarawak, tetapi tidak ramai. Jadi dari segi saranan tadi, memang itu pun satu saranan yang begitu baik sekali kerana apabila kita ada berkongsi kepakaran seni- orang seni dari Sarawak dan dari Semenanjung ini disatukan dari segi kepakaran mereka, maka ia akan memberi satu nafas baharu dalam bidang kesenian ini. Kita tidak mahu ada orang luar dari Sarawak mengikuti seni tarian misalnya seni-seni daripada negeri-negeri yang lain tanpa mengetahui rasional dari segi pergerakannya. Rasional itu adalah satu ilmu yang perlu dipelajari oleh orang seni tersebut.

Saya menggalakkan kalau sekiranya negeri Sarawak membuka ruang ini kepada ASWARA untuk dibuka atau berkolaborasi dengan negeri Sarawak sebab saya faham Sarawak memang ada perancangan sendiri, tetapi mungkin dari segi tahap yang mereka hendak tubuhkan mungkin tidaklah sama dengan ASWARA. Namun begitu, kita boleh ada kolaborasi dari segi program-program yang akan melahirkan sijil sebab di ASWARA, kita ada sijil, ada diploma, ada peringkat *certificate* sahaja, ada di peringkat diploma, ada peringkat *Degree* dan juga *Master* dan juga PhD. Mereka ada semua tahap ini, sudah ada di ASWARA.

Kalau sekiranya negeri Sarawak berminat untuk berbincang untuk meneruskan aktiviti kolaborasi dari sudut seni- sebab seni ini bukan sahaja dari segi nyanyian, bukan sahaja dari segi tarian tetapi dari segi lakonan, bagaimana mengambil gambar semua itu, perfileman. Semuanya ada di situ. Jadi mungkin Yang Berhormat Senator, kita boleh bincangkan dengan negeri Sarawak. Lagi pun kita dari rumpun yang sama, tempat yang sama, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja sesi penggulungan saya pada hari ini. Bagi pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab kami di MoTAC.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan, '*Selamat Hari Malaysia*' kepada Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dan seluruh warga Malaysia.

Saya juga ingin menyeru semua pihak agar ambillah peluang cuti umum ini untuk bersama-sama keluarga dan rakan-rakan untuk pergi melancong, cuti-cuti Malaysia. Terokailah alam semula jadi kita, nikmati keenakan juadah warisan kita, hayati dan hargailah kepelbagaian budaya kita, hidupkan seni warisan bangsa kita. Semuanya ada di sini, ada di negara kita, ada di Malaysia.

*Buah betik buah delima;
Biji berserak disambar Kenyalang;
Pelancongan domestik jayakan bersama;
Biar semarak terus gemilang.*

Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih... [Tepuk]

■1250

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat ya. Terima kasih banyak.

*Apa tanda Melayu beradat;
Dengan pantun memberi nasihat.*

*Apa tanda Melayu terbilang;
Dengan pantun mengajak orang.*

Itu tadi. Terima kasih banyak Yang Berhormat. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri kita, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya yang betul-betul bercakap lebih kurang 40 minit. Bagus. Ada isinya menggembirakan dan ada rangsangannya. Ada perkara yang merangsang tadi. Nampak sahaja ramai ahli-ahli kita menyoal kerana sokongan tadi. Nampak ia ada harapan dan galakan ya. Ramai kata ya. Jadi, saya haraplah tadi pembulat ini memberi rangsangan kepada Yang Berhormat Menteri untuk terus memajukan pelancongan kita ya.

Sekali lagi saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri datang sendiri. Tepuk tangan Yang Berhormat ya... [Tepuk] Datang sini untuk menjawab. Ini satu sikap yang terbaik. Sekarang saya ingin juga berterima kasih banyak dan harap pelancongan terus maju. Sekian. *Assalamualaikum.*

Sekarang saya jemput pula Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Silakan.

12.51 tgh.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Ketua UMNO Bahagian Tanjung Piai, Yang Berhormat Datuk Haji Jefridin bin Haji Atan yang telah dilantik sebagai Ahli Dewan Negara pada pagi ini. Tahniah.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan isu dan pandangan berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (KPPK) dalam sesi perbahasan ke atas perbahasan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Yang di-Pertuan

Agong bagi sesi Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas, di Dewan yang mulia ini. Untuk penggulungan ini, saya akan memberikan maklum balas dan penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan memperjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol berkaitan implikasi kempen anti minyak sawit di Kesatuan Eropah (EU) ke atas industri minyak sawit negara.

Tuan Yang di-Pertua, kempen anti minyak sawit dilihat akan memberi impak negatif dalam beberapa aspek seperti perdagangan dan imej serta persepsi terhadap industri sawit. Dalam aspek perdagangan, pelaksanaan *EU Renewable Energy Directive II* dilihat akan menyebabkan sekatan kemasukan minyak sawit sebagai sumber bio bahan api di Eropah secara berperingkat dan sepenuhnya pada tahun 2030. Hal ini kerana minyak sawit telah diklasifikasikan sebagai mempunyai kadar perubahan guna tanah secara tidak langsung yang tinggi. Tindakan EU ini juga dikhuatiri akan memberi kesan kepada rantaian eksport produk sawit yang lain dan juga negara-negara pengimport di luar Eropah.

Implikasi dari segi imej dan persepsi pula, minyak sawit akan terus dilihat sebagai tidak mampan dan memberi kesan buruk terhadap alam sekitar oleh pengguna-pengguna di Eropah. Akibatnya, permintaan terhadap produk sawit dibimbangi akan terjejas dan seterusnya mengurangkan daya saing produk sawit di pasaran Eropah. Selain itu, suara pengguna juga akan mempengaruhi proses penggubalan dasar di Eropah yang dijangka akan memberi kesan negatif yang berterusan terhadap industri sawit negara.

Khusus bagi menangani kempen anti minyak sawit di negara-negara Kesatuan Eropah (EU), kementerian sedang melaksanakan pelbagai langkah promosi menerusi Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi meningkatkan kebolehpasaran produk sawit ke negara-negara EU. Ini adalah antara usaha menangani persepsi negatif terhadap industri sawit negara terutamanya dari aspek kemapanan selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Aktiviti promosi ini juga turut melibatkan kerjasama daripada pejabat Kedutaan Malaysia di Eropah khususnya bagi perkara yang melibatkan perhubungan di antara kerajaan atau G2G serta penglibatan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dalam aspek pemasaran. Antara kerjasama G2G yang telah diadakan adalah berkaitan bidang penyelidikan kemapanan dan pekebun kecil dengan negara Perancis, Belanda dan United Kingdom.

Selain itu, perbincangan secara berterusan bersama pihak-pihak berkepentingan di EU juga giat diadakan bagi menangani isu persepsi negatif terhadap minyak sawit menerusi misi ekonomi dan promosi minyak sawit ke negara-negara EU.

Namun begitu, memandangkan situasi COVID-19 yang melanda seluruh dunia, program-program termasuk *webinar* telah dilaksanakan secara atas talian ataupun *virtual* dan melalui kunjungan-kunjungan hormat perwakilan negara luar di Malaysia seperti oleh Duta Besar Amerika Syarikat dan Belanda.

Misi ini antaranya bertujuan untuk memaklumkan usaha-usaha kemapanan yang dilaksanakan oleh Malaysia dan menyampaikan hasil kajian saintifik yang membuktikan kebaikan minyak sawit berbanding minyak sayuran lain. Antara kebaikan tersebut adalah seperti nilai nutrisi yang tinggi seperti tokotrienol iaitu vitamin E dan karotena, bebas lemak trans dan kolesterol.

Antara perkara lain yang turut diketengahkan dalam sesi perbincangan misi tersebut adalah mengenai kesungguhan dan komitmen Malaysia dalam membangunkan industri sawit negara secara mampan menerusi pelbagai inisiatif seperti:

- (i) pelaksanaan skim Persijilan Minyak Sawit Mapan Malaysia (MSPO) secara mandatori mulai 1 Januari 2020;
- (ii) mengukuhkan polisi dalam melestarikan aktiviti penanaman sawit negara seperti:
 - (a) mengehadkan keluasan penanaman kepala sawit seluruh negara dengan penetapan sasaran seluas 6.5 juta hektar;
 - (b) larangan penanaman baharu sawit di atas kawasan baharu tanah gambut;
 - (c) larangan penukaran guna tanah hutan simpanan kekal (HSK) bagi aktiviti penanaman sawit atau tanaman pertanian yang lain; dan
 - (d) penyediaan peta rasmi bagi kawasan sawit untuk capai umum.
- (iii) penglibatan industri sawit negara dalam usaha-usaha pemeliharaan alam sekitar termasuk pemuliharaan hutan hujan tropika dan rehabilitasi biodiversiti negara seperti orang utan dan gajah pigmi.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (KPPK) sentiasa terbuka dan bersedia menerima kunjungan pihak EU untuk melihat sendiri...

Dr. Yaakob bin Sapari: Boleh mencelah, Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Sekejap ya. Situasi sebenar kemapanan industri sawit di Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ya.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Ya, siapa?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Yaakob bin Sapari: Saya hendak minta sedikit penjelasan tentang biodiesel sebab tidak ada sebut tadi. Sejauh mana biodiesel dipraktikkan untuk 20:80 seperti dicadangkan sebelum ini?

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Polisi biodiesel? Polisi biodiesel sebenarnya kita di peringkat awal adalah 10 peratus untuk minyak sawit dan 90 peratus untuk petroleum. Selepas itu ditingkatkan kepada 20. Sehingga ini sudah kita hendak tingkatkan ke-30.

Jadi, menggunakan biodiesel ini ialah satu kaedah di mana kerajaan untuk bantu kepada penggunaan minyak sawit yang lebih di peringkat domestik. Jadi, dengan penggunaan yang banyak ini, ia dapat meningkatkan atau menstabilkan harga kelapa sawit khususnya nanti dapat meningkatkan pendapatan terutama kepada pekebun-pekebun kecil.

Kita faham bahawa pekebun-pekebun kecil sawit di negara kita lebih hampir setengah juta pekebun kecil. Jadi, kita tahu harga itu adalah penting. Kita mesti bergantung kepada eksport. Jadi, kerajaan ambil kaedah ini untuk memperbanyakkan penggunaan di peringkat domestik untuk bantu menstabilkan harga sawit di negara kita. Jadi...

Dr. Yaakob bin Sapari: Sejauh mana pelaksanaan biodiesel dilaksanakan di negara kita?

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Ya, saya?

Dr. Yaakob bin Sapari: Sejauh mana pelaksanaan biodiesel?

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Biodiesel ini sudah dilaksanakan dalam biodiesel sebahagian dan kita sudah katakan akan melancarkan- sebenarnya bagi biodiesel yang untuk B30 ini, kita akan melancarkan kalau tidak silap saya- kita sudah buat pelancaran di Langkawi dan Labuan dan baru-baru ini kita akan ke Sarawak, mengikut jadual, dan akan dilaksanakan dalam setahun hingga dua tahun ini untuk selesaikan untuk meningkatkan penggunaan minyak sawit itu. Itu yang saya dapat jawab. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol adalah berkaitan kekurangan ketelusan dalam memberikan harga buah tandan segar sawit kepada pekebun kecil terutamanya di Sarawak serta pemberian bantuan yang sewajarnya kepada pekebun kecil persendirian khususnya dari segi pembangunan infrastruktur.

Tuan Yang di-Pertua, seperti sedia ada...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta maaf. Jadi, jam pukul 1 dan banyak lagi poin Yang Berhormat hendak cakap. Kita sambung ya. Pukul 2.30 petang nanti kita sambung, minta sambung ya.

Jadi, Ahli Yang Berhormat, jam pukul 1 tengah hari dan saya tangguhkan mesyuarat ini hingga jam 2.30 petang ini. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah* kita teruskan dengan penggulungan jawapan oleh para Yang Berhormat Menteri yang berkaitan dengan hal-hal di bawah kementerian masing-masing. Silakan.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk sambung penggulungan saya.

Sebelum saya teruskan saya hendak bagi satu penjelasan bahawa tadi ada Yang Berhormat bertanya berkaitan dengan polisi Biodiesel B20. Sebenarnya program pelaksanaan Program Biodiesel B20 telah ada cara ataupun di laksana secara berfasa bagi program tersebut. Satu, pada 1 Januari 2020 telah dilancar di Langkawi, 15 Januari 2020 di Wilayah Persekutuan Labuan, dan 28 September 2020 di Sarawak, 1 Januari 2021 di Sabah, dan 15 Jun 2021 di Semenanjung Malaysia.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat Senator, penggunaan ataupun pelancaran program biodiesel ini untuk Biodiesel B7 untuk sektor industri. Penggunaan CPO sebanyak 227 ribu tan setahun. Jadi kalau kita menggunakan B20 maknanya pengguna setahun ialah sebanyak RM1.06 juta jadi jumlah adalah sebanyak RM1.3 juta dan kerajaan juga akan buat program untuk jangkaan B30 pada awal tahun 2025. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, seperti sedia maklum, harga minyak sawit dan buah tandan segar (BTS) adalah ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran. Penentuan harga BTS pula adalah bergantung kepada pergerakan harga minyak sawit mentah atau CPO. Pergerakan harga minyak sawit mentah (CPO) bergantung kepada faktor seperti pertumbuhan ekonomi, permintaan dan penawaran minyak sayuran lain dan juga stor minyak sawit oleh negara-negara pengeluar terutamanya Indonesia yang merupakan pengeluar terbesar minyak sawit dunia.

Oleh itu harga BTS yang dipaparkan setiap hari oleh MPOB merupakan harga rujukan mengikut kawasan dan kadar perahan minyak. Para pekebun dinasihatkan untuk merujuk kepada harga yang dikeluarkan oleh MPOB sebelum melaksanakan transaksi jual beli. Para pekebun kecil juga boleh membuat pilihan lain sekiranya mendapati sesuatu pusat timbang menawarkan harga yang rendah.

Untuk membantu pekebun-pekebun kecil supaya tidak menjadi mangsa manipulasi harga, kementerian menyarankan supaya pekebun kecil menjadi ahli Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) di kawasan masing-masing dan berurus niaga dengan KPSM sahaja.

Untuk makluman Yang Berhormat, antara tujuan utama penubuhan KPSM ini adalah untuk memastikan pekebun kecil menjual beli dengan kadar harga yang lebih telus dan munasabah serta mengelakkan mereka daripada ditindas oleh orang tengah. Dalam hal ini, kementerian telah menyasarkan penubuhan sebanyak 65 buah KPSM di seluruh negara termasuk 18 KPSM yang telah berjaya ditubuhkan di Sarawak.

Selain daripada itu, pihak kerajaan telah dan sedang membantu para pekebun kecil dalam mendepani isu ini. Antara bantuan yang diberikan adalah seperti berikut menggalakkan pekebun kecil menyertai...

Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan apa hal dia?

Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol: Berkaitan dengan harga buah tandan sawit ya. Apa yang saya nyatakan tempoh hari adalah kita hendakkan ketelusan di pihak khususnya pengilang untuk mengenakan harga kepada pekebun kecil persendirian.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan jika tidak berpuas hati dengan harga yang diberikan oleh sesebuah kilang ataupun sesebuah pusat timbang, jadi pekebun kecil bolehlah pergi ke kilang yang lain ataupun pusat timbang yang berlainan.

Akan tetapi, *on the ground*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *what really happen on the ground is not like that* Yang Berhormat Timbalan Menteri. *Because* kadang-kadang kita tidak ada pilihan. Itulah kilang yang terdekat, itulah pusat timbang yang terdekat. Jadi, mahu tidak mahupun kena pergi kepada pusat timbang dan kepada pengilang-pengilang yang berkaitan.

Jadi apa yang kita hendak sini *at least* mereka membuatkan, memberikan lembaran pengiraan harga. Dengan izin, *I think that- that is not difficult to do because if you sell your goods...*

Tuan Yang di-Pertua: Tolong ikut peraturan. Dalam peraturan mesyuarat kita tidak ada perkataan “mencelah” ini sebenarnya, yang ada, “menggangu” [*Ketawa*] Jadi kalau hendak menggunakan Peraturan Mesyuarat 36, tolong sebutkan apa penerangan yang hendak didapatkan. Jangan memberi pandangan.

Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol: Okey maaf Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, penerangan yang saya hendak tadi berkaitan dengan KPSM, Koperasi Penanam Sawit Mampan yang ditubuhkan di mana ia juga membeli buah tandan sawit daripada pekebun-pekebun kecil. Dinyatakan tadi bahawa harga adalah lebih tinggi.

Bolehkah, adakah pihak MPIC telah mengadakan kajian *on the ground*, dengan izin, membuat perbandingan harga yang ditawarkan oleh pusat timbang yang dioperasikan oleh Koperasi Penanam Sawit Mapan dengan pusat timbang yang lain.

Keduanya, adakah pihak MPIC telah membuat kajian membandingkan harga-harga yang ditawarkan oleh kilang-kilang itu di Sarawak, dan sama ada kilang-kilang tersebut ada memberi lembaran pengiraan harga. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya faham, kementerian faham sebab itu saya tadi sudah tekan kepada ahli Koperasi Penanam Sawit Mampan. Oleh sebab I harganya lebih munasabah.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, biasanya daripada ladang kita jual timbang pusat, kadangkala ia melibatkan kos pengangkutan, komisen yang berlainan. Jadi, mungkin Yang Berhormat Senator boleh bagi maklumlah mana kawasan mungkin kami boleh ambil tindakan ataupun turun padang melihat perkara ini. Bagi kerajaan kita ambil prihatin dan hendak bantu terutama kepada pekebun kecil di luar bandar untuk mendapat pendapatan yang lebih.

Jadi, saya terus sambung Tuan Yang di-Pertua?

■1440

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Menggalakkan pekebun kecil menyertai aktiviti berteraskan perniagaan dengan menyertai KPSM. Kementerian memberikan insentif sebanyak RM200 ribu bagi sebuah KPSM untuk menubuhkan pusat timbang bagi memudahkan urusan jualan hasil buatan yang segar ahli-ahlinya secara berkelompok dengan mendapat tawaran harga yang lebih baik.

Kementerian ini juga telah memperkenalkan skim pinjaman mudah modal pusingan tanpa faedah sebanyak RM100 ribu untuk KPSM yang terpilih.

Kedua, menempatkan pegawai tunas di lapangan untuk memberikan khidmat nasihat dan tunjuk ajar kepada para pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pembangunan infrastruktur, KPPK memberikan bantuan untuk membina Projek Jalan Ladang Pekebun Kecil Persendirian Komoditi Lada (JLPK) kepada pekebun kecil persendirian komoditi di bawah kementerian ini termasuk pekebun kecil sawit. Kriteria permohonan bagi bantuan tersebut adalah mengikut keutamaan seperti berikut:

- (i) meliputi jalan ke kebun atau dalam milik persendirian pekebun-pekebun kecil persendirian yang diselia di bawah agensi-agensinya KPPK;

- (ii) keutamaan kepada jalan ke ladang yang sedang diusahakan atau dimajukan oleh pekebun-pekebun kecil agar dapat menjadi rangkaian perhubungan yang bermanfaat kepada penduduk sekitarnya mengangkut input pertanian dan mengeluarkan hasil tanaman;
- (iii) menjadi laluan utama mengangkut input pertanian dan mengeluarkan hasil tanaman yang digunakan oleh pekebun kecil, persendirian dan orang ramai di kampung berhampiran;
- (iv) jalan yang menghubungkan jalan yang besar atau jalan utama dengan jalan ladang pertanian pekebun kecil tidak terselia sebagai laluan utama kenderaan bagi mengangkut input dan hasil pertanian; dan
- (v) keutamaan projek JLPK adalah yang bernilai kurang RM500 ribu supaya pelaksanaan JLPK dapat dibuat secara sebut harga dan pelaksanaannya dilakukan segera setiap siap sepenuhnya pada tahun semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, Projek JLPK telah diluluskan peruntukan sebanyak RM64.8 juta untuk pelaksanaan 263 Projek Jalan Ladang Pekebun Kecil Persendirian dengan jarak 524 kilometer sepanjang tempoh tahun 2016 sehingga tahun 2020. Setelah mengambil kira pelaksanaan JLPK dalam Rancangan Malaysia Kesebelas tersebut, kos projek ini mempunyai baki sebanyak RM16.7 juta. Oleh yang demikian, projek ini telah dimohon sebagai projek sambungan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator juga telah memberikan pandangan dan cadangan supaya pihak kementerian menubuhkan lebih banyak *Sustainable Palm Oil Clusters* (SPOC), dengan izin, di Sarawak dan menggunakan saluran pejabat daerah sebagai medium untuk menghubungi ketua-ketua kaum di Sarawak bagi membantu menguruskan pekebun kecil sawit mendapatkan pensijilan MSPO.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian menyambut baik cadangan ini dan mengucapkan ribuan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Senator. Kementerian akan mengkaji dan menilai cadangan penubuhan lebih banyak SPOC ini mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian menyasarkan penubuhan sebanyak 162 buah SPOC. Seterusnya, pihak kementerian melalui MPOB akan bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuklah pejabat daerah untuk memudahkan lagi segala urusan penubuhan lebih banyak SPOC.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop telah membangkitkan isu berkaitan kebajikan pekebun kecil getah yang sedang mengharungi keadaan sukar dengan kadar harga getah yang rendah. Harga getah asli sebagaimana harga

komoditi lain bergantung kepada permintaan dan penawaran pasaran di peringkat global. Harga getah yang rendah pada masa ini adalah disebabkan oleh permintaan yang rendah dari negara-negara pengguna utama getah asli berikutan ketegangan perdagangan negara Cina dan Amerika Syarikat serta penularan wabak COVID-19 di Iran dan negara Eropah.

Walaupun permintaan sarung tangan getah meningkat tinggi, namun ia hanya merupakan 4.2 peratus daripada permintaan getah dunia dan tidak mampu mempengaruhi peningkatan harga getah asli. Di samping itu, sarung tangan getah keluaran Malaysia dihasilkan daripada lateks yang hampir keseluruhannya diimport dari negara Thailand.

Manakala, pekebun kecil Malaysia mengutamakan pengeluaran getah skrap berbanding getah lateks. Pengeluaran lateks negara pada tahun 2019 adalah sebanyak 41,338 tan dan ini tidak dapat memenuhi permintaan pihak pengeluar sarung tangan getah. Oleh yang demikian, pihak industri terpaksa mengimport sejumlah 3126 tan lateks dari negara jiran seperti Thailand dan Vietnam sebagai bahan mentah bagi pengeluaran sarung tangan getah.

Sehubungan dengan itu, bagi memelihara kebajikan serta menstabilkan pendapatan penoreh-penoreh getah, kerajaan terus komited dengan melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) mempergiat hebahan dan kesedaran kepada pekebun-pekebun kecil agar memohon Insentif Pengeluaran Getah (IPG). Langkah terbaharu ialah pelancaran aplikasi RRIMniaga yang memudahkan tuntutan pekebun kecil untuk mendapat IPG tanpa perlu mengisi borang tuntutan secara manual;
- (ii) pelaksanaan mekanisme penetapan harga di ladang dan pemerksaan peranan koperasi sebagai pembeli getah. Menerusi langkah ini, tapisan orang tengah dapat dikurangkan dan seterusnya dapat meningkatkan harga pembelian getah di peringkat ladang;
- (iii) menggalakkan amalan integrasi di kalangan pekebun kecil untuk memperoleh pendapatan sampingan sama ada melalui aktiviti integrasi getah dengan tanaman seperti pisang, betik, nanas, durian dan buah salak ataupun ternakan seperti lebah dan kelulut;
- (iv) meningkatkan penggunaan getah dalam negara bagi mengukuhkan harga getah. Ini termasuk penggunaan getah *cuplump modified bitumen* (CMB) dengan izin, dalam pembinaan jalan raya, dan penghasilan yang baharu dan bernilai tambah- berasaskan getah seperti *seismic bearing*, sarung tangan getah, dan lain-lain; dan

- (v) bekerjasama dengan negara-negara pengeluar utama getah dunia iaitu Thailand dan Indonesia di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC), dengan izin, untuk memperkukuhkan dan menstabilkan harga pasaran getah antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya yakin bahawa semua isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator semasa sesi perbahasan Menjunjung Kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan Negara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah pun saya jawab.

Seterusnya, pihak kementerian akan mengambil tindakan susulan sewajarnya terhadap semua saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator agar industri agrikomoditi negara terus kukuh dan berdaya saing. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Kita beralih kepada Kementerian Kewangan.

2.48 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menzahirkan setinggi-tinggi ucapan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Diraja semasa Majlis Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas, tahun 2020, pada 18 Mei yang lalu.

Titah Baginda menjadi panduan kepada Kementerian Kewangan dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara sentiasa terpelihara. Patik-patik sekalian di Kementerian Kewangan menjunjung Titah Tuanku.

Saya juga Tuan Yang di-Pertua, ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini yang menyentuh berkaitan isu Kementerian Kewangan. Semua pandangan, teguran, cadangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung perkara yang dibangkitkan oleh Kementerian Kewangan amatlah saya hargai.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi sedikit penjelasan ke atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan berdasarkan isu-isu yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris telah membangkitkan isu berkaitan prestasi perbelanjaan pengguna termasuk penggunaan kad

kredit dan perbelanjaan atas talian, adakah akan memberikan kesan kepada pembangunan ekonomi domestik.

■1450

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, seperti mana Ahli Yang Berhormat Senator sedia maklum, kita mengalami penguncupan ekonomi pada suku kedua tahun 2020 yang telah turut diiringi dengan perbelanjaan isi rumah yang terjejas. Pertumbuhan penggunaan swasta menurun sebanyak 18.5 peratus pada suku tahun kedua berbanding suku tahun pertama 2020 iaitu sebanyak 6.7 peratus akibat kawalan pergerakan yang ketat pada awal suku tahun kedua. Pendapatan isi rumah juga terjejas berikutan langkah-langkah pengekangan yang perlu diambil untuk membendung wabak COVID-19.

Walaupun bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, daripada segi perbelanjaan menggunakan perkhidmatan pembayaran elektronik, nilai kad kredit atau kad pembayaran yang menggunakan kad kredit atau debit ada sedikit pengurangan. Oleh sebab apa? Ramai rakyat tidak boleh turun ke kedai, dan penurunan ini sebanyak 22 peratus kepada RM39.6 bilion, berbanding RM49.4 bilion pada suku tahun 2019.

Walaupun bagaimanapun, satu yang ketara Tuan Yang di-Pertua, yang melibatkan pembayaran atas talian yang besar di kalangan pengguna. Jadi, saya nampak satu trend peningkatan yang berlaku iaitu pada *financial proses exchange* yang meningkat sejumlah 86 peratus dengan sejumlah 19.9 peratus suku tahun kedua berbanding tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah RM10.7 bilion telah digunakan pada suku tahun kedua 2019, dan ini nampaknya industri kewangan telah melaksanakan pelbagai keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa sihat Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya duduk sekejap. Kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator- sebab saya rasa *uneasy*. Izinkan Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah: [*Duduk seketika*]

Saya tidak berapa sihat Tuan Yang di-Pertua tetapi saya hadir juga ke Dewan yang mulia ini untuk menjawab soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Barangkali buat seselesa mungkin. Apa-apa aral nanti diminta pegawai Dewan hadir untuk bantu apa-apa yang harus.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah: Cumanya, apa yang saya boleh beri penjelasan Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita hadapi pengurangan daripada segi pembayaran kad kredit tetapi yang paling penting bagi kita adalah ada peningkatan yang begitu ketara disebabkan perbelanjaan secara *online* meningkat. Jadi, peningkatan inilah memberikan satu keadaan yang lebih baik kepada ekonomi domestik. Saya yakin dan percaya, perbelanjaan

ini kita lihat secara keseluruhan tanpa kita membiarkan domestik punya perbelanjaan ini berada di tahap yang kurang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz berkaitan dasar OPR. Dasar OPR inilah Tuan Yang di-Pertua yang saya merasakan satu perkara yang telah dibuat oleh kerajaan, menurunkan sebanyak 125 mata asas daripada sejumlah 300 mata asas menjadikan pada hari ini sejumlah 175 mata asas.

Saya yakin dan percaya Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menurunkan OPR dan kita menurunkan SSR, bermakna kalau kita turunkan SSR ia memberi lebih *liquidity* kepada institusi pembangkang sebanyak RM16 bilion. Akan tetapi, secara totalnya, apabila kita kurangkan OPR, kita kurangkan SSR, Bank Negara membuat keputusan ini berdasarkan *Monetary Policy Council* (MPC) yang kita buat setiap tiga bulan mesyuaratnya untuk memikirkan tentang unjuran semasa keadaan ekonomi negara.

Saya yakin dan percaya apabila kita turunkan OPR, kita turunkan SRR, ia memberi jumlah *injection* atau nilai kecairan dalam sistem perbankan sebanyak RM46 bilion. Saya percaya, sepertimana Yang Berhormat Dato' Wira Othman nyatakan, bahawasanya ini akan memberi kesan keuntungan kepada para-para peminjam. Misalnya, sekiranya kita membuat pinjaman rumah- ini kerana, bila OPR dengan SRR ini, SRR ialah... [*Perkataan kurang jelas*] Dahulu bank kita buat *cash term*. Akan tetapi kita ubah mereka menggunakan MGS dan MGII. Maknanya, akan ada penambahan kecairan sebanyak RM16 bilion. Manakala, kita turunkan OPR sebanyak *125 basis point* menjadikan sejumlah *175 basis point* ketika ini.

Ia sebenarnya memberi keuntungan kepada peminjam-peminjam yang mempunyai *floating rate*. Faedah-faedah yang terapung seperti *housing loan* dan *business loan*. Ini sebenarnya memberi keuntungan kepada para peminjam sebab dasar yang dibuat oleh Bank Negara Malaysia. Cumanya, kita hendak beritahu Dewan yang mulia ini, sebarang keputusan OPR atau SSR ia bergantung autonomi sepenuhnya kepada Bank Negara tanpa campur tangan oleh pihak Kementerian Kewangan. Semasa MPC bersidang, mereka melihat unjuran ekonomi semasa dan mereka melihat unjuran ekonomi pada masa-masa akan datang.

Sebagai contoh, sekiranya kita kurangkan sejumlah *125 basis point*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita dapat kurangkan lebih kurang- kalau pinjaman itu faedah awalnya sejumlah 4.5 peratus dengan jumlah pinjamannya RM350 ribu, kita dapat kurangkan jumlah bayaran bulanan kerana bila *floating rate* dia akan *assess* pada setiap bulan. Maka, ia menjadikan bayaran sepatutnya sebanyak RM1,773 dikurangkan kepada sejumlah RM1,523 sebulan dan ada penjimatan sebanyak RM250.

Maknanya, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman, kita memang melakukan apa sahaja dasar OPR dan SSR ini semata-mata untuk memberi

keuntungan kepada rakyat dan rakyatlah kena membuat pilihan Tuan Yang di-Pertua, sama ada mereka ingin menyimpan duit tersebut atau mereka ingin berbelanja. Kita mengharapkan sangat perbelanjaan domestik ini lah yang akan memberi keuntungan kepada masa hadapan ekonomi sebagaimana yang telah kita sedia maklum dan kita maklumkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Kementerian berasaskan '6R', 6R ini lah yang menjadi hala tuju pemulihan kewangan negara yang mana kita berada dalam fasa ke empat iaitu fasa *recovery*, dan *insya-Allah* seperti mana yang kita nyatakan dalam Dewan yang mulia ini. Pada fasa kelima iaitu pada 6 November nanti kita akan umumkan satu langkah di peringkat *revitalize* melalui Bajet 2021 yang pastinya ketika itu Yang Berhormat, kami akan nyatakan, Yang Berhormat Menteri Kewangan akan nyatakan berapa banyak kedudukan posisi kewangan semasa dan bagaimana pengurusan ekonomi negara yang kita akan lakukan dalam fasa yang keenam iaitu *reform* melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Berkaitan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim iaitu pasaran hutang kerajaan. Kita yakin hutang kerajaan juga banyak persoalan-persoalan yang timbul.

Akan tetapi, kerajaan melaksanakan strategi pembiayaan secara berhemat di samping mematuhi perundangan berkaitan hutang yang ditetapkan. Strategi pembiayaan ini adalah berkaitan dengan domestik iaitu *Malaysian Government Securities* (MGS) dan MGII. Ini kerana, kita yakin terbitan domestik mempunyai kemapanan berdasarkan kita punya bacaan daripada segi *coupon rate*. *Indicative coupon rate* MGS bagi tiga tahun sekitar sejumlah 1.8 peratus manakala lima tahun sebanyak 2.1 peratus, dan 10 tahun sebanyak 2.6 peratus. Sudah pasti apabila kita menurunkan dasar OPR ini juga ia akan memberi kesan kepada kemapanan terbitan bon domestik yang dijamin oleh kerajaan.

Kaedah yang lebih rendah ini Tuan Yang di-Pertua, akan mengurangkan kos pembiayaan ke atas hutang dan seterusnya menyokong peningkatan aktiviti perolehan kerajaan. Saya yakin dan percaya apabila Kementerian Kewangan melalui Bank Negara telah membuat keputusan untuk membenarkan pematuhan *Statutory Reserve Requirement* (SRR), keperluannya sebanyak 100 mata asas diturunkan kepada dua peratus Tuan Yang di-Pertua, peniaga-peniaga kecil seperti *principal dealer* ini, peniaga-peniaga utama- minta maaf. Peniaga-peniaga utama atau *principal dealer* ini akan mengiktiraf MGS, akan mengiktiraf MGII yang memberi kesan kepada bon dalaman negara yang dijamin oleh kerajaan.

Sepertimana yang saya sebutkan di awal tadi, apabila kita turunkan OPR dan kita turunkan SRR, ia memberi kesan kepada kecairan dalaman negara sebanyak tambahan suntikan RM46 bilion ke dalam sistem perbankan. Kerajaan percaya dan yakin *liquidity* yang kita buat ini akan menyokong aktiviti perantaraan kewangan. Saya hendak beritahu kepada

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai kecukupan daripada segi keamanan ini daripada segi *bid-to-cover ratio*, permintaan industri tempatan, pengukuhan dan kejayaan sekitar ini RM150 bilion pasaran domestik.

Saya yakin apa sahaja yang kita lakukan kita akan memastikan semua dasar yang kita buat dalam SRR dan OPR ini akan memberi kesan positif kepada pelan pemulihan yang telah diusahakan oleh kerajaan kepada semua rakyat Malaysia.

■1500

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih daripada sektor ekonomi kepada cukai. Cukai ini juga banyak dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertamanya, bagaimana kita memperkasakan *multi-agency task force*. Isu ketirisan merupakan isu yang amat penting, bukan sahaja kami memperkenalkan cukai-cukai baharu tetapi kerajaan hari ini berpandangan kita sedang melakukan penambahbaikan sistem yang sedia ada.

Keduanya, kerajaan juga melihat apakah langkah-langkah yang perlu dipertingkatkan bagi memastikan pemerksaan mesti dilakukan bagi mengelakkan hasil negara dirompak atau dikeluarkan supaya kita mempunyai hasil yang mencukupi dalam keadaan kita melakukan proses pemulihan ini.

Kerajaan telah menubuhkan pada tahun 2018, satu agensi yang disebut *multi-agency task force* yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan turut dihadiri oleh saya sendiri. Dalam keanggotaan ini, dahulu kita ada keanggotaan yang biasa seperti MITI, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kastam, Polis Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan juga melibatkan pihak industri.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, selepas kita mengambil alih *multi-agency task force* ini, kita perkasakan. Kita libatkan agensi yang lebih dekat dengan penguatkuasaan seperti mana agensi yang mengawal sempadan, agensi yang mengawal keselamatan negara, kita jemput Majlis Keselamatan Negara, kita jemput Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara serta kita juga jemput Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa PEMANDU (MATF) dan Jawatankuasa Kerja juga telah ditubuhkan di peringkat Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Antara lain, untuk menyelaras semua aktiviti bagi membanteras sebaik mungkin penyeludupan rokok dan minuman keras bersama dengan agensi penguatkuasaan yang lain.

Laporan *outcome* ini akan kita nyatakan dalam semasa ke semasa, dan saya yakin platform ini akan terus diperkasakan oleh Kementerian Kewangan seperti mana hasrat Kementerian Kewangan untuk mengurangkan ketirisan hasil negara. Ada juga Ahli Yang

Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, membangkitkan tentang adakah kami, pihak Kementerian Kewangan akan membekukan *ban of transshipment*, dengan izin, rokok dan arak.

Kerajaan sememangnya- Tuan Yang di-Pertua, memandang serius kegiatan penyeludupan rokok dan minuman keras yang telah menyebabkan ketirisan hasil duti dan cukai yang tinggi. Kementerian hari ini sedang mengenal pasti cabaran dan langkah proaktif yang boleh dilaksanakan bagi membendung aktiviti penyeludupan rokok dan minuman keras.

Pelaksanaan sekatan aktiviti *transshipment* rokok dan minuman keras ini satu perkara yang sedang dibincangkan di bawah pihak urus setia MATF. Pada masa ini kerajaan masih berbincang secara lanjut kerana kita juga ada perdagangan antarabangsa yang kita mesti patuhi di bawah *World Trade Organization* yang dimeterai di peringkat antarabangsa. Sudah pasti Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Jabatan Kastam Diraja Malaysia akan terus memperkasakan tindakan penguatkuasaan bagi mengenal pasti modus operandi yang digunakan dalam aktiviti penyeludupan rokok dan minuman keras.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang dekat dengan anak muda yang juga telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu bagaimana kerajaan melalui Kementerian Kewangan berpandangan, adakah akan melakukan cukai *vape*?

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan mengambil maklum cadangan Yang Berhormat Senator. Setakat ini kita masih menunggu keputusan kajian di peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia. *Insyaa-Allah*, Kementerian Kewangan berpandangan sekiranya kerajaan mempunyai pandangan untuk mengawal industri *vape* seperti mana industri rokok, Kementerian Kewangan juga bersedia untuk memberi layanan cukai yang sama seperti mana kita cukaikan pada rokok.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga Ahli Yang Berhormat bangkitkan isu berkaitan pelepasan cukai internet.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun menyediakan potongan cukai individu bagi gaya hidup sehingga RM2,500 yang melibatkan langganan internet, pembelian komputer, telefon bimbit pintar, buku, surat khabar, peralatan sukan yang dibenarkan dan yuran keahlian.

Bagi sektor industri kecil dan sederhana iaitu syarikat, termasuk IKS adalah layak mendapat potongan cukai, *tax deduction*, dengan izin, di bawah seksyen 33, Akta Cukai Pendapatan 1997.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga Ahli Yang Berhormat yang bangkitkan tentang bagaimana *directions* pihak Kementerian Kewangan dalam Bajet 2021. Suka saya maklumkan gambaran awal pihak kepada Ahli Yang Berhormat, kita memandang serius Bajet 2021 ini sebagai fasa *revitalize*. Dalam fasa ketegasan ini, fasa *revitalize* ini, pemeraksanaan ini, kita mesti memastikan apa sahaja pandangan rakyat diambil kira.

Itu sebabnya *engagement* melebihi 1,100 badan berkepentingan telah kami *engaged* setakat ini, Tuan Yang di-Pertua. Siri Jelajah Yang Berhormat Menteri Kewangan dan saya turun ke peringkat akar umbi bertemu dengan Menteri Besar, bertemu dengan Ketua Menteri untuk mendapat pandangan, apakah akar umbi mahu untuk kita bentangkan dalam Bajet 2021.

Akan tetapi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, apa sahaja yang kita lakukan dalam Bajet 2021 ini bergantung kepada kedudukan kewangan semasa yang akan kita umumkan pada 6 November 2020 nanti. Cumanya tema untuk Belanjawan 2021 akan meliputi empat perkara:

- (i) menjaga kebajikan rakyat;
- (ii) memacu pertumbuhan ekonomi;
- (iii) melestari kehidupan; dan
- (iv) memantapkan penyampaian perkhidmatan awam.

Saya yakin dan percaya Tuan Yang di-Pertua, 14 sesi Jelajah Belanjawan ini telah kita pergi dan melihat soal akar umbi. Ramai daripada mereka mahu supaya mereka dibantu, mereka diperkasakan dari segi sektor industri kecil dan sederhana. *Insyallah* perkara-perkara ini juga kita akan beritahu.

Saya mengalu-alukan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk turut serta dalam portal rasmi kita, belanjawan2021@treasury.gov.my supaya pandangan Yang Berhormat di peringkat Yang Berhormat juga dapat kami lakukan sebaik mungkin supaya Belanjawan 2021 yang kita akan bentangkan nanti adalah belanjawan yang holistik, mengambil kira keseluruhan sektor dan spektrum kehendak masyarakat dan demografi latar belakang masyarakat di seluruh Malaysia, *no one is left behind*.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga membangkitkan tentang Skim Pinjaman Rumah Panjang Khas. Ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, telah dimulakan dari tahun 2006. Kita sudah bagi peruntukan kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Negeri Sarawak telah laksanakan. Setakat pada hari ini, RM152.5 juta telah kita salurkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak yang melibatkan 8,915 pintu rumah panjang.

Insyallah dalam bajet akan datang kita juga mempertimbangkan supaya semua akan dapat, bukan sahaja Semenanjung tetapi Sabah dan Sarawak juga akan mendapat kesan daripada kemudahan kewangan yang kita katakan.

Ini perkara Tuan Yang di-Pertua, yang amat sering dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan moratorium. Saya sebelum sampai ke Dewan yang mulia ini, saya berkunjung ke AKPK, Tuan Yang di-Pertua. Saya berkunjung ke AKPK, saya melihat sendiri bagaimana rakyat datang untuk mendapat khidmat nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit.

Saya ucapkan terima kasih kepada mereka, pelanggan dan *customer* yang terlibat. Mereka *willing* untuk datang bertemu dengan AKPK. Ini sudah memberi satu *indicator* yang baik kerana mereka sudah ada semangat untuk bersama-sama dengan kerajaan menyelesaikan masalah mereka. Kita faham, kita akui ramai yang berpandangan supaya moratorium ini perlu dilanjutkan secara automatik.

Akan tetapi kerajaan telah buat keputusan Tuan Yang di-Pertua, 30 September ini akan berakhir moratorium secara automatik. Kita akan melakukan moratorium secara bersasar pada 1 Oktober. Kita telah adakan jelajah Kempen Bayaran Balik semalam di Kuantan, Pahang. Hari ini di Sarawak dan sudah pasti respons yang kita terima sangat-sangat baik, Tuan Yang di-Pertua. Maknanya, pihak bank *willing* untuk membantu dan rakyat yang terkesan datang untuk menerima khidmat nasihat dan akhirnya, kerajaan akan membantu mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan satu isu yang agak spesifik, yang melibatkan Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid, berkaitan adakah satu syarikat yang telah disebut dalam Dewan yang mulia ini, syarikat Platinum Link Sdn. Berhad, berjumlah RM18 juta, adakah kerajaan akan pulangkan?

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prosesnya telah habis di peringkat mahkamah. Kes ini telah selesai pada tahun 2017 dan Mahkamah Rayuan- ia bermula Mahkamah Sesyen, ia pergi ke Mahkamah Tinggi dan ia telah berakhir di Mahkamah Rayuan. Mahkamah telah buat keputusan, baki wang rampasan berserta faedah berjumlah RM22,853,488,67 telah dilucuthakkan dan telah dimasukkan ke dalam akaun Akauntan Negara dan terimaan pada 11 Oktober 2017.

■1510

Saya ingat Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Saya bagi pihak Kementerian Kewangan akan memberi jawapan secara bertulis tetapi perkara-perkara yang saya bangkitkan inilah perkara-perkara yang dekat dengan rakyat dan harus dapat penjelasan.

Saya ucapkan terima kasih banyak kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang agak peka kepada Kementerian Kewangan. Sokonglah kami supaya kami dapat melaksanakan tugas ini dengan baik.

Saya yakin dan percaya segala permasalahan yang telah Ahli-ahli Yang Berhormat bangkitkan kami akan beri jawapan secara bertulis. Sekiranya jawapan secara bertulis kami tidak memenuhi kehendak atau pandangan Yang Berhormat Senator, saya sendiri sedia untuk bertemu dengan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memberi penjelasan yang lebih lanjut.

Saya sekali lagi Tuan Yang di-Pertua ucapkan terima kasih banyak kepada semua yang terlibat memberi pandangan dan cadangan kepada kementerian. Semua pandangan

dan saranan kepada pihak kementerian ini saya dahulukan dengan ucapan terima kasih. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya boleh celah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan II. Semoga sihat *walafiat* terus menerus.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sekarang sampai kepada kementerian yang ke-27. Penting bagi kita untuk meneruskan tanggungjawab kita dan di bawah Jabatan Perdana Menteri kita dapati lima orang Menteri akan melakukan jawapan atau gulungan.

Saya dengan segala sukacitanya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, mengenai hal ehwal agama.

3.12 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Pertamanya, saya lafazkan *alhamdulillah* kerana diberi kesempatan pada petang ini untuk membuat penggulungan.

Keduanya, *jazakumullahu khairal jaza'* kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga rakan-rakan seluruhnya.

Saya mulakan dengan memetik firman Allah SWT... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "*Dan katakanlah wahai Muhammad, beramallah kamu akan segala yang diperintahkan. Maka Allah dan Rasul-Nya serta orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan dan kamu akan dikembalikan kepada Allah yang sifatnya Maha Mengetahui perkara ghaib dan nyata. Kemudian ia menerangkan kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan.*"

Berdasarkan nas ini, saya mendoakan semoga segala isu dan persoalan yang kita bahaskan dan yang cuba kita rungaikan dalam Dewan yang mulia ini akan menjadi sebahagian daripada amal soleh dan amal jariah yang akan ditimbang oleh Allah di akhirat kelak.

Tuan Yang di-Pertua yang saya kasihi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan terutamanya kepada enam orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan 14 isu atau soalan yang berkaitan dengan hal ehwal Islam di bawah kementerian saya semasa perbahasan Titah Diraja yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya dahulukan penggulungan ini dengan menjawab beberapa isu dan persoalan berkaitan perundangan Islam dan kedudukan Mahkamah Syariah.

Pertamanya, saya amat yakin bahawa rakyat Malaysia pada hari ini semakin matang dalam memahami antara satu sama lain. Tiada lagi isu yang tidak boleh ditangani termasuk isu-isu yang dianggap sensitif.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang membangkitkan kebimbangan sejauh mana isu perundangan Islam menjadi sensitif dan adakah benar ia boleh memecahbelahkan masyarakat majmuk dalam negara kita ini. Saya pada hemat menyatakan sejauh mana isu perundangan Islam menjadi sensitif bergantung kepada sejauh mana masyarakat majmuk di negara ini memahami dan menghayati Perlembagaan Persekutuan dan semangatnya serta sistem perundangan Islam di negara kita.

Jika rakyat pelbagai kaum dan agama dapat memahami dan menghayati semua itu, maka kerajaan pada hari ini amat yakin dan percaya bahawa perundangan Islam bukanlah suatu isu yang sensitif malah undang-undang Islam itu sendiri sifatnya *inclusive* dan progresif yang sesuai dengan peredaran masa dan zaman serta merentasi batas perkauman.

Ini kerana prinsip-prinsipnya bersifat menyantuni semua kaum dan golongan masyarakat sama ada orang Islam mahupun orang bukan Islam. Sebagaimana yang kita tahu bahawa kita telah hidup dalam *fiqhul ta'ayush* atau *fiqh* kebersamaan dalam masyarakat majmuk ini. Antaranya sebagaimana yang dinukilkan daripada Syeikh Abdul Qadir Audah dalam bukunya *Al-Tasyri'e al-Jinaie al-Islami Muqaranan bil-Qanun al-Wad'ie* antara lain menyebut bahawa hukuman dalam Islam bersifat mendidik, *ta'dib*, bukan bersifat menghukum semata-mata yakni *ta'zib*.

Justeru, adalah tidak benar dan tidak berasas sama sekali dakwaan oleh sesetengah pihak beranggapan bahawa undang-undang Islam boleh memecahbelahkan keharmonian masyarakat majmuk. Saya juga amat menyokong dan bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang agar isu-isu perundangan Islam yang dikatakan sensitif seperti pindaan terhadap Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 yang dikenali sebagai Akta 355 di bincang secara akademik dan dikaji dengan teliti sebelum dibuat sebarang penambahbaikan atau pindaan yang bersesuaian.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, walaupun Akta 355 merupakan undang-undang Persekutuan, peruntukan-peruntukan di bawahnya adalah terkait dengan bidang kuasa Mahkamah Syariah dan undang-undang bertulis yang memperuntukkan mengenai kesalahan jenayah syariah yang terletak di bawah bidang kuasa negeri.

Oleh itu, amat wajar dan teratur bahawa cadangan untuk meminda Akta 355 ini dirunding dengan semua negeri terlebih dahulu bagi mendapatkan pandangan agar pindaan kepada Akta 355 ini akan menjadi satu undang-undang yang mewakili aspirasi semua negeri di Malaysia.

Dalam hal ini, kerajaan meletakkan sepenuh kepercayaan kepada Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil JAKIM untuk melaksanakan amanah ini. Bahkan telah ada persidangan baru-baru ini. Jawatankuasa teknikal ini merupakan sebuah jawatankuasa pelaksana yang telah ditubuhkan oleh Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Cadangan pindaan kepada Akta 355 akan dibincangkan dan dibahaskan dari sudut akademik dan keilmuan di peringkat jawatankuasa teknikal yang dianggotai oleh ahli-ahli yang berkepakaran dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang perundangan syariah dan perundangan sivil.

Melalui forum tersebut juga, pakar-pakar perundangan syariah dan perundangan sivil termasuk pakar Perlembagaan boleh dijemput untuk turut sama untuk memberikan buah fikiran dan pandangan yang tuntas.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang juga turut menyatakan kebimbangan akan ketidakharmonian antara perundangan syariah dan sivil. Sebagaimana maklum, Malaysia mengamalkan dua sistem perundangan iaitu perundangan sivil dan syariah. Adalah diakui dalam beberapa perkara berlaku ketidakharmonian serta pertindihan antara dua sistem perundangan ini.

Pihak kerajaan sentiasa mencari jalan penyelesaian terbaik untuk mengharmonikan perundangan sivil dan syariah tanpa memprejudis semua pihak. Perkara yang paling utama adalah kedua-dua sistem perundangan ini bertujuan untuk mencari, memberi dan mencapai titik keadilan kepada pihak-pihak. Apabila matlamat ini jelas, maka usaha-usaha untuk mengharmonikan kedua-dua sistem perundangan ini akan menjadi lebih mudah.

Antara usaha yang sedang digiatkan dan dijalankan oleh JAKIM dan juga JKSM dalam usaha memperkasakan Mahkamah Syariah termasuklah cadangan peningkatan peringkat Mahkamah Syariah, pindaan undang-undang substantif dan juga undang-undang prosedur serta usaha-usaha penyeragaman undang-undang syariah di seluruh negara akan dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua yang budiman, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh mencadangkan agar Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di bawah JKSM dinaik taraf menjadi pusat bagi membantu isteri dan anak-anak yang tidak mendapat pembelaan nafkah juga boleh bertindak sebagai badan penasihat kepada isteri dan anak-anak.

■1520

Secara prinsipnya, saya amat bersetuju dan menyambut baik cadangan bernas Yang Berhormat Senator sebagai satu bentuk penambahbaikan serta pemerksaan BSK. Jelas firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah, Ayat 233... *[Membaca ayat dari surah Al-Baqarah]* Bermaksud, "Dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu

menurut cara yang sepatutnya". Sesungguhnya Al-Quran telah menyatakan dengan jelas pihak yang bertanggungjawab dalam menunaikan nafkah.

Justeru, cadangan Yang Berhormat Senator ini akan diteliti lebih mendalam dengan mengambil kira aspek pindaan undang-undang jika perlu serta pandangan daripada semua pihak bagi membolehkan BSK menjalankan fungsi dan peranannya secara lebih berkesan.

Antara masalah lain yang amat dipandang serius oleh Kementerian saya pada masa ini adalah apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin berkaitan ancaman akidah dalam media sosial terutama yang melibatkan golongan remaja atau generasi muda kini. Sebagaimana maklum, antara halangan utama yang menyukarkan kita untuk membendung permasalahan ini adalah kerana media itu, media sosial merupakan sebuah media yang terbuka, bebas dan boleh dicapai serta digunakan oleh sesiapa. Dalam banyak situasi, seorang yang berniat jahat mungkin menggunakan akaun palsu sambil menyebarkan doktrin songsangnya atau diayah palsu tertentu.

Menyedari perkara ini, kerajaan berpandangan langkah-langkah proaktif bersifat pencegahan serta dipergiatkan berasaskan prinsip *sadd al-zara'ie*, dengan maksud satu kaedah dalam ilmu usul fiqah bagi menyekat jalan-jalan kerosakan iaitu melalui pendidikan, pemantauan berterusan oleh ibu bapa dan kempen penggunaan media sosial yang betul oleh semua pihak.

Sehubungan itu, JAKIM bekerjasama dengan SKMM dalam *the truth campaign communication plans* bertujuan untuk mempromosi nilai-nilai murni serta berkata benar atau menulis yang sebenar dan tidak menyebarkan berita palsu serta fitnah dalam media sosial. Kempen ini turut disebar luaskan melalui teks khutbah Jumaat yang diselaraskan oleh JAKIM.

Begitu juga kita telah mengemukakan dalam *Al-Bayan* berkenaan dengan *tabayyun* dahulu berdasarkan kaedah... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] "*Kalau kamu hendak menukilkan satu-satu berita, maka pastikan kesahihan dahulu dan kalau kamu hendak membuat sebarang dakwa, buktikan hujah-hujah dan dalil-dalilnya*".

Adapun dari segi sudut penguatkuasaan, Jabatan Perdana Menteri, Hal Ehwal Agama akan terus bekerjasama erat dengan mana-mana agensi penguatkuasaan berkaitan termasuk SKMM, PDRM dan semua pihak berkuasa agama negeri bagi menangani isu ini secara kolektif dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua yang saya kasihi, dalam isu memperkukuhkan perpaduan negara, saya amat berterima kasih kepada...

Puan Asmak binti Husin: Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan penguatkuasaan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Penguatkuasaan, okey. Sila.

Puan Asmak binti Husin: Okey, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya berkaitan dengan penguatkuasaan terutamanya di peringkat Majlis Agama Islam Negeri, sejauh mana latihan kemahiran telah diperkasakan di peringkat negeri sebab saya dapat maklumat dari segi teknologi dan sebagainya, agak tidak memberangsangkan. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Sebenarnya untuk di Wilayah Persekutuan sebagai contoh, kita adakan usaha sama bersama sebagai contoh JAWI, MAIWP, JAKIM, SKMM dan juga dengan PDRM dan usaha seperti itu kita akan langsungkan dari semasa ke semasa. *Insyah-Allah*, hal ini kita akan cuba sebar luaskan di peringkat negeri-negeri dengan kerjasama yang erat, *insyah-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu memperkukuhkan perpaduan negara, saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang atas cadangan menyelesaikan isu-isu berkait keagamaan dengan mengadakan dialog antara agama dan diskusi ilmu.

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, pihak kerajaan menyedari hakikat bahawa Malaysia mempunyai pelbagai kaum dan agama. Ini sekali gus menjadikannya satu cabaran dalam usaha mewujudkan perpaduan antara kaum dan agama.

Oleh kerana itu, inisiatif bagi menyelesaikan isu-isu keagamaan di tangani secara serius dengan mewujudkan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA) sejak tahun 2010 yang dianggotai oleh ketua-ketua agama di Malaysia dan dipengerusikan oleh Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama JAKIM. Jawatankuasa ini bertujuan untuk menjalin perhubungan dan menjaga keamanan serta kestabilan sosial dengan mewujudkan keharmonian di antara penganut berbilang agama di Malaysia.

Di samping itu, Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) akan terus berusaha mempromosikan konsep '*fiqh al-ta'ayush* iaitu merujuk kepada fiqh berkaitan tatacara kehidupan bersama antara golongan Islam dan bukan Islam dalam keadaan harmoni dan aman berdasarkan kepada hubungan yang wujud pada zaman kontemporari ini sebagaimana yang dihuraikan dalam artikel *Bayan Linnas* yang diterbitkan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan tahun 2018.

Berkaitan cadangan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat agar satu akta diwujudkan untuk memperkasakan tulisan jawi dan melindungi penggunaan tulisan jawi daripada disalah guna, kerajaan berpendirian bahawa undang-undang sedia ada telah memadai dan tiada keperluan untuk menggubal suatu akta yang baharu buat masa ini.

Sebagai contoh, subseksyen 67(1), Akta Warisan Kebangsaan 2005 yang dikenali sebagai Akta 645 memberi kuasa kepada Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi warisan untuk mengisytiharkan antara lain warisan kebudayaan tidak ketara sebagai suatu warisan kebangsaan.

Berdasarkan punca kuasa tersebut, pada 12 November 2009, Tuan Yang di-Pertua sendiri ketika itu menjadi Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan telah mengisytiharkan tulisan jawi sebagai warisan kebangsaan melalui warta iaitu PUA398 Tahun 2009. Dengan pengisytiharan tersebut, Jabatan Warisan Negara telah mengeluarkan tatacara pemuliharaan dan pemeliharaan tulisan jawi untuk melindungi tulisan tersebut.

Selain itu, perenggan 102(s) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] memberikan kuasa kepada mana-mana pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk membuat dan pihak berkuasa negeri untuk mengesahkan undang-undang kecil pelesenan perniagaan dan perindustrian...

Puan Hajah Sabani binti Mat: [*Bangun*]

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: ...Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil tersebut adalah tertakluk kepada antara lain syarat yang ditetapkan oleh PBT. Justeru, bagi tujuan memperkasakan dan memelihara tulisan jawi, mana-mana PBT berdasarkan kepada punca kuasa undang-undang di atas, boleh mengenakan syarat penggunaan tulisan jawi di paparan visual bagi premis perniagaan dan papan iklan luar dalam kawasan PBT tersebut sekiranya syarat...

Puan Hajah Sabani binti Mat: Tuan Yang di-Pertua, mohon sikit penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Yang Berhormat Menteri, saya minta tadi Yang Berhormat Menteri kata kita tidak perlu ada lagi apa-apa akta. Untuk itu, saya mohon supaya Yang Berhormat Menteri gunakanlah segala akta yang ada untuk menguatkuasakan supaya tidak timbul sebarang permasalahan yang ada unsur-unsur yang kadangkala ada pihak-pihak yang tertentu yang ambil kesempatan untuk menentang. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: *Insyah-Allah* setuju sangat dengan apa dan sebahagian jawapan itu terkandung dalam apa yang akan saya baca ini.

Sekiranya syarat tersebut tidak dipatuhi, PBT yang berkenaan boleh mengenakan tindakan undang-undang bagi keingkaran tersebut termasuk membatalkan lesen yang telah dikeluarkan pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab. Contohnya pada 1 Mac 2018, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang Ke-8, Tahun 2018 telah bersetuju untuk meluluskan cadangan penggunaan tulisan jawi di papan visual bagi premis perniagaan dan papan iklan luar di dalam kawasan Majlis Perbandaran Kuantan bagi memartabatkan penggunaan tulisan jawi.

■1530

Sehubungan dengan itu, MPK telah mengeluarkan arahan penggunaan tulisan jawi tersebut kepada semua pemilik perniagaan dan pemilik syarikat pengiklanan dalam kawasan MPK.

Kerajaan juga ingin menegaskan bahawa undang-undang bukanlah satu-satunya instrumen yang boleh digunakan untuk melindungi, memelihara dan memperkasakan tulisan jawi. Masih banyak cara dan pendekatan lain yang boleh diambil bagi mencapai tujuan tersebut.

Dalam hal ini, di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), saya telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memperkasakan tulisan jawi sebagaimana yang telah saya umumkan sebelum ini seperti pengisytiharan hari Jumaat sebagai hari penggunaan tulisan jawi, penggunaan tulisan jawi dalam semua penulisan di media sosial rasmi yakni pada hari Jumaat, pemakaian tanda nama tulisan jawi pada setiap hari Jumaat dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua yang saya kasihi, berkenaan pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin mengenai penyelarasan program-program pembangunan asnaf melalui bantuan zakat dan wakaf dengan kementerian-kementerian lain yang berkaitan, saya ingin nyatakan bahawa program-program yang dilaksanakan oleh kementerian saya pada prinsipnya adalah termasuk dalam program yang menjadi agenda utama kerajaan dan secara tidak langsung membantu kementerian-kementerian lain yang berkaitan.

Misalnya, dalam konteks wakaf, Yayasan Wakaf Malaysia telah mewujudkan Program Bantuan Perniagaan dan Latihan Keusahawanan kepada golongan yang layak terutamanya daripada kalangan asnaf dan kumpulan B40 dengan menggunakan Dana Manfaat Wakaf Yayasan Wakaf Malaysia. Program ini selaras dengan Tonggak II Bidang Kuasa A di bawah Strategi A2 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu memperkukuh komuniti ekonomi bumiputera.

Demikian juga dalam konteks bantuan zakat. MAIWP, sebagai contoh, sentiasa berhubung dan menjalinkan kerjasama dengan pihak lain yang berkaitan agar penyelarasan dapat dibuat. Sebagai contoh, dalam aspek keusahawanan terutama untuk membantu dan mengembangkan perniagaan usahawan, Baitulmal MAIWP telah menjalinkan kerjasama strategik bersama SME Corp menerusi Program Tunas Usahawan Baitulmal yang dinamakan Program Asnafpreneur. Kerjasama ini telah menampakkan keberkesanannya apabila mereka yang dulu seorang penerima zakat kini telah bertukar menjadi pembayar zakat.

Selain itu, MAIWP juga bekerjasama dengan Bank Islam bagi Program Pembiayaan Mikro iTEKAD yang juga diusahamakan dengan Bank Negara. Program ini bagi membantu usahawan-usahawan dari kalangan B40 dengan penyediaan dana melalui *micro financing* oleh Bank Islam.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan generasi yang akan datang mendapat pendidikan dan kefahaman Islam yang mantap, kerajaan sentiasa berusaha memberikan perhatian serius terhadap pembangunan institusi pendidikan Islam seperti pondok dan sekolah agama rakyat.

Mengenai persoalan Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Yahaya tentang apakah bentuk bantuan kepada sekolah pondok agama rakyat yang berdaftar dengan jabatan agama Islam negeri dan tidak berdaftar dengan JAKIM, untuk makluman Yang Berhormat Senator, pendaftaran institusi pondok dan sekolah agama rakyat (SAR) di negeri-negeri adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri dan peranan JAKIM adalah sebagai agensi penyelaras di peringkat Persekutuan.

Ia termasuklah menyelaras pengumpulan data institusi pendidikan Islam berkenaan melalui Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI). Manakala bentuk bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada institusi pondok dan sekolah agama rakyat antaranya ialah dari aspek selenggara dan naik taraf bangunan serta infrastruktur.

Berhubung permintaan Yang Berhormat Senator agar kerajaan mengembalikan bantuan per kapita kepada sekolah-sekolah agama rakyat sebagaimana sebelum tahun 2002, untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2018, 2019 dan 2020 telah menyalurkan peruntukan *One-Off* Bantuan Awal Persekolahan berjumlah RM100 kepada pelajar warganegara Malaysia dalam kalangan B40. Di samping itu, pihak Majlis Agama Islam negeri-negeri menerusi dana zakat turut terlibat secara aktif dalam menghulurkan bantuan tersebut setiap kali tibanya sesi awal persekolahan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu menyamakan penghijrahan Rasulullah SAW sebagai pelarian sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip, saya berpandangan isu ini lebih kepada silap faham dalam memahami istilah-istilah yang diguna pakai oleh syarak. Berpandukan nas-nas Al-Quran dan hadis, tiada satu pun nas yang menunjukkan dengan merujuk perpindahan Rasulullah SAW daripada Mekah ke Kota Madinah sebagai pelarian atau *laji'* dalam bahasa Arab. Sebaliknya, istilah yang diguna pakai syarak adalah hijrah.

Hijratul Rasul pula tidak boleh disamakan dengan pelarian kerana Rasulullah SAW bukanlah melarikan diri. Hal ini kerana Baginda tidak keluar meninggalkan Kota Mekah melainkan setelah mendapat arahan dan keizinan daripada Allah SWT. Ini jelas dinyatakan dalam sebuah Hadis Riwayat Ibnu Abbas... [*Membaca sepotong hadis*] Riwayat Al-Bukhari. Rasulullah SAW diutuskan pada usia 40 tahun. Baginda tinggal di Mekah 13 tahun dan diwahyukan kepadanya. Kemudian Baginda diperintahkan untuk berhijrah. Maknanya bukan Nabi lari. Nabi diperintahkan untuk berhijrah. Maka Baginda pun berhijrah selama 10 tahun berada di Kota Madinah, lalu wafat dalam usia 63 tahun.

Bagi mendapatkan penjelasan hal ini, kami telah jawab dalam risalah kami *Al-Bayan* yang berjudul *Hijrah Rasul SAW: Ibrah dan Aplikasi* yang pejabat saya terbitkan baru-baru ini bersempena Majlis Sambutan Maal Hijrah 1442 dengan melayari laman web mira.gov.my. Dalam risalah tersebut, saya telah bahaskan satu sub-topik khusus mengenai hijrah Rasulullah SAW bukan satu pelarian.

Isu terakhir yang ingin saya jelaskan dalam Dewan yang mulia ini adalah berkenaan persoalan mengapa Lembaga Tabung Haji tidak membentangkan laporan kewangan di Parlimen sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji Tahun 2018 telah disediakan dan dihantar kepada Jabatan Audit Negara. Pengauditan tersebut selesai pada bulan November 2019. Laporan tahunan 2018 kemudiannya diserahkan kepada Jabatan Perdana Menteri dan dibentangkan di Parlimen Dewan Rakyat pada 25 Ogos 2020. Manakala laporan tahunan 2019 masih dalam proses pengauditan oleh Jabatan Audit Negara.

Berhubung desakan supaya kerajaan mewujudkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk menyiasat segala urusan transaksi yang berlaku di TH, suka saya nyatakan kerajaan amat memahami bahawa dalam meneliti dan menilai segala transaksi yang dilakukan oleh Tabung Haji, perlunya kepada suatu badan yang bebas dan berautoriti. Justeru, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2020 telah membincangkan berkenaan isu Tabung Haji termasuk penelitian kepada segala transaksi dan pelaburan yang berlaku serta kewajaran penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI). Kerajaan sedang meneliti segala aspek berkenaan perkara tersebut dan akan membuat keputusan sejurus semua perkara tersebut diperhalusi.

Saya rasa itulah sahaja perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator mengenai hal ehwal...

Puan Asmak binti Husin: Mohon laluan, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Fasal apa?

Puan Asmak binti Husin: Saya ada bertanya tentang satu program kepada Bahagian Agama tetapi mungkin tidak termasuk dalam soalan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak termasuk- boleh masuk sekarang?

Puan Asmak binti Husin: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada membangkitkan tentang isu Program "Kakak Kondom" iaitu program yang mempromosikan tentang penggunaan kondom secara menarik kepada anak remaja dan juga dengan kerjasama IPT. Lalu saya memohon penjelasan daripada beberapa kementerian termasuk

IPT, kesihatan dan juga kementerian agama tetapi nampaknya dua kementerian lagi tidak menjawab. Jadi, saya ingin panjangkan kepada kementerian di bawah agama.

Satunya, isunya adalah kenapa 'kakak kondom', bukan 'abang kondom'? Satu.

Kedua, ini adalah kaedah kesihatan reproduksi yang diperkenalkan dengan menggunakan kaedah *safe sex* lah kita panggil, kaedah seks selamat tetapi kita tahu seks ini menurut Islam- zina adalah haram menurut Islam.

■1540

Jadi, apakah sebenarnya yang boleh dilakukan oleh pihak Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri untuk mengawal perkara ini dan tindakan terhadap Program "Kakak Kondom" ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Cerita kondom ini Yang Berhormat Menteri mungkin memerlukan sedikit penghalusan tetapi serahlah kepada Yang Berhormat Menteri, tentu bijak untuk jawab.

Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat, *insya-Allah* kami akan jawab secara bertulis, dan kita akan perhalusilah satu persatu.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Tuan Yang di-Pertua, boleh sekejap?

Tuan Yang di-Pertua: Kondom lagi? Tidak- tidak kondom?

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Bukan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Yang Berhormat Menteri, minta maaf. Saya tadi ada hal, terpaksa keluar. Boleh tidak jawapan Yang Berhormat Menteri, saya hendak yang bertulis.

Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Boleh.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Terima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah*.

Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Akhir kata, saya rasa inilah sahaja perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator mengenai hal ehwal Islam yang sempat saya jawab dalam masa yang terbatas ini.

Saya juga hendak mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan persoalan dan pandangan yang sangat menarik, juga baik serta konservatif, demi menjamin kelestarian pembangunan hal ehwal Islam di negara ini terus cemerlang.

Juga sejujurnya, saya hendak ucapkan jutaan terima kasih atas kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua untuk mengendalikan Dewan ini dengan penuh *haibah* dan *izzah*, serta ada bersasar.

Sejujurnya saya katakan Yang Berhormat Senator-Senator cukup hebat dalam memberi pandangan perbahasan. Saya doa kepada Allah, moga-moga walaupun kita terkhilaf dari segi pandangan tetapi kita tetap bersatu dalam memartabatkan dan mengagungkan Dewan yang mulia ini, dan juga negara kita Malaysia. Akhir kalam, saya tutup penggulungan ini dengan doa... *[Membaca doa]*

Ya Allah ya Tuhan ku, Ya Allah ya Tuhan kami, tunjukkanlah kepada kami kebenaran itu sebagai kebenaran dan rezekikanlah kepada kami untuk mengikutinya.

Ya Allah ya Tuhan kami, tunjukkanlah kami kebatilan itu sebagai kebatilan dan rezekikanlah kepada kami untuk menjarak dan menjauhinya.

Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaiikumusalam.* Berbanyak-banyak terima kasih kita kepada Yang Berhormat Menteri... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

Selepas beliau, saya mohon Yang Berhormat Datuk Haji Shabudin bin Yahaya, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

3.43 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)
[Datuk Haji Shabudin Yahaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim...* *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri semasa perbahasan Titah Diraja yang berkaitan portfolio Parlimen dan undang-undang dan juga agensi-agensi lain yang dipertanggungjawabkan iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pusat Governans Integriti, dan Anti Rasuah Nasional (GIACC), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran dan cadangan serta saranan Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi memudahkan penggulungan ini, saya akan menjawab berdasarkan kepada isu-isu utama.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang berkait dengan perundangan dan kehakiman. Yang Berhormat Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair, mencadangkan kerajaan mengukuhkan kewibawaan institusi kehakiman bagi mencerminkan kerajaan yang berintegriti. Sesungguhnya, badan kehakiman adalah satu badan bebas dan terasing daripada badan Eksekutif ataupun badan Legislatif sebagai mana yang dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan.

Bagi memastikan kebebasan badan kehakiman, kerajaan sentiasa menghormati dan tidak pernah campur tangan dalam proses dan urusan perundangan di mahkamah. Justeru,

kerajaan juga menyeru agar pihak-pihak lain turut mengambil langkah yang sama dengan tidak mempersoalkan keputusan, mahupun campur tangan ketika proses perundangan sedang dijalankan. Dalam hal ini, hakim-hakim mahkamah atasan yang dilantik adalah merupakan hakim-hakim yang telah memenuhi kriteria pelantikan yang ditetapkan.

Kriteria pemilihan seorang hakim ataupun pesuruhjaya kehakiman adalah berdasarkan kepada kriteria yang diperuntukkan di bawah seksyen 23, Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 iaitu Akta 695 seperti yang berikut. Kriteria yang pertama adalah berkait dengan integriti, kompetensi dan juga pengalaman.

Kedua, adalah berkait dengan objektif tidak berat sebelah, adil dan peribadi moral yang baik. Ketiga, mempunyai ketegasan, kebolehan membuat penghakiman yang tepat pada masanya dan kemahiran yang baik dalam penulisan undang-undang-undang. Manakala kriteria yang keempat, kerajinan dan kebolehan untuk menguruskan kes dengan baik. Kelima ialah kesihatan fizikal dan mental yang baik.

Sebenarnya, institusi kehakiman ini terutama sekali yang berkait dengan kompetensi hakim dan etika hakim, kita mempunyai kod etika hakim yang menjadi pedoman dan panduan kepada hakim-hakim sepanjang perkhidmatan mereka. Di mana tata kelakuan mendukung integriti badan kehakiman adalah menjadi teras kepada Kod Etika Hakim.

Selain daripada itu, hakim-hakim juga adalah merupakan hakim yang terlatih, di mana sebuah Akademi Kehakiman yang terkandung di dalamnya berkait dengan Jawatankuasa Latihan dan Jawatankuasa Penerbitan bagi mengasah kebolehan hakim-hakim kita, terutama sekali dalam penulisan alasan penghakiman ataupun *ground judgement*. Jadi, pendek kata dalam hal ini, integriti kehakiman kita memang adalah berada pada tahap yang cukup tinggi dan juga kewibawaan institusi kehakiman sentiasa dipelihara oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy meminta kerajaan meminda Perlembagaan bagi menjamin hak tanah bagi Orang Asli.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menyelaraskan beberapa tindakan, mengambil kira keputusan mahkamah berhubung dengan tanah Orang Asli, antaranya seperti berikut, seperti mana kes yang berlaku di Kampung Orang Asli Lenik, Kemidak dan juga Selai di Segamat, Johor. Keputusan mahkamah telah berpihak kepada Orang Asli dan pihak berkuasa negeri menghormati keputusan tersebut.

Ini jelas menunjukkan bahawa hak-hak Orang Asli adalah terjamin di dalam Perlembagaan. Kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan ataupun kerajaan negeri sentiasa mengambil berat tentang kedudukan tersebut. Selain daripada itu, kita juga boleh melihat kes di Pos Belatim dan Pos Dakoh di Gua Musang, Kelantan. Ia berada di peringkat perbincangan penyelesaian untuk melaksanakan keputusan perintah mahkamah yang melibatkan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di negeri Kelantan, kemudian plaintif dan juga defendan. Jadi

dalam hal ini, hak-hak Orang Asli sentiasa di pertimbangkan dan diperhalusi agar tidak ada pencabulan kepada keadilan bagi hak-hak kaum Orang Asli kita.

Sementara itu, bagi kes Pos Simpor yang berhampiran dengan Gua Musang pula, walaupun telah diputuskan oleh mahkamah yang menolak permohonan Kerajaan Negeri Kelantan untuk membatalkan saman oleh Kerajaan Persekutuan, namun telah diangkat rayuan oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Sesungguhnya kita semua perlu menghormati proses perundangan yang sedang dijalankan tersebut.

■1550

Oleh itu, pindaan kepada Perlembagaan sebagaimana yang dicadangkan untuk memberi kuasa mutlak kepada Kerajaan Persekutuan untuk melindungi hak tanah adat masyarakat Orang Asli dan Orang Asal tidak berbangkit. Memandangkan mekanisme sedia ada adalah memadai untuk memastikan hak tanah Orang-orang Asli terpelihara.

Yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta penjelasan sikit?

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Ya, silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada aspek apa Yang Berhormat?

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Mengenai aspek undang-undang tadi yang dikatakan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat tadi menyatakan peruntukan undang-undang sedia ada sudah mencukupi untuk melindungi hak dan kepentingan Orang Asli. Saya memang bersetujulah tetapi sebagaimana dalam hujahan saya, saya nyatakan seksyen 6, 7, dan 8, Akta Orang Asli tidak diikuti. Kalau kita lihat sekiranya keputusan-keputusan mahkamah sudah jelas menetapkan hak Orang Asli. Masalahnya sekarang ialah kerajaan-kerajaan negeri tidak menghormati keputusan tertinggi yang diberikan oleh mahkamah di negara kita.

Ini menimbulkan kesulitan kepada masyarakat Orang Asli kerana setiap kali di tempat-tempat berlainan atau di negeri-negeri berlainan, hak-hak mereka menjadi isu mereka terpaksa pergi ke mahkamah setiap kali. Masyarakat Orang Asli ini adalah suatu masyarakat yang miskin, miskin tegar yang tiada kemampuan untuk pergi ke mahkamah setiap kali.

So, jadi saya memang bersetujulah peruntukan undang-undang sedia ada sebab itu dalam hujahan saya, saya menyatakan apakah langkah kerajaan untuk memastikan sama ada Kerajaan Persekutuan atau negeri menghormati peruntukan undang-undang yang telah pun diperjelaskan oleh mahkamah tertinggi di negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Waytha Moorthy. Sebenarnya dalam urusan untuk menjalankan hak-hak terutama sekali kepada masyarakat Orang Asli, kita sebenarnya telah pun mempunyai peruntukan sebagaimana kata Yang Berhormat Tuan Waytha Moorthy sebentar tadi di mana selain daripada apa yang disebutkan dalam Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan, Perkara 8(5C) telah pun menyatakan tentang hak-hak sama rata, walaupun ada hak-hak sama rata Orang-orang Asli boleh mendapat atau pun tidak boleh dinafikan hak mereka untuk menerima apa-apa peruntukan bagi perlindungan dan kemajuan ataupun kebajikan Orang-orang Asli di Semenanjung.

Jadi dalam hal ini, Perkara 13 juga telah memberikan atau menyatakan dengan jelas tentang hak kepunyaan kepada tanah terutamanya Orang-orang Asli yang ada tanah tetapi mereka tidak ada geran. Oleh sebab itu kalau kerajaan mengambil tanah, kerajaan perlu membayar pampasan yang bersesuaian dengan keadaan semasa kepada masyarakat Orang Asli di mana tanah-tanah mereka itu telah pun diambil. Jadi berdasarkan kepada Perkara 8, Perkara 13 dan sebagainya kita melihat bahawa peruntukan-peruntukan perundangan adalah mencukupi untuk memberikan perlindungan kepada masyarakat Orang Asli.

Cuma saya juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Tuan Waytha Moorthy bahawa kerajaan sama ada persekutuan ataupun di negeri hendaklah lebih prihatin dan juga mempertimbangkan keadaan-keadaan, tuntutan yang dikemukakan oleh masyarakat Orang Asli berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan yang telah disebutkan tadi. Jadi *insya-Allah*, perkara-perkara ini akan diperhalusi lagi dan diperdalam lagi untuk kebaikan semua pihak.

Yang Berhormat Tuan Waytha Moorthy juga mencadangkan hukuman mati dan sebat di hapuskan. Cadangan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori memerlukan kepada penelitian dan kajian mendalam sebelum apa-apa keputusan muktamad di buat.

Dalam hal ini, suatu jawatankuasa khas yang terdiri daripada pakar perundangan dan kehakiman telah pun dilantik bagi mengkaji hukuman gantian terhadap hukuman mati mandatori bermula daripada 20 September 2019 sehingga 31 Januari 2020. Bagi tujuan kajian tersebut, jawatankuasa khas telah mengadakan Sesi Libat Urus dengan semua pihak berkepentingan termasuk agensi-agensi kerajaan yang berkenaan badan bukan kerajaan dan masyarakat umum. Kajian tersebut mengandungi syor hukuman gantian terhadap kesalahan-kesalahan yang membawa kepada hukuman mati mandatori selain syor berkaitan hala tuju sistem keadilan negara termasuk kaedah hukuman.

Oleh itu sebarang perubahan polisi penghukuman termasuk menghapuskan hukuman sebatan adalah tertakluk kepada pertimbangan dan persetujuan kerajaan dengan mengambil kira kemaslahatan rakyat secara keseluruhan.

Buat masa ini, belum ada satu keputusan yang muktamad berkenaan dengan cadangan untuk menghapuskan hukuman mati mandatori tersebut tetapi kerajaan sedang dalam tindakan untuk memperhalus dan memperlihatkan dari segi semua kedudukan dan juga sudut supaya keputusan yang dibuat ini adalah keputusan yang tepat dan tidak mengundang apa-apa masalah seterusnya.

Yang Berhormat Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi mencadangkan...

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mohon satu lagi penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak lagi ya?

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Satu lagi penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Oh satu lagi.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pendek sahaja. Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan tadi. Cuma saya hendak tanya, dalam pada kerajaan memperhalusi dan mempertimbangkan hukuman mati mandatori ini adakah kerajaan masih mengamalkan, dengan izin, moratorium terhadap hukuman tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Saya rasa soalan persoalan itu perlu saya merujuk kepada pihak yang berkenaan dan saya akan menjawab secara bertulis Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cuma kena catitlah kadang-kadang itu kita terlupa hendak jawab balik. Itu sahaja.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: *Insya-Allah* ada pegawai kita akan mencatatnya Tuan Yang di-Pertua *insya-Allah*.

Saya menyambung kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi yang mencadangkan kerajaan meminda Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan agar perbezaan fizikal atau kecacatan tidak menjadi faktor diskriminasi.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Fasal (1), Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.

Dalam Perkara 8(2) juga Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa kecuali sebagaimana yang dibenarkan dengan nyata oleh Perlembagaan Persekutuan tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang atau dalam pelantikan kepada apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pemerolehan,

pemegangan atau pelupusan harta atau berhubungan dengan penubuhan atau perjalanan apa-apa pertukangan, perniagaan, profesion, kerjaya atau pekerjaan.

Dalam Perkara 8, Fasal (2), Perlembagaan Persekutuan juga tidak memperuntukkan mengenai diskriminasi berkenaan kecacatan fizikal. Walau bagaimanapun, berdasarkan penghakiman di dalam kes *public prosecutor*, lawan dengan Datuk Haron bin Idris dan lain-lain di dalam *Malay Law Journal 1976*. Peruntukan Fasal (2), Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan berkenaan diskriminasi ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan peruntukan berkenaan kesamarataan di bawah Fasal (1) Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

■1600

Sekiranya sesuatu undang-undang atau apa-apa tindakan Eksekutif, itu tidak termasuk di bawah salah satu bentuk diskriminasi yang dilarang di bawah Fasal (2) Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan iaitu atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina, maka prinsip am mengenai kesamarataan di bawah Fasal (1) Perkara 8 adalah terpakai.

Ini menjelaskan kepada kita bahawa tidak ada siapa pun yang boleh didiskriminasikan apatah lagi diskriminasi itu kepada golongan yang kurang upaya kerana ia akan berbalik kepada Fasal (1) Perkara 8 yang memberikan hak kesamarataan kepada semua rakyat kita.

Dalam hal ini, walaupun perbezaan dan kecacatan fizikal tidak diperuntukkan sebagai salah satu faktor diskriminasi di bawah Fasal (2), Perkara Perlembagaan Persekutuan, namun prinsip kesamarataan di bawah Fasal (1), Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan boleh diujahkan untuk memberikan perlindungan yang sewajarnya kepada orang kurang upaya seperti yang telah dijelaskan sebelum ini.

Selain itu, Akta Orang Kurang Upaya 2008 [*Akta 685*] juga telah diperbuat bagi melindungi orang-orang kurang upaya yang termasuk orang-orang yang mempunyai kekurangan jangka panjang sama ada fizikal, mental, intelektual dan juga deria.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari; Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop; dan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff yang meminta kerajaan mewujudkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang telah dimansuhkan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, draf Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen telah disediakan dan kerajaan sedang meneliti dan memperhalus penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen Malaysia.

Bagi soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop dan Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong mencadangkan Jawatankuasa Bersama Dewan Negara dan Dewan Rakyat diwujudkan bagi merangka Akta Perkhidmatan Parlimen yang baharu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Majlis boleh memutuskan hendak melantik sesebuah jawatankuasa bersama yang tetap bagi mengkaji perkara-perkara mengenai kebajikan, perjalanan urusan hal ehwal dalam kedua-dua Majlis berdasarkan peruntukan yang ditetapkan dalam Peraturan Mesyuarat 79, di dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara.

Oleh yang demikian, kerajaan akan berbincang lanjut dengan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat mengenai cadangan ini. Manakala, Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong juga mencadangkan supaya Ahli-ahli Dewan Negara diberi peluang untuk menanyakan dua soalan tambahan semasa Sesi Pertanyaan Jawab Lisan.

Peraturan Mesyuarat 23(3) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara memperuntukkan bahawa Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan Ahli-ahli mengeluarkan tidak lebih daripada tiga pertanyaan tambahan bagi setiap pertanyaan bagi maksud menerangkan apa-apa butir-butir perkara yang telah diberi jawapan lisan. Namun, begitu keputusan tersebut terpulang kepada budi bicara Tuan Yang di-Pertua.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Yang Berhormat Timbalan Menteri mohon penjelasan sikit Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai Akta Perkhidmatan Parlimen 1963.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon soalan penjelasan. Boleh, boleh ya? Okey.

Tadi, mengenai cadangan tadi itu, terima kasih ya Timbalan Menteri kerana menyambut baik cadangan tersebut. Walaupun begitu, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih maklum bahawa setahu saya bahawa jawatankuasa di bawah pimpinan Tuan Yang di-Pertua yang lalu, saya difahamkan draf akta tersebut pun sudah disediakan. Saya difahamkan terdahulu ahli-ahli jawatankuasa pun telah dibentuk. Jadi, pada pandangan saya memandangkan ini satu akta yang baik terutama sekali untuk memartabatkan kedaulatan Parlimen, mengambil kira tiga *branches* itu.

Saya rasa, bila sebenarnya yang Timbalan Menteri rasa perkara ini dapat dilunaskan? Memandangkan perjalanan untuk merancang akta tersebut telah berjalan dengan baik. Agak-agak pada pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah ini keutamaan kerajaan hari ini dan kalau boleh dibuat agak-agak bila yang munasabah?

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi. Berkenaan dengan pelaksanaan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963, ia adalah

bergantung kepada urusan pentadbiran di peringkat Majlis dan juga di peringkat Bahagian Hal Ehwal Undang-undang di Jabatan Perdana Menteri.

Jadi, saya berpendapat bahawa perkara ini sebaiknya dibawa ataupun diangkat untuk berbincang dengan Tuan Yang di-Pertua Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan boleh memandu kita untuk mempercepatkan ke arah pewujudan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 dan pihak Bahagian Hal Ehwal Undang-undang akan membantu untuk memproses urusan-urusan ini sehinggalah ia termeterai dengan sempurna.

Jadi, tentang tarikh bila akan disiapkan, agak sukar untuk kita menyatakan secara objektif. Namun begitu, saya rasa peranan kita dan nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua akan banyak membantu untuk mempercepatkan urusan yang baik ini.

Okey, bagi pertanyaan kedua Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong juga mencadangkan supaya Ahli-ahli Dewan Negara boleh bertanya lebih daripada dua soalan. Sebagaimana yang telah dijelaskan tadi ia adalah di bawah- walaupun dibenarkan tiga soalan tetapi ia adalah di bawah prerogatif keputusan dan pertimbangan serta budi bicara dan kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya, kerajaan juga akan meneliti cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong supaya satu *Senate Estimate Committee* diadakan di Dewan Negara untuk meneliti butiran belanjawan dan juga mewujudkan Jawatankuasa Parlimen Mengenai Hubungan Antarabangsa dan Pertahanan di dalam Dewan Negara ini. Jadi, hal ini akan terus dikaji dan diteliti cadangan tersebut.

Kemudian seterusnya dalam satu isu Tuan Yang di-Pertua iaitu isu lompat parti. Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair menggesa agar kerajaan menggubal akta untuk menghalang wakil rakyat daripada lompat parti bagi menstabilkan politik negara. Pada masa ini kerajaan berpandangan bahawa setiap warganegara masih dijamin hak untuk bebas berpersatuan yang selaras dengan Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan.

Hak untuk bebas berpersatuan ini turut telah dibincangkan dalam keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Dewan Undangan Negeri Kelantan dan lain-lain berlawanan dengan Nordin bin Salleh dan lain-lain pada tahun 1992.

Dalam hal ini, walau bagaimanapun sekiranya kerajaan berpandangan terdapat keperluan untuk menggubal undang-undang lompat parti pada masa akan datang kajian terperinci perlu dilakukan termasuklah dengan mengadakan perbandingan *best practices* dengan negara-negara lain.

Kajian secara terperinci ini perlu dilakukan memandangkan perkara ini bercanggah dengan Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan iaitu hak membentuk persatuan dengan syarat ia tidak membabitkan soal keselamatan, ketenteraman awam atau prinsip moral.

■1610

Pihak kerajaan juga perlu mengadakan konsultasi dengan pelbagai pihak lain termasuklah badan bukan kerajaan dan parti-parti politik jika ia hendak digubal kelak.

Yang Berhormat...

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Boleh saya? Ya, ya Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah sikit ya? Hendak tanya bukan celah.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Ya.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Artikel 10(1)(c) menggunakan perkataan, “*membentuk*”. Membentuk ini maksudnya ialah kali pertama buat satu parti atau buat satu organisasi. Akan tetapi, mereka yang melompat ini bukan membentuk. Mereka menyertai. So, ada perbezaan? Itu, *I think* dalam kes *Federal Court* atau Mahkamah Persekutuan itu, tidak dibincang dengan secara *detail*. So, maknanya pada pendapat saya, “menyertai”, dan “membentuk” adalah beza. Apa pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair. Selain daripada kita melihat kepada Perkara 10(1)(c), kita juga perlu melihat atau membaca bersama Perkara 48(1) di mana kehilangan kelayakan menjadi Ahli Parlimen, contohnya.

Dalam hal ini, kehilangan kelayakan tersebut dalam Perkara 48 tidak langsung menyebutkan tentang isu berpindah atau melompat parti.

Jadi, di sini ada hujah yang mempertahankan ataupun mengatakan bahawa tidak ada kesalahan ataupun tidak boleh menyebabkan kehilangan kelayakan seorang Wakil Rakyat sama ada Ahli Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri dalam hal ini kerana yang boleh menghilangkan kelayakan mereka sebagai Ahli Parlimen ialah:

- (i) sekiranya dia diisytiharkan tidak sempurna akal;
- (ii) dia seorang yang bankrap- belum lepas;
- (iii) memegang satu jawatan berpendapatan;
- (iv) setelah dinamakan pemilihan untuk pemilihan ke mana-mana satu Parlimen ataupun ke Dewan Undangan Negeri di sesuatu negeri atau setelah bertindak sebagai ejen pilihan raya bagi seseorang yang dinamakan sedemikian, dia tidak menyerahkan apa-apa penyata perbelanjaan pilihan raya yang dikehendaki oleh undang-undang dalam

masa mengikut cara yang dikehendaki sedemikian. Jadi, sekiranya perkara ini berlaku barulah dia kehilangan kelayakan.

- (v) sekiranya dia juga telah disabitkan atas suatu kesalahan oleh sesuatu mahkamah di Persekutuan dan melibatkan denda yang tidak kurang daripada RM2,000 dan dia tidak mendapat pengampunan bebas dan juga pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun. Maka, sekiranya itu berlaku pada dirinya, barulah dia akan hilang hak kelayakan sebagai Ahli Parlimen; dan
- (vi) dia dengan sukarela memperoleh kewarganegaraan mana-mana negara di luar Persekutuan atau telah dengan sukarela menggunakan hak kewarganegaraan di mana-mana negara di luar Persekutuan atau telah membuat satu akuan setia kepada mana-mana negara di luar Persekutuan, maka dengan itu, dia boleh disabitkan untuk kehilangan kelayakan menjadi Ahli Parlimen.

Justeru, dengan sebab itu, kalau kita melihat dengan lebih dalam lagi, sekiranya hendak diwujudkan akta melompat parti, ia memerlukan kepada pindaan Perlembagaan yang sudah pasti akan memerlukan kepada jumlah dua pertiga majoriti dan bergantung kepada keadaan dan suasana apabila Parlimen ataupun sesebuah kerajaan itu memiliki kekuatan dua pertiga majoriti. Maka, pada ketika tersebut, isu lompat parti ini ataupun perkara lompat parti ini boleh dijadikan sebagai suatu undang-undang ataupun suatu akta.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Yang Berhormat Timbalan Menteri, mohon penjelasan sikit Yang Berhormat Timbalan Menteri. Boleh, Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Panjang, panjang lagi ini. Hendak...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Sikit, sikit saja. Sikit saja. Boleh ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia maklum bahawa di Dewan Rakyat, satu usul yang sama juga dibahaskan telah diangkat sehingga terwujudnya satu *caucus* reformasi, *Electoral Reform Committee*, dengan izin.

Kebetulan juga di sini, sebelum COVID-19 juga, di bawah *Caucus* Dewan Negara, kami secara jawatankuasa telah mewujudkan, dengan izin, *Caucus* Dewan Negara- *working group on anti-hopping law*. Jadi, kebetulan perkara disebut dibuat secara rasmi oleh *Caucus* Dewan Negara.

Jadi, menyambut apa Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi itu bahawa benda ini telah mendapat sokongan secara, dengan izin, melangkaui parti. Jadi, pada pandangan saya, ia telah mewujudkan satu kepentingan awam dan yang lebih penting lagi Yang

Berhormat Timbalan Menteri, pada pandangan saya, hujah yang mengatakan bahawa ialah satu hak asasi manusia itu, saya agak masalah untuk menerima.

Ini disebabkan hak asasi manusia, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, secara falsafahnya, *is about a tyranny of a state*. Itulah falsafah. Oleh sebab itu, apabila orang kata dekat kita kan, “Ada tidak, hak asasi manusia kerajaan?” Hak asasi manusia secara falsafah ialah- *is about a tyranny of a state*.

Jadi, di sini apabila berlaku mudarat dalam masyarakat, disebabkan lompat parti ini, saya rasa adalah wajar untuk kerajaan pada hari ini menimbangkan perkara ini agar mudarat ini dapat dilihat dan satu dasar dibuat dan undang-undang berkaitan dapat sama-sama kita bincang di Dewan yang mulia ini. Ini pandangan saya. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Baik. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff. Itu adalah suatu pandangan yang baik dan dalam urusan isu ini, apa-apa pun kesemuanya adalah merujuk pada peraturan yang telah pun digariskan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan sebagainya.

Jadi, saya rasa dengan wujudnya jawatankuasa atau *caucus* yang fokus tentang isu ini, maka jawatankuasa itu bolehlah mengkaji secara lebih teliti dan mendalam dan memberikan pandangan yang seterusnya kepada kerajaan untuk dipertimbangkan sebaik-baik yang mungkin.

Jadi, sebab semua perkara bukan semestinya perkara itu terhalang tetapi sekiranya kesemua undang-undang dan peraturan diguna pakai, diambil kira dan sekiranya ia memang sampai kepada masa dan tahap untuk dilaksanakan, maka dengan mengikuti segala undang-undang dan juga Perlembagaan, maka tidak mustahil perkara itu boleh berlaku.

Akan tetapi, kesemuanya bergantung kepada sejauh mana semua pihak yang berkepentingan yang ingin mencadangkan perkara ini membuat satu kajian yang terperinci agar akta yang wujud tersebut adalah merupakan sebuah akta yang *sustainable* atau yang orang kata sesuai untuk sepanjang zaman. Jadi, apa pun kita menunggu dan kita meneruskan apa yang patut dibuat terutama sekali menyesuaikan kesemua isu itu melalui peruntukan yang ada di dalam Perlembagaan.

Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh dan Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah berpandangan undang-undang anti lompat parti tidak bercanggah dengan Perlembagaan khususnya Perkara 10(2)(c) sebagaimana juga yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff sebentar tadi.

Seperti yang saya nyatakan tadi bahawa hak untuk membentuk persatuan yang dijamin di bawah Perenggan (c), Fasal (1), Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan, turut merangkumi hak untuk menyertai atau tidak menyertai persatuan dan juga hak untuk meletak

jawatan dalam sesuatu persatuan. Kesemua ini adalah merujuk kepada bagaimana interpretasi dilakukan terhadap undang-undang yang telah pun wujud ini.

Sebagai rujukan, bahawa Mahkamah Agung sekali lagi saya sebutkan di dalam kes Dewan Undangan Negeri Kelantan dan lain-lain berlawanan dengan Nordin Salleh dan lain-lain di dalam *Common Law Journal*, telah pun memutuskan bahawa peruntukan melarang lompat parti merupakan sekatan kepada hak untuk membentuk persatuan di bawah Perenggan (c), Fasal (1), Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan. Jadi, dalam mengikut kepada kes ini maknanya peruntukan melarang melompat parti tidak boleh dilaksanakan berdasarkan kepada *precedent* kes ini.

Begitu juga kalau kita melihat keputusan yang sama juga telah diputuskan oleh Mahkamah Agung dalam kes Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun melawan dengan *State Legislative Assembly of Sabah* dan lain-lain, bahawa perenggan (d) dan (e), Fasal 2 Perlembagaan 18, Perlembagaan negeri Sabah yang juga merupakan peruntukan yang melarang lompat parti adalah tidak sah mengikut Fasal (1), Perkara 4, Perlembagaan Persekutuan kerana bercanggah dengan hak untuk membentuk persatuan di bawah Perenggan (c), Fasal (1), Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan.

■1620

Jadi dalam hal ini, sebagaimana yang saya katakan tadi, ianya adalah merujuk kepada sejauh mana kita berjaya kita mewujudkan satu interpretasi yang tepat terhadap isu melompat parti, bersesuaian dengan perkara-perkara yang disebutkan di dalam Perlembagaan sebentar tadi.

Yang Berhormat Datuk Mohan a/l Thangarasu ingin tahu bilakah kerajaan berhasrat untuk melaksanakan had umur mengundi 18 tahun. Sebagaimana yang dijelaskan di Dewan sebelum ini semasa menjawab pertanyaan lisan pada 9 September 2020 yang lalu, dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang dalam persiapan untuk melaksanakan umur kelayakan mengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik berdasarkan kepada pindaan Perkara 119(4), Perlembagaan Persekutuan yang telah diluluskan oleh Parlimen pada Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas baru-baru ini.

Jadi dalam hal ini, pihak SPR telah pun menggariskan satu ketetapan bahawa urusan itu hendaklah diselesaikan dalam tempoh 24 bulan. Dengan sebab itu, daripada tarikh akta ini dipinda sehinggalah 24 bulan, bermakna pada 25 Julai 2019 adalah merupakan tarikh di mana kita boleh memulakan umur pengundi dengan umur 18 tahun dan juga tarikh tersebutlah merupakan pendaftaran mengundi secara automatik akan dilaksanakan serentak dengan pengundi berumur 18 tahun.

Sebagai makluman kepada Dewan, sekiranya pengundi umur 18 tahun didaftarkan, maka kita akan menambah jumlah pengundi daripada umur 18 tahun ke 21 tahun adalah lebih kurang sebanyak lima juta pengundi sehingga enam juta pengundi baru yang mana umurnya 18 tahun hingga 21 tahun sahaja. Jadi, sudah barang pasti ia akan memerlukan perbelanjaan pilihan raya yang lebih besar, mungkin satu kali ganda. Sekarang ini lebih kurang RM500 juta untuk satu pilihan raya Malaysia dan boleh menjadi antara RM1 bilion sehingga RM1.5 bilion kos untuk kita melaksanakan pilihan raya yang berkenaan.

Seterusnya, isu rasuah. Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid meminta kerajaan melihat semula pendakwaan rasuah. Jika melibatkan jumlah yang kecil disegerakan, sedangkan jutaan Ringgit pula terlalu lambat. Ditegaskan di sini bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) adalah sebuah agensi penguatkuasaan undang-undang anti rasuah yang bebas, telus dan profesional.

Dari segi kebebasan SPRM, SPRM bebas melaksanakan siasatan tanpa perlu merujuk kepada mana-mana pihak. Sesungguhnya, SPRM hanya menjalankan tugas berdasarkan kepada maklumat dan aduan yang telah dilaporkan. SPRM melaksanakan siasatan tanpa prejudis. Dalam kebanyakan kes rasuah, lazimnya satu pihak sahaja yang dikenakan pertuduhan sama ada pemberi atau penerima.

Keadaan ini terjadi disebabkan tidak ada pihak ketiga yang tampil memberikan bukti atau keterangan di atas perlakuan pemberi dan penerima rasuah tersebut. Jika ada mana-mana pihak, termasuk orang ketiga yang boleh mengemukakan bukti yang mencukupi, maka kedua-dua pihak sama ada pemberi atau penerima rasuah boleh didakwa di mahkamah. Penyiasatan kes rasuah adalah kurang rumit bagi kes-kes rasuah yang dikatakan jumlah rasuahnya agak sedikit nilai, maka penyiasatan yang lebih terperinci diperlukan bagi kes-kes yang rumit dengan mengambil kira *complexity* dan kesukaran sesuatu kes kerana jumlah rasuah yang besar nilainya.

Proses siasatan dikemukakan kepada pihak pendakwaan. SPRM tidak mempunyai kuasa pendakwaan, sebaliknya kuasa menentukan sesuatu pendakwaan ditetapkan oleh Jabatan Peguam Negara.

Justeru dengan sebab itu, kalau kita melihat sama ada sesuatu kes yang dilaporkan, dilaksanakan tindakannya itu cepat atau lambat dari segi pendakwaan, ia sebenarnya melibatkan dua peringkat iaitu peringkat siasatan yang dijalankan oleh SPRM, manakala peringkat pendakwaan dijalankan oleh pihak pendakwa dengan kelulusan Jabatan Peguam Negara. Jadi di sini, kadang-kadang ada *queue* nya.

Selain daripada itu, kes-kes yang disiasat itu sama ada lama atau panjang, bergantung pada *complexity case*, maknanya susah atau tidaknya kes tersebut. Bagi kes-kes yang ringan, maka urusan atau prosesnya lebih cepat. Itulah yang menyebabkan ada perbezaan kes

lambat dan cepat tetapi ia bukan bermaksud bahawa ada pilih kasih ataupun ada agenda-agenda yang lain di peringkat SPRM. Oleh kerana SPRM adalah merupakan satu agensi yang bebas daripada pengaruh mana-mana pihak tertentu.

Namun begitu, kes-kes ini tidak akan terlewat terlalu panjang kerana KPI siasatan kes dalam SPRM adalah di antara 16 sehingga 12 bulan. Sehingga melepasi 12 bulan, siasatan kes belum dapat disempurnakan, maka pihak SPRM kena merujuk siasatan tersebut kepada Panel Penilaian Operasi (PPO) untuk menilai semula dan semak imbang tentang kes yang sedang disiasat tersebut.

Maka, di sini PPO akan memberikan pandangan, nasihat, teguran dan juga membantu supaya kes-kes tersebut dapat diselesaikan sehingga dapat di bawa kepada pihak pendakwaan ataupun kes itu termasuk di dalam kategori kemas untuk tutup (KUS), maknanya kalau tidak ada kes. Jadi, inilah proses-proses yang dilakukan oleh pihak SPRM yang berkenaan.

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua...

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya dapat maklumat sedikit, pencerahan. Bagaimana dengan wang rampasan rasuah ini? Bilakah tempohnya ia boleh di luput hak daripada orang yang didakwa? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Biasanya perkara ini ia akan merujuk kepada isu atau kes itu sendiri. Maknanya, kalau kes itu belum masuk ataupun kes itu belum ditutup atau kes itu bukan kemas untuk tutup (KUS), maknanya selagi itu rampasan itu, aset itu adalah merupakan bidang kuasa dan budi bicara SPRM.

Jadi, perkara ini biasanya kalau kes itu selesai, telah ditutup dengan sempurna, maka urusan untuk mengembalikan apa-apa juga barang bukti dan juga wang dan sebagainya akan dipulangkan balik. Jadi, perkara ini adalah suatu perkara yang bergantung kepada kes dan juga bergantung kepada macam mana ia diselesaikan.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit penjelasan? Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu SPRM. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan bahawa siasatan dan sebagainya, proses dan sebagainya. Saya juga difahamkan, kebetulan dahulu pernah terlibat dalam ahli jawatankuasa di bawah seksyen 14.

Sehingga hari ini, adakah Kerajaan Perikatan Nasional telah melantik-kan ada jawatankuasa-jawatankuasa khas di bawah akta. Ada jawatankuasa khas yang diwakili oleh Ahli Parlimen seperti seksyen 14, ada juga jawatankuasa yang melibatkan kita panggil aduan dan sebagainya. Adakah jawatankuasa ini telah dilantik? Itu soalan saya. Oleh sebab itu juga akan membantu SPRM dalam memastikan tidak ada elemen-elemen pilih bulu dan

sebagainya, untuk kebebasan. Saya rasa struktur di bawah SPRM itu agak boleh dibanggakan. Cuma adakah lantikan-lantikan itu telah dibuat? Ini soalan saya.

■1630

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff. Jawatankuasa ini tidak pernah dibatalkan ataupun tidak pernah ditiadakan sehingga sekarang. Cumanya saya perlu sedikit kepastian yang lebih tepat daripada pihak SPRM tentang pelantikan dan juga pelaksanaan perjalanan jawatankuasa yang berkenaan dan itu saya akan jawab secara terus kepada Yang Berhormat Senator nantilah untuk mendapatkan jawapan yang lebih tetap.

Akan tetapi jawatankuasa yang berkenaan tidak ada apa-apa tindakan untuk membatalkan ataupun menutup jawatankuasa tersebut. Tidak ada. Cuma mungkin sekarang ini proses sedang pelantikan semula ataupun pengukuhan. Namun begitu, saya akan menjawab secara terus kepada Yang Berhormat Senator. Boleh ya? Okey.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, isu yang berkaitan dengan perkhidmatan awam. Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid membangkitkan isu kerja dari rumah, berapa jumlah kakitangan yang terlibat dan adakah wujud garis panduan mengenainya.

Sebagai mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa pada 18 Mac 2020 yang lalu, kerajaan telah membenarkan semua penjawat awam untuk bekerja dari rumah iaitu BDR melalui Surat Edaran Arahan Bekerja Dari Rumah Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan dan Penutupan Premis Kerajaan pada 17 Mac 2020.

Walau bagaimanapun, Ketua Jabatan boleh menentukan perkhidmatan penting-*essential services* di kementerian atau jabatan masing-masing dan mengarahkan pegawai tersebut untuk hadir bertugas. Langkah ini diambil sebagai usaha untuk mengekang penularan wabak COVID-19.

Bermula Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada 4 Mei 2020, perkhidmatan kerajaan seluruh negara beroperasi sepenuhnya dengan keberadaan penjawat awam sebanyak 70 peratus ke pejabat dengan Sistem Penggiliran dan Bekerja Dari Rumah. Ini bermakna bahawa pada satu-satu masa, 30 peratus penjawat awam masih lagi Bekerja Dari Rumah tertakluk kepada keputusan Ketua Jabatan mengenai kesesuaiannya dilaksanakan di jabatan tersebut.

Sehingga kini dengan pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga 31 Disember 2020, Bekerja Dari Rumah masih diteruskan sebagai mana Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam Rujukan JPA.SARAAN(S) yang bertarikh 2 Mei 2020.

Sehubungan itu, Ketua Jabatan masih boleh mempertimbangkan Bekerja Dari Rumah tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa. Sepanjang pelaksanaan tersebut, didapati keberkesanan penyampaian perkhidmatan di semua kementerian dan jabatan adalah amat memuaskan dan masih dapat diteruskan walaupun pegawai melaksanakan tugas dari rumah.

Berhubungan cadangan Ahli Yang Berhormat Senator agar pelaksanaan Bekerja Dari Rumah oleh penjawat awam, kerajaan sedang memperhalus konsep Bekerja Dari Rumah ini secara berterusan termasuklah Prosedur Operasi Standard (SOP), dan garis panduan pelaksanaannya.

Untuk makluman Dewan dan juga Ahli Yang Berhormat, sebenarnya pihak JPA juga telah pun mengadakan satu projek rintis untuk mengenal pasti, melihat keberkesanan projek tersebut pada tahun 2015. Pada tahun 2015, sebanyak empat agensi telah dipilih iaitu Kementerian Kerja Raya (KKR); Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Jabatan Peguam Negara (AGC), dan juga MITI ataupun Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Empat buah kementerian atau agensi ini telah pun dipilih oleh pihak JPA untuk dilaksanakan program Bekerja Dari Rumah.

Hasil kajian tersebut, mendapati hanya AGC sahaja yang boleh meneruskan pelaksanaan BDR berdasarkan 3 faktor seperti berikut, iaitu komitmen tinggi dari pihak pengurusan tertinggi dengan menyediakan sistem sokongan ICT dan tadbir urus melalui pelbagai sistem seperti sistem laporan Harian (SPL), *Chamber Visual Office* (CVO), *Integrated Legal Management System* (ILMS) dan *Microsoft Lync*; kedua, pelaksanaannya dimanfaatkan sepenuhnya oleh pegawai sama ada pegawai penyelia mahupun pegawai yang diselia dan memberi kesan positif kepada organisasi; dan ketiga, penetapan sasaran kerja atau *output* kerja yang jelas, dan boleh dipantau pencapaiannya.

Di bawah program BDR- kerana kekangan daripada segi *natures of work* ataupun sifat semula jadi kerja kepada kakitangan mereka yang sukar untuk diukur dan juga yang sukar untuk dijalankan secara berasingan melalui BDR ataupun Bekerja Dari Rumah, jadi, sebahagiannya itu terpaksa dikembalikan ke pejabat kerana ada urusan-urusan yang berkait dengan klien dan sebagainya.

Namun begitu, program Bekerja Dari Rumah ini akan sentiasa diteliti lagi dan akan dilihat lagi tentang gaya hidupnya dan juga kesesuaiannya serta impak produktiviti bersesuaian dengan apa yang kita perlukan.

Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip menggesa kerajaan menyerap penjawat awam yang dilantik secara kontrak diserap kepada status tetap. Sebagai mana penjelasan semasa jawapan Pertanyaan Lisan di Dewan ini pada 8 September 2020,

kerajaan telah bersetuju untuk melantik secara tetap bagi pegawai lantikan kontrak yang telah dilantik sebelum atau pada 23 Oktober 2015 yang diumumkan dalam bajet tahun 2016.

Keputusan kerajaan untuk melantik secara tetap pegawai-pegawai kontrak, *Contract of Service* (COS) ini yang telah berkhidmat selama 15 tahun ini adalah sebagai tanda penghargaan kerajaan atas segala sumbangan serta khidmat bakti pegawai-pegawai kontrak tersebut kepada negara. Seramai 22,080 orang pegawai COS ini, lantikan sebelum atau pada 23 Oktober 2015.

Sehingga kini, seramai 11,796 orang pegawai COS telah dilantik tetap dan bakinya seramai 10,284 orang pegawai COS akan dilantik tetap dalam perkhidmatan awam sepanjang tempoh tahun 2020 sehingga 2031. Ini adalah bertujuan untuk mencukupkan jumlah masa perkhidmatan pegawai yang berkenaan sehingga mencapai tempoh berkhidmat 15 tahun.

Walaupun begitu, pegawai-pegawai kontrak yang belum dilantik ke jawatan tetap, mereka masih boleh mendapat pinjaman khas bagi rumah dan juga kereta seperti yang ditawarkan kepada penjawat awam yang berstatus tetap. Mereka juga diberikan kemudahan cuti mengerjakan haji dan cuti isteri bersalin.

Seterusnya, soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh meminta kerajaan perhatian serius terhadap pegawai lantikan kontrak dan pegawai yang dibayar gaji harian untuk diambil mengisi jawatan kosong di sektor awam berikutan pengalaman yang mencukupi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar pengambilan dan pelantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ataupun SPA adalah berasaskan kepada merit dan juga kompetensi seseorang calon. Semua warganegara Malaysia mempunyai peluang yang sama rata untuk dipertimbangkan dalam persaingan yang terbuka dan adil, *open and fair competition*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Sehubungan itu, semua kategori calon sama ada calon baharu mahupun calon yang mempunyai pengalaman perkhidmatan sebagai pegawai kontrak masih perlu memohon melalui saluran yang ditetapkan iaitu mengemukakan permohonan melalui SPA8i.

Calon yang layak seterusnya akan melalui proses tapisan dan menjalani penilaian seperti *Public Service Entry Examination* (PSEE), dan ujian pemeriksaan fizikal serta pancaindera, penilaian kompetensi dan juga temu duga. Dasar pelantikan berdasarkan merit dan kompetensi ini serta tatacara pengambilan yang diamalkan oleh SPA pada masa ini bertujuan memberi peluang yang adil kepada semua calon dan memastikan hanya calon yang berkualiti sahaja yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam untuk menjaga kepentingan negara.

■1640

Seterusnya, Yang Berhormat Dato' Isa bin Ab. Hamid telah juga menyarankan agensi besar seperti Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, bomba, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk membuat pengambilan khas bagi belia-belia Orang Asli dalam perkhidmatan awam.

Seperti yang dinyatakan tadi, bahawa dasar pengambilan dan pelantikan SPA adalah berasaskan merit dan kompetensi seseorang calon. Maka, tiada penetapan sebarang kuota untuk sesuatu kaum atau etnik tertentu. Semua warganegara Malaysia mempunyai peluang yang sama untuk dipertimbangkan dalam persaingan terbuka dan adil.

Walau bagaimanapun, SPA juga mengambil langkah mengenakan syarat kelayakan minimum sahaja kepada semua calon berdasarkan syarat lantikan yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan. Ini bermakna semua calon yang memenuhi syarat yang ditetapkan di dalam skim perkhidmatan akan dipanggil untuk menghadiri *Public Service Entry Exam* (PSEE). Calon yang melalui tapisan dengan jayanya akan ditawarkan pelantikan.

Walau bagaimanapun, dalam melaksanakan urusan pengambilan, SPA juga turut mengambil kira keperluan perkhidmatan yang memerlukan pelantikan khusus khususnya bagi masyarakat Orang Asli. Sebagai contohnya, urusan pengambilan *operator wireless* bagi Jabatan Perikanan yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat akan dikhususkan kepada calon Orang Asli atas kepentingan perkhidmatan. Ini bermakna bahawa sekiranya ada keperluan-keperluan yang khas ataupun terkhusus ini, maka keperluan itu akan mengambil kira sama ada kita perlu menentukan kumpulan-kumpulan tertentu sahaja yang ditawarkan untuk menganggotai kakitangan kerajaan.

Kita juga sedia maklum bahawa kumpulan polis Senoi Praaq di bawah KDN adalah merupakan satu pasukan yang khusus kepada pemohon-pemohon daripada masyarakat Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja lagi berkaitan dengan soalan daripada Yang Berhormat Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi yang bertanya apakah sebab utama sasaran untuk melantik orang kurang upaya (OKU) dalam sektor awam tidak tercapai dan mencadangkan sasaran satu peratus dinaikkan kepada tiga peratus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010 – Pencapaian Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam Kepada Orang Kurang Upaya menegaskan komitmen kerajaan melalui langkah-langkah *affirmative* yang perlu diambil oleh suruhanjaya, kementerian serta agensi di bawah kementerian bagi mempercepatkan pencapaian dasar tersebut.

Berdasarkan rekod Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP), dalam tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2015 hingga 2019,

kadar permohonan lantikan orang kurang upaya (OKU) dalam perkhidmatan awam masih rendah berbanding jumlah keseluruhan permohonan iaitu secara puratanya sebanyak 0.4 peratus bagi permohonan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan 0.26 peratus bagi permohonan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Purata peratusan pelantikan dalam tempoh yang sama adalah sebanyak 0.43 peratus bagi SPA dan 0.18 peratus sahaja bagi SPP daripada jumlah keseluruhan calon dilantik. Pengisian OKU dalam perkhidmatan awam sehingga bulan Ogos 2020 adalah 0.28 peratus iaitu seramai 3,598 orang. Ini menggambarkan bahawa walaupun beberapa kelonggaran telah disediakan semasa urusan pengambilan, bilangan calon OKU yang mencapai tahap kompetensi asas yang diperlukan masih rendah.

Justeru dengan sebab itu, pihak kerajaan juga bercadang supaya diwujudkan sebuah akademi latihan yang khusus kepada ahli-ahli masyarakat OKU kita untuk mendapatkan latihan khususnya dalam bidang TVET secara khusus daripada pusat latihan orang-orang kurang upaya sendiri.

Sekarang ini, latihan untuk TVET kebanyakannya dilakukan di pusat-pusat latihan biasa untuk orang-orang biasa dan sudah barang pasti menimbulkan kesukaran kepada ahli-ahli daripada OKU untuk mendapatkan kursus itu secara tuntas. Jadi, apa yang berlaku ialah bekalan tenaga kerja terlatih sebagaimana yang diperlukan oleh syarat kompetensi dan juga keupayaan oleh pihak SPA dan juga suruhanjaya-suruhanjaya lain menjadi satu masalah di mana penyertaan ahli-ahli OKU yang mempunyai syarat kompetensi tinggi ini akan berkurangan.

Jadi, banyak usaha lagi yang perlu kita lakukan, yang perlu kita perjuangkan supaya masyarakat OKU kita akan mendapat peluang kerja yang lebih baik sebagaimana yang disasarkan oleh pihak kerajaan.

Sekarang ini untuk memudahkan peserta-peserta ataupun pemohon-pemohon daripada OKU memasuki bidang pekerjaan, sebenarnya, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengecualian *exam* untuk memasuki urusan temu duga dan sebagainya adalah dikecualikan kepada pemohon-pemohon OKU itu sendiri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator mengenai portfolio saya yang sempat saya jawab. Mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh pihak Jabatan Perdana Menteri khususnya agensi-agensinya yang berkaitan.

Terima kasih banyak-banyak kepada Tuan Yang di-Pertua di atas masa yang telah pun diperuntukkan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang terlibat secara langsung ataupun tidak di dalam membahaskan usul-usul yang berkaitan

dengan Bahagian Undang-undang dan Parlimen di Jabatan Perdana Menteri. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Shabudin Yahaya.

Kita bagi dia peluang daripada 3.45 sehingga 4.45 petang. Satu jam. Jadi, kita punya Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berucap dengan panjang lebar tentang undang-undang supaya kita memahami lebih dalam apa itu undang-undang untuk kesejahteraan rakyat tadi.

Tadi saya nampak juga ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang arif tentang undang-undang pun banyak bertanya. Baguslah. Dia banyak tanya. Sebab dia faham sangat undang-undang, dia tanya undang-undang. Jadi dijawab oleh pihak Yang Berhormat tadi dengan baik dan jelas. Jadi, Yang Berhormat Datuk Haji Shabudin Yahaya, terima kasih banyak. Syabas dan tahniah.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Datin Mastura binti Mohd Yazid, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas). Dipersilakan.

4.48 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datin Mastura binti Mohd Yazid]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya telah meneliti isu-isu yang dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan dan terdapat 10 orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan 11 isu yang menyentuh tugas dan fungsi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan (BKPP) dan Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa (BIUPA).

Insyaa-Allah, saya akan menjawab satu persatu persoalan dan isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator di dalam Dewan yang mulia ini. Akan tetapi, saya juga mohon bertanya kepada Tuan Yang di-Pertua, sama ada saya perlu menjawab secara lisan persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator yang tiada di dalam Dewan ini?

Saya telah menyediakan jawapan bertulis sekiranya saya boleh sampaikan pada hari Khamis pagi. Sebenarnya sudah siap tetapi untuk Yang Berhormat yang tidak hadir di dalam Dewan ini, bolehkah saya tidak menjawab secara lisan pada hari ini? Saya mohon...

Timbalan Yang di-Pertua: Setuju.

■1650

Datin Mastura binti Mohd Yazid: Setuju? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat semua.

Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim yang mohon menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah dirancang dan bakal diambil dalam menyelaraskan kemungkinan-kemungkinan bencana banjir, dan apakah persiapan NADMA dan MKN dalam menghadapi situasi ini dan apakah SOP kendalian bencana ini telah diwujudkan.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator, mengenai Peraturan Tetap Operasi (PTO) yang sedia ada masih diguna pakai. Walau bagaimanapun, mengambil kira situasi semasa penularan pandemik COVID-19, garis panduan khas bagi pusat pemindahan sementara (PPS) telah bangunkan dan diedarkan kepada agensi berkaitan pada 6 Julai 2020. Garis panduan yang disediakan ini adalah sebagai rujukan mengenai pengendalian pusat pemindahan sementara PPS sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ia merupakan kesinambungan dari Peraturan Tetap Operasi (PTO). Pusat pemindahan sedia ada yang dibangunkan oleh Jabatan kebajikan Masyarakat (JKM).

Sekiranya kejadian bencana merebak di luar kawalan sehingga boleh mencetuskan keadaan krisis keselamatan negara atau gangguan kepada ketenteraman awam di seluruh negara, pengurusan keseluruhan krisis ini akan diambil alih oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan digerakkan melalui jawatankuasa-jawatankuasa di peringkat menteri dan juga pegawai. Koordinasi yang lebih luas akan dilaksanakan di bawah mekanisme pengurusan krisis negara melibatkan pendekatan *the whole of government and the whole of nation*.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, NADMA sentiasa mengambil langkah yang proaktif dalam memastikan kesiapsiagaan semua pihak berada pada tahap terbaik dalam menangani pelbagai bentuk bencana terutamanya banjir. NADMA dengan kerjasama sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dan Jawatankuasa Pengurusan Daerah (JPBD) sentiasa menyelaraskan perancangan persediaan bencana sepanjang tahun.

Melalui jawatankuasa pengurusan bencana ini juga, kesiapsiagaan dan isu berkaitan pengurusan bencana seperti pengurusan logistik, penggemblengan aset dan sumber yang bersepadu dan strategi koordinasi kementerian dan agensi dapat dibincangkan secara menyeluruh.

Selain itu, antara persediaan NADMA dalam menghadapi bencana banjir Monsun, Timur Laut (MTL) pada tahun ini ialah ada 10 perkara Yang Berhormat, saya akan bacakan satu persatu.

Pertama, mengadakan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat yang dijadualkan pada 28 September 2020. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) akan mempengerusikan mesyuarat ini dan ia akan dihadiri oleh ketua-ketua jabatan yang terlibat dan semua Setiausaha Kerajaan Negeri.

Kedua, penyaluran peruntukan awal kepada setiap jawatankuasa pengurusan bencana negeri bagi persediaan menghadapi MTL, MTL ini adalah Monsun Timur Laut. Peruntukan ini ditentukan berdasarkan jumlah jawatankuasa pengurusan bencana daerah bagi setiap negeri.

Ketiga, pemantapan dan penempatan aset-aset agensi berkaitan pengurusan bencana NADMA telah melaksanakan perolehan tambahan kit makanan dan *collapsible tent* yang akan digunakan di pusat-pusat pemindahan sementara (PPS).

Keempat, dengan kerjasama syarikat-syarikat telekomunikasi, penyampaian hebahan amaran banjir melalui khidmat Sistem Pesanan Ringkas (SMS) akan dilaksanakan ia bertujuan untuk memberi amaran awal kepada penduduk di kawasan yang diramalkan berlakunya banjir. Ia membolehkan mereka mengambil tindakan awal untuk berjaga-jaga atau berpindah ke tempat yang selamat.

Kelima, meskipun program latihan amal bencana agensi tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang, penglibatan intensif jentera pengurusan bencana berdasarkan Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20 tetap dipertingkatkan melalui penglibatan terus agensi-agensi berkaitan di lapangan semasa operasi COVID-19.

Keenam, penganjuran program *Community-Based Disaster Risk Management* yang melibatkan agensi-agensi pengurusan bencana di peringkat pusat, negeri dan daerah.

Ketujuh, selain daripada program lapangan, penganjuran program kesedaran bencana turut diadakan secara atas talian dengan kerjasama kementerian, agensi berkaitan, pihak media, institusi-institusi pengajian tinggi dan NGO.

Kelapan, *NADMA Emergency Support Team* (NEST) telah diaktifkan dan Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) bersedia ke kawasan-kawasan yang dilanda banjir jika terdapat keperluan.

Kesembilan, pengoperasian *National Disaster Command Centre* (NDCC) yang terletak di markas SMART Cyberjaya sebagai pusat kawalan bersepadu dalam pengurusan data dan kesiapsiagaan agensi kerajaan. *National Disaster Command Centre* (NDCC) yang beroperasi 24 jam akan mengeluarkan notis-notis kesiapsiagaan kepada agensi-agensi berdasarkan

ramalan dan amaran bencana yang diterima oleh agensi teknikal seperti Jabatan Metrologi, Jabatan Pengairan dan Saliran dan lain-lain.

Kesepuluh, untuk makluman juga, berdasarkan maklumat yang diperolehi masa tindak balas atau *respond time*, setiap agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Pertahanan Malaysia (APM) adalah di antara 10 minit ke 15 minit bergantung kepada keadaan geografi kawasan serta kerumitan sesuatu bencana yang berlaku.

Kepada Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin yang mencadangkan agar pembangunan *Disaster Recovery Center* di negeri Kelantan diwujudkan terutamanya di kawasan Rantau Panjang kerana Kelantan mempunyai pengalaman dalam pengurusan bencana yang agak besar selain daripada Sabah.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, cadangan pembangunan *Disaster Recovery Center* di negeri Kelantan tersebut sangat baik dan dihargai. Bahkan negeri-negeri yang terletak di Pantai Timur semenanjung Malaysia seperti di Terengganu dan Pahang juga kerap terjejas dengan impak monsun timur laut. Sewajarnya mempunyai premis dan struktur tindak balas bencana yang lebih baik. Ini sejajar dengan agenda antarabangsa dan serantau dengan *tag line* pengurusan bencana agar tiada keciciran *no one left behind* serta bina semula dengan lebih baik ataupun *build back better*, dengan izin.

Mekanisme pengurusan bencana yang digunakan sekarang adalah berdasarkan Arahan Nombor 20 Majlis Keselamatan Negara. Melalui arahan ini, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. JPBN dan JPBD masing-masing mempunyai peranan merancang dan melaksanakan program pencegahan kesiapsiagaan, tindak balas dan pemulihan- *recovery* di peringkat negeri dan daerah.

Oleh yang demikian, berdasarkan salah satu peranan sedia ada, JPBN dan JPBD ia adalah mencukupi dan memadai dalam melaksanakan hasrat Yang Berhormat Senator. Bahkan ia boleh dikembangkan lagi bergantung kepada kerjasama semua pihak, penggabungan sumber yang cekap dan terselaras. Di kesempatan ini, saya menggalakkan semua Yang Berhormat Senator memberikan input dan cadangan pengurangan risiko bencana kepada para pegawai daerah masing-masing selaku pengerusi JPBD dalam meningkatkan ketahanan atau *resilience*, dengan izin, komuniti dan pembangunan terhadap bencana.

Di dalam tempoh kurang sepelegh pemerintahan yang masih berbaki ini, adalah kurang wajar menjanjikan projek pembangunan yang sepatutnya kos operasi dan

penyelenggaraannya boleh dipindahkan kepada projek baik pulih rumah atau projek rumah kekal baharu yang lebih nilai untuk wang atau *value for money*, dengan izin, dan berkebajikan.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Pada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim juga ada mencadangkan supaya diwujudkan semula Biro Tatanegara agar semangat patriotisme ini diperkukuhkan dalam semua agensi kerajaan dan seterusnya apakah hala tuju yang dirangka agar gandingan patriotisme dan prinsip integriti jentera kerajaan diterapkan bagi membina semula negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan sentiasa komited dalam memastikan warganegara mempunyai kesedaran, jati diri serta semangat patriotisme tanpa mengira agama, kaum dan latar belakang. Perkara ini tidak terkecuali di kalangan penjawat awam.

Selari dengan hasrat ini, Jabatan Perdana Menteri telah mengambil inisiatif dengan mengadakan satu bengkel pada 2 Julai 2020 hingga 4 Julai 2020 yang bertujuan untuk mengkaji keperluan sama ada penubuhan atau penyelarasan agensi bagi melaksanakan fungsi melibatkan skop kepimpinan, kenegaraan, patriotisme dan latihan secara menyeluruh dan komprehensif bagi warganegara Malaysia. Bengkel ini telah dihadiri oleh beberapa kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan yang menjalankan program-program berbentuk kenegaraan.

■1700

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, ketika ini Jabatan Perdana Menteri masih dalam peringkat penelitian dan perbincangan. Saya terus pula kepada Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid, telah membangkitkan isu mengenai Projek Jeti di dalam Pulau Jarak yang terbengkalai kerana kontraktor yang dilantik iaitu Cengal Jati Sendirian Berhad tidak berupaya menyiapkan projek tersebut. Terima kasih diucapkan pada Yang Berhormat Senator yang sentiasa prihatin tentang projek-projek keselamatan yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Untuk makluman semua, Pulau Jarak merupakan sebuah pulau milik Malaysia yang berada dalam perairan wilayah Malaysia di Selat Melaka. Dalam memastikan kesinambungan keselamatan dan kedaulatan Pulau Jarak, Angkatan Tentera Malaysia diaturkan untuk mengawal dan menjaga keselamatan pulau tersebut daripada sebarang anasir pencerobohan musuh negara. Pulau Jarak diwartakan oleh kerajaan sebagai kawasan keselamatan di bawah pengurusan MKN.

Bagi menjamin keselamatan trup ATM yang bertugas menjaga kedaulatan Pulau Jarak, MKN telah melaksanakan penaiktarafan bagi penempatan trup ATM di Pulau Jarak sebagai *future forward operating base*, dengan izin. Projek penaiktarafan penempatan ini

adalah sejajar dengan matlamat kerajaan untuk memperkasakan keselamatan maritim di perairan Selat Melaka daripada sebarang bentuk ancaman subversif musuh.

Pihak Jabatan Kerja Raya telah diberi tanggungjawab sebagai penguasa projek bermula dari 16 Mei 2016 dan jangkaan siap projek ini adalah pada 31 Mac 2021, Yang Berhormat. Status terkini, bangunan pentadbiran telah siap sepenuhnya dan telah diserahkan kepada MKN pada 9 September 2020. Kerja-kerja penyediaan helipad dan jeti akan diteruskan sehingga tarikh yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Jabatan Kerja Raya sentiasa melakukan mesyuarat serta lawatan tapak bersama-sama wakil ATM bagi memastikan unjuran pelaksanaan projek menepati piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak ATM. Kerajaan juga sentiasa memastikan semua projek yang dilaksanakan menepati skop perancangan dan spesifikasi serta tempoh yang telah ditetapkan dan ini termasuklah projek pembinaan semula infrastruktur asas di Pulau Jarak ini.

Kerajaan memandang serius usaha untuk memastikan keselamatan perairan dan kedaulatan negara dengan melaksanakan pemantauan yang berterusan. Jadi, tidak timbulnya Yang Berhormat Senator, persoalan projek tersebut gagal disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan. Oleh itu, sebarang bentuk perolehan projek adalah tertakluk kepada tatacara dan prosedur perolehan yang berkuat kuasa dan perubahan kepada kontrak sedia ada perlulah melalui proses serta prosedur berkaitan bagi menjamin integriti dan akauntabiliti pengurusan projek. Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip, saya akan beri jawapan bertulis.

Kepada Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop, sekali lagi telah mencadangkan supaya Mesyuarat Kabinet diadakan pada hari Jumaat, sepanjang Dewan Negara bersidang supaya Menteri-menteri boleh hadir di persidangan Dewan Negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri pada hari Rabu bukan bermakna kerajaan tidak prihatin dengan persidangan Dewan Negara. Ini kerana pada hari berkenaan, Yang Berhormat Menteri masih boleh hadir ke Dewan sekiranya terdapat keperluan berdasarkan *Aturan Urusan Mesyuarat* dan isu-isu yang berkaitan.

Semasa ketiadaan Yang Berhormat Menteri pula, Yang Berhormat Timbalan Menteri seperti saya juga boleh menjawab pertanyaan lisan dan sebagainya seperti mana yang diamalkan di Dewan Rakyat. Sebarang isu-isu berkaitan dengan kementerian sebenarnya boleh dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri juga dimaklumkan mengenai dasar-dasar dan program serta projek-projek berkaitan kementerian.

Secara pentadbirannya, setiap Yang Berhormat Menteri sebaik selepas Mesyuarat Jemaah Menteri akan mengadakan Mesyuarat Pasca Kabinet di peringkat kementerian

masing-masing, termasuk Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk menyampaikan sebarang keputusan kerajaan kepada anggota pentadbiran dan ketua-ketua jabatan di kementerian masing-masing.

Oleh itu, jawapan oleh Yang Berhormat Menteri di Dewan Negara ini sebenarnya juga adalah merupakan jawapan daripada kementerian tersebut. Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair... *[Disampuk]*

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta pencerahan sedikit.

Datin Mastura binti Mohd Yazid: Ya, silakan.

Datuk Razali bin Idris: Berkenaan dengan Yang Berhormat Menteri dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau Yang Berhormat Menteri tidak pernah hadir dalam satu sesi Dewan Negara? Itu persoalan saya. Tidak pernah hadir.

Datin Mastura binti Mohd Yazid: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Saya mempunyai pandangan peribadi tetapi sebagai seorang Timbalan Menteri, saya juga memahami ada ketikanya tidak hadir itu atas tugas-tugas yang memerlukan kehadiran Yang Berhormat Menteri secara peribadi ataupun secara perseorangan dan tidak dapat dikendalikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Akan tetapi saya faham, memang menjadi satu perkara yang dinanti-nantikan oleh semua Yang Berhormat Senator iaitu kehadiran Yang Berhormat Menteri itu dialu-alukan. Saya berasa setiap Yang Berhormat Menteri mempunyai piawaian ataupun dasar kerja masing-masing. Saya menyerahkan kebijaksanaan itu dan juga keputusan itu kepada setiap Yang Berhormat Menteri yang bertugas. Terima kasih.

Jadi, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair? Saya beri jawapan bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat. Tiada juga- oh ada! Maaf, tidak nampak.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat dan Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing telah membangkitkan isu mengenai, sejauh manakah penguatkuasaan undang-undang telah berjaya dilaksanakan terhadap mereka yang melakukan kesalahan dalam penggunaan simbol atau lambang rasmi negara. Adakah kerajaan berhasrat untuk mewujudkan undang-undang baharu yang dikhaskan untuk penggunaan bendera dan lambang negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, undang-undang sedia ada pada masa ini seperti berikut adalah memadai dan bersesuaian untuk mengawal penggunaan bendera dan lambang.

Pertama, Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) 1963, Akta 414. Apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM20 ribu atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali; kedua Akta Lambang Kebangsaan (Kawalan Mempamer) 1949 [Akta 193]. Apabila disabitkan, dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi enam bulan atau didenda tidak melebihi RM500 atau kedua-duanya sekali dan hal pertubuhan perbadanan di denda tidak melebihi RM1,000; dan ketiga Akta Hasutan 1948 [Akta 15] dengan pindaan pada tahun 2015.

Melakukan sesuatu kesalahan perbuatan menghasut dan apabila disabitkan, boleh bagi kesalahan kali pertama, didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan yang kemudian, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

Mana-mana orang yang ada dalam miliknya tanpa sebab yang sah, apa-apa penerbitan menghasut melakukan sesuatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh bagi kesalahan kali pertama didenda tidak melebihi RM2,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 18 bulan atau kedua-duanya dan bagi kesalahan yang kemudian, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

Bagi tahun 2020 sehingga bulan Julai, terdapat tiga laporan polis Yang Berhormat, yang telah dibuat untuk siasatan berhubung penyalahgunaan Akta Lambang dan Nama yang mana muka hadapan buku mempunyai unsur-unsur yang menyerupai Jata Negara. Berikut adalah senarai tajuk buku-buku tersebut:

- (i) *"Rebirth: Reformasi, Resistance and Hope in New Malaysia"*;
- (ii) *"Rojak Fakta Malaysia"*; dan
- (iii) *"We travelled from KUALA LUMPUR to ENGLAND by BUS"*.

Kementerian dan agensi kerajaan saling bekerjasama bagi memastikan penggunaannya selari dengan peruntukan yang dinyatakan di dalam akta. Tindakan undang-undang akan diambil jika berlaku pelanggaran kepada akta tersebut. Pindaan dan ketetapan baharu akan ditambah baik jika perlu dari semasa ke semasa agar akta tersebut terkini dan relevan.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan kepada Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose yang saya akan beri jawapan bertulis.

■1710

Seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Alan.

Datin Mastura binti Mohd Yazid: Ya, juga saya akan bagi jawapan bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Datin Mastura binti Mohd Yazid: Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mengakhiri semua jawapan berkenaan Tugas-tugas Khas, Jabatan Perdana Menteri. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Malaysia buat semua Ahli Yang Berhormat dan seluruh rakyat Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) yang telah menjawab dengan panjang lebar dan berhujah oleh kita Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya rasa berterima kasih dan tahniah dapat menjawab dengan baik dan teratur ya Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Sekarang saya pergi pula kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dato Hajah Hanifah Hajar Taib, silakan.

5.11 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak)

[Dato Hajah Hanifah Hajar Taib]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Timbalan Yang di-Pertua: *Waalaikumsalam.*

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator terutama sekali Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili; Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind; Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang; Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew; dan Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja dan menyentuh isu-isu di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri khususnya perkara-perkara mengenai hal ehwal Sabah dan Sarawak. Antara perkara-perkara yang telah dibangkitkan sepanjang perbahasan adalah seperti:

- (i) mengenai perwujudan Portfolio Hal Ehwal Sabah dan Sarawak;
- (ii) status kemajuan pelaksanaan kepada 17 perkara yang telah diputuskan di bawah Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (JKKKMA63);
- (iii) status mengenai empat perkara yang masih belum diputuskan di bawah JKKKMA63; dan
- (iv) status pindaan kepada Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, inisiatif untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 adalah dimulakan semenjak tahun 2016 lagi iaitu di bawah pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional. Ketika itu melalui Jawatankuasa *Devolution of Authority* pada tahun 2016 hingga ke tahun 2018.

Usaha yang murni ini telah diteruskan lagi di bawah pentadbiran kerajaan sebelum ini pada era Pakatan Harapan, di mana satu jawatankuasa khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963, antara Disember 2018 hingga ke November 2019.

Sebagai kesinambungan, di bawah pemerintahan Kerajaan Perikatan Nasional satu bahagian khas telah ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang dikenali sebagai Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri (BHES). Bahagian ini telah diberikan mandat untuk memantau pelaksanaan MA63 yang berada di bawah tanggungjawab pelbagai kementerian dan agensi Persekutuan serta turut melibatkan agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri Sabah dan Negeri Sarawak.

Terdapat beberapa tindakan susulan yang perlu diambil bagi memastikan keputusan JKKKMA63 boleh dilaksanakan. Ini termasuklah mengenai pelaksanaan segala keputusan yang telah dicapai sebelum ini oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 yang telah ditubuhkan terdahulu.

Penubuhan BHES adalah selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 15 Januari 2020 yang antara lain telah memutuskan:

- (i) persetujuan supaya Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 dibubarkan memandangkan matlamat asal JKKKMA63 ini telah tercapai;
- (ii) Jemaah Menteri turut bersetuju supaya sebuah majlis khas diwujudkan sebagai memantau pelaksanaan kepada keputusan-keputusan yang telah dicapai dan menyelesaikan perkara-perkara yang belum dimuktamadkan oleh jawatankuasa khas Kabinet tersebut; dan
- (iii) majlis khas tersebut akan diurusetiaikan oleh Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri.

Untuk makluman, selain daripada BHES, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah dan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak turut diletakkan di bawah portfolio Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak.

Berhubung dengan status kemajuan sejumlah 17 daripada 21 perkara yang telah diputuskan secara dasar oleh JKKKMA63, pelaksana perkara-perkara tersebut memerlukan kepada tindakan susulan daripada agensi-agensi di peringkat Persekutuan dan negeri. Sebagai contohnya, terdapat keperluan untuk meminda dan menggubal undang-undang baharu baik di peringkat Persekutuan dan negeri.

Perkara-perkara ini masih perlu untuk dibincangkan dan diselaraskan oleh kementerian ataupun agensi yang berkenaan. Secara umumnya, tindakan-tindakan susulan ini akan mengambil masa sekurang-kurangnya tempoh satu hingga dua tahun untuk dilaksanakan.

Terdapat juga inisiatif yang bersifat berterusan untuk dilaksanakan oleh kementerian dan agensi berkaitan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak. Kesemua perkembangan ini adalah dipantau secara berkala oleh BHESS. Manakala, berhubung dengan empat perkara yang masih belum selesai iaitu:

- (i) royalti minyak dan bayaran tunai petroleum;
- (ii) mineral minyak dan medan minyak; dan
- (iii) Akta Laut Wilayah 2012 [*Akta 750*] dan Akta Pelantar Benua 1966 [*Akta 83*].

Perbincangan mengenai perkara-perkara tersebut akan diteruskan di dalam majlis khas yang akan ditubuhkan dalam sedikit masa lagi. Laporan akhir ini tidak boleh didedahkan kepada umum memandangkan isu kandungan dan perbincangan yang direkodkan adalah bersifat teknikal dan melibatkan perkara-perkara yang sensitif dan rahsia.

Kami memahami bahawa isu sejumlah 20 peratus royalti telah dijanjikan oleh Kerajaan PH melalui Buku Manifesto PH. Walau bagaimanapun, tiada keputusan yang telah dilaksanakan setakat ini. Oleh yang demikian, Kerajaan PN telah mengambil langkah awal dengan menubuhkan satu jawatankuasa bersama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak bagi membincangkan mengenai penyelesaian komersial berhubung minyak dan gas.

Jawatankuasa ini yang khusus bagi merundingkan hak negeri Sarawak adalah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bersama Yang Berhormat Menteri Kanan Kerja Raya dan diurusetikan oleh Kementerian Kewangan. Perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sarawak masih lagi berlangsung, manakala perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sabah mengenai perkara yang sama dijangka akan menyusul kemudian dengan memberi laluan kepada pelaksanaan Pilihan Raya Negeri Sabah.

Jawatankuasa bersama ini akan mengesyorkan kepada majlis khas cadangan penyelesaian yang terbaik ke atas isu minyak dan gas untuk negeri Sabah dan Sarawak di mana majlis khas ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta dianggotai oleh Ketua Menteri Sabah dan Ketua Menteri Sarawak.

Selain itu, terdapat juga isu-isu dibangkitkan menyentuh mengenai status pindaan Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator sepanjang tempoh perbahasan.

Namun begitu, perkara ini masih memerlukan penelitian kepada dokumen-dokumen perundingan dan sejarah yang berkaitan seperti Perlembagaan Persekutuan Malaysia,

Perjanjian Malaysia 1963, *Act of Malaysia 1963 (Chapter 35)* yang diluluskan oleh Parlimen *United Kingdom*, Akta Malaysia 1963 [Akta 26/1963] yang diluluskan oleh Parlimen Persekutuan Tanah Melayu, Laporan Suruhanjaya Cobbold dan Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) serta dibincangkan dengan lebih mendalam bersama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak.

Kerajaan berpandangan perkara ini perlu dikendalikan dengan teliti dan tidak tergesa-gesa bagi memastikan cadangan pindaan yang bakal dibawa kelak akan mendapatkan sokongan semua pihak terutama sekali Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

■1720

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja penjelasan-penjelasan yang saya dapat berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Sekali saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Perjanjian Malaysia 1963. Kami akan mengambil tindakan dan perhatian di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Mana-mana pertanyaan yang tidak sempat dijawab akan diambil perhatian untuk tindakan susulan. Saya juga ingin mengucapkan Selamat Hari Malaysia kepada semua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Hajah Hanifah Haji Taib yang telah memberi jawapan yang baik dan ringkas dan padat. Saya ucapkan terima kasih banyak-banyak dan terima kasih sekali lagi iaitu yang bercerita tentang hal ehwal Sabah dan Sarawak tadi.

Sekarang saya jemput pula yang akhirnya Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal-hal Ekonomi. Silakan Yang Berhormat.

5.21 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon izin. Tuan Yang di-Pertua, memetik kata-kata Tuan Yang di-Pertua pada 2 September apabila menerima jawatan sebagai Yang di-Pertua.

Saya memetik kata Yang Berhormat Tan Sri, antara lainnya menyatakan Senator ada sebagai anggota atau *legislator* tertinggi dan beliau meneruskan ucapan dengan menyatakan bahawa Dewan Negara juga harus mencapai tahap kemuliaan, penghormatan dengan suatu yang setimpal dengan kedudukan sebagai Dewan tertinggi di tanah air kita.

Jadi saya ucapkan tahniah kepada semua Ahli-ahli Dewan Negara yang telah memberi banyak pandangan yang bernas untuk menegur dan juga memandu kami dalam menjalankan tugas dengan lebih berkesan lagi.

Kedua, saya juga ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Malaysia kepada semua Ahli Yang Berhormat. Satu hari yang penting esok. Mudah-mudahan ia akan meningkatkan lagi semangat patriotisme di kalangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada enam Ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyertai perbahasan berkaitan dengan portfolio saya dalam kerajaan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Ada empat perkara yang dibangkitkan, pertama berkaitan kemiskinan dan kesenjangan pendapatan. Kedua, pengangguran. Ketiga, pembangunan wilayah. Keempat, industri hiliran minyak dan gas.

Saya mulakan dengan hal-hal kemiskinan dan juga kesenjangan pendapatan ataupun *income inequality*. Ada empat Yang Berhormat yang bercakap tentang perkara ini Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen, Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding, Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop, dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim. Terima kasih kepada Yang Berhormat, empat semuanya.

PGK ataupun Paras Garis Kemiskinan merujuk kepada pendapatan yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan minimum makanan dan bukan makanan untuk hidup sihat dan aktif dalam masyarakat. Kaedah ini digunakan oleh seluruh dunia hasil daripada saranan daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau *United Nations*. Itu cara untuk mengukur, dengan izin, *absolute poverty* ataupun kemiskinan mutlak.

Kita telah mengadakan kajian semula metodologi untuk mengukur kemiskinan. Ia mengandungi tiga perkara. Pertama, keperluan makanan. Kedua, keperluan bukan makanan. Ketiga, ciri-ciri isi rumah.

Apa yang saya hendak tekankan di sini ialah ada perubahan dalam metodologi. Pada tahun 2005 kita ada metodologi untuk mengira paras garis kemiskinan, ini ditambah baik pada tahun 2019. Dulu kita merujuk kepada keperluan minimum sekarang disebut sebagai optimum minimum. Lebih banyak item di ambil kira dalam mengira paras kemiskinan ini. Dulu 106 item, sekarang 146 item. Itu dari segi teknikalnya.

Hasil daripada kajian semula pada tahun lalu, diumumkan pada pertengahan bulan Julai ini. PGK pada masa ini ataupun Paras Garis Kemiskinan bagi setiap keluarga isi rumah ialah RM2,208 berbanding kalau kita gunakan metodologi yang lama iaitu 2005 cuma RM980 sahaja sebulan bagi setiap isi rumah.

Susulan ataupun berikutan daripada semakan semula kaedah ini maka kadar kemiskinan terkini ialah 5.6 peratus iaitu 45,441 isi rumah berada dalam golongan ini

pendapatan kurang RM2,208 satu keluarga berbanding 7.6 peratus pada tahun 2016. Itu angka nasional 5.6 peratus. Sudah pasti kemiskinan bandar dan luar bandar berbeza bagi bandar 3.8 peratus, kadar kemiskinan luar bandar 12.4 peratus dan di kalangan bangsa-bangsa juga ada perbezaan dalam kadar kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding bertanya kenapa ataupun mencadangkan supaya kadar ini dikaji lebih kerap. Seperti saya sebutkan tadi metodologi yang kita gunakan sebelum ini berasaskan kepada metodologi 2005, sekarang ini metodologi 2019.

Yang Berhormat Senator mencadangkan supaya ia dikaji lebih kerap lagi. Kita ucapkan terima kasih kepada pandangan Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding. PGK atau Paras Garis Kemiskinan adalah berdasarkan kepada *survey* yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan berkaitan dengan perbelanjaan dan pendapatan.

Umumnya *survey* ini diadakan dua kali setiap lima tahun. Setiap kali diadakan *survey* maka paras ini akan dikaji semula tetapi metodologi dan kaedahnya yang kita gunakan sebelum ini berdasarkan metodologi 2005, sekarang kita ubah suai tambah baik metodologi tersebut. Terima kasih Yang Berhormat atas cadangan tersebut.

Sudah pasti kadar baharu ini, kadar kemiskinan 5.6 peratus ini akan memberi kesan kepada dasar-dasar kerajaan dan kita telah mengarahkan semua jabatan kerajaan untuk mengkaji semua dasar ataupun strategi program kemiskinan. Bermula RMK-12, bermula Januari tahun depan, kita harapkan akan memperkenalkan kadar-kadar baru untuk memastikan kadar kemiskinan dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Razali bin Idris: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta pencilahan daripada Yang Berhormat Menteri, boleh?

Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri ada menyebut tentang mengukur garis kemiskinan. Jadi kita lihat pengukuran yang dilaporkan e-Kasih dan juga TERAJU menampakkan tidak ada kejayaan.

Ini kerana ukuran kemiskinan yang diterjemahkan oleh e-Kasih berbentuk sama dalam dua, tiga tahun. Maksudnya orang yang sama miskin. Sepatutnya orang yang miskin itu sudah keluar daripada garis kemiskinan tetapi masih dia lagi menerima Bantuan Sara Hidup dan sebagainya. Ini menjadikan rungutan kepada mereka yang betul-betul miskin.

Jadi soalan saya, agensi manakah sebagai pemegang taruh untuk menentukan paras kemiskinan dan mengemas kini data? Maksudnya agensi mana yang membina data dan yang mengambil data? Daripada kampung ke daerah, negeri dan juga negara? Itu soalan saya. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Razali. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, e-Kasih ini mula dibangunkan pada tahun 2007. Ia berdasarkan kepada pendapatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perangkaan dan mengadakan *survey*. Sebelum ini RM980 pendapatan, kalau di bawah itu dianggap miskin. Sekarang ini atau bermula tahun depan RM2,208. Jadi itulah pendapatan yang ditetapkan. Pendapatan satu keluarga.

Senarai miskin ini dikumpulkan atau dikutip, selaras oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan ataupun ICU. Pada masa ini ada 181,124 isi rumah miskin. Dua kategori miskin tegar 45,161 isi rumah tegar. Miskin 135,963 isi rumah.

Jadi pemegang taruhnya ataupun yang bertanggungjawab menetapkan paras pendapatan ialah Jabatan Perangkaan. Yang melaksanakan, yang mengutip senarai kemiskinan ini khususnya di bahagi kepada miskin tegar dan miskin ialah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) di bawah Jabatan Perdana Menteri.

■1730

Jadi, saranan Yang Berhormat supaya ia dikaji dari semasa ke semasa, orang sama Yang Berhormat sebutkan tadi, kita ambil perhatian dan kita sekarang ini pihak ICU sedang melihat semula kaedah untuk mengumpul maklumat ini supaya tepat, kerajaan mendapat aduan daripada keluarga-keluarga tertentu yang kata yang terkeluar tidak ada dalam senarai walaupun miskin tetapi tidak mendapat bantuan.

Ada juga kita dapat laporan menyatakan bahawa orang yang mungkin tidak miskin tetapi mendapat bantuan. Ini di antara perkara-perkara yang kita terima aduan daripada orang ramai. *Insyah-Allah* kita akan terus mencari jalan bagaimana untuk menambah baik dan memperbaiki keadaan ini supaya kita akan dapat membantu mereka yang benar-benar memerlukan bantuan. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris.

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Lim Pay Hen mencadangkan supaya kita menggunakan kaedah lain untuk mengira kadar kemiskinan ini khususnya disarankan supaya digunakan *Multidimensional Poverty Index* (MPI) atau Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi. Saya ingin memaklumkan bahawa bermula pada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas yang dibentangkan pada tahun 2018 sudah pun digunakan kaedah ini. Kaedah ini berasaskan kepada empat ciri iaitu:

- (i) kesihatan;
- (ii) pendidikan;
- (iii) taraf hidup; dan
- (iv) pendapatan.

Jadi ada empat dimensi. Salah satu dimensi ialah pendapatan jadi cadangan Yang Berhormat supaya diambil kira kemiskinan dari sudut pelbagai dimensi. Kita buat sekarang ini

ialah melihat kepada kadar ketersisihan iaitu mereka yang tersisih daripada beberapa kemudahan awam umpamanya jauh daripada perkhidmatan kesihatan ataupun tidak ke sekolah.

Jadi selain daripada pendapatan ada empat dimensi. Pendapatan salah satu, tiga lagi tambahan iaitu kesihatan, pendidikan, taraf hidup- diambil kira. Jadi berdasarkan kepada cadangan Yang Berhormat Datuk Lim Pay Hen, saya hendak maklumkan bahawa, memang kerajaan sudah pun menggunakan beberapa kaedah sebenarnya ya.

- (i) kemiskinan mutlak;
- (ii) Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI); dan
- (iii) *relative poverty* ataupun kemiskinan relatif.

Itu persoalan yang dibangkitkan Datuk Lim Pay Hen. Seterusnya Yang Berhormat Datuk Lim Pay Hen juga menyentuh berkaitan klasifikasi B40, M40 dan T20. Ini merupakan mereka-mereka yang berada dalam kumpulan paling bawah 40 peratus, di tengah sebanyak 40 peratus dan paling atas sebanyak 20 peratus.

Mengikut yang terkini angka-angka terkini terdapat seramai 2.91 juta keluarga Malaysia yang pendapatan mereka sebanyak 4,850 satu keluarga sebulan ya. Jadi mereka yang pendapatan sebulan keluarga isi rumah sebanyak 4,850 ke bawah dianggap sebagai B40, M40 antara 4,850 sehingga sebanyak RM10,970 setiap keluarga dan mereka yang pendapatan bulanan sebanyak RM10,970 sebulan dianggap sebagai T ke atas, dianggap T20. Ini merupakan mereka yang pendapatan tertinggi T20.

Ini kaedah yang digunakan oleh banyak negara. Jadi, merujuk kepada saranan Yang Berhormat Datuk Lim Pay Hen, saya ingin maklumkan bahawa bermula tahun depan kerajaan akan beri perhatian kumpulan B1 jadi tahun depan kita akan pecahkan, B40 ini ada sebanyak 2.91 juta isi rumah kita akan pecah lagi. Jadi B1 ini pendapatan sebanyak RM2,500 satu keluarga sebulan ke bawah. Jadi, program kerajaan akan ditumpukan kepada kumpulan ini, mereka yang juga yang paling layak menerima bantuan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop membangkitkan isu berkaitan dengan jurang pendapatan antara bangsa-bangsa negara kita, antara *region* atau kawasan dalam negara kita. Ini juga seperkara yang kita akan beri perhatian *Gini coefficient* yang digunakan untuk mengukur kesenjangan ataupun *income inequality* ini sebenarnya bertambah.

Tahun 2016 sebanyak 0.399, tahun lepas sebanyak 0.407 bertambah. Begitu jugalah dalam bandar, luar bandar di kalangan bumiputera, di kalangan Orang Cina, Orang India keseluruhannya semuanya bertambah.

Jurang bertambah antara bandar dengan bandar dan juga antara bangsa, bumiputera, Cina dan India. Perkara ini adalah satu perkara yang serius, dipandang serius oleh kerajaan

dan kita akan terus melaksanakan program dan strategi untuk memastikan bahawa kesenjangan ataupun *income inequality* ini dapat kita perbaiki. Itu menjadi matlamat kita khususnya dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Untuk itu kita akan menjalankan beberapa program termasuklah menambah baik program-program untuk meningkatkan pendapatan bagi kumpulan miskin, menambahkan akses kepada keperluan asas dan menggalakkan keusahawanan, ini di antara perkara-perkara yang akan diberi penekanan oleh kerajaan.

Menjawab soalan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris yang membangkitkan- Yang Berhormat membangkitkan tentang kadar pengangguran. Seperti sedia maklum, kadar pengangguran saya sudah pun umumkan hari Jumaat yang lalu, terkini bulan Julai ialah sebanyak 4.7 peratus, itu terkini. Sebelum itu paling tinggi ialah sebelum itu sebanyak 5.3 peratus bulan Mei, bulan Jun sebanyak 4.9 peratus. Jadi, terdapat trend penurunan dalam kadar pengangguran daripada sebanyak 5.3 peratus bulan Mei, sebanyak 4.9 peratus bulan Jun dan Julai sebanyak 4.7 peratus.

Untuk makluman Yang Berhormat, sekarang ini terdapat sebanyak 745,100 orang rakyat Malaysia yang menganggur mengikut perangkaan oleh Jabatan Perangkaan dan penurunan ini berkait dengan dua perkara.

Pertama ialah pemulihan ekonomi negara. Apabila ekonomi negara kita dibuka secara beransur-ansur bermula bulan Mei dan bulan Jun. Sekarang ini hampir semua sektor sudah pun dibuka semula maka ini telah mendorong dan telah menyebabkan pemulihan ekonomi negara dan dengan itu makin ramai rakyat Malaysia yang bekerja. Itu antara sebab kenapa berlakunya penurunan dalam kadar pengangguran.

Satu lagi sebab adalah adanya Program Subsidi Upah yang mungkin telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan semasa menjawab menggulung perbahasan tadi.

Setakat ini sebanyak RM2.7 juta pekerja mendapat faedah daripada Program Subsidi Upah melibatkan sebanyak RM331 ribu orang majikan. Ia telah banyak bantu, maknanya kalau tidak ada program kerajaan, Program Subsidi Upah ini yang telah di dimanfaatkan oleh sebanyak 2.7 juta orang pekerja sudah pasti keadaan pengangguran akan bertambah teruk lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat seterusnya, Malaysia umumnya tidak ada masalah besar dalam pengangguran di negara kita umumnya. Sekitar tahun lepas umpamanya, hujung tahun lepas sebanyak 3.3 peratus, paling tinggi dalam sejarah kita cuma 7.4 peratus daripada tahun 1986.

Jadi, umumnya Malaysia mengalami situasi *full employment* ataupun hampir kesemua rakyat Malaysia ada pekerjaan. Itu keadaan sebelum ini tetapi dalam keadaan COVID-19 ya

kita sedia maklum bahawa keadaan mencabar. Akan tetapi seperti saya sebutkan tadi keadaan terkawal hari ini, dua perkara, dia sebab. Pertama, apabila ekonomi negara dibuka semula bermula bulan Mei, sekarang ini hampir kesemua sudah kembali bekerja dan kedua ialah Program Subsidi Upah yang berkesan, yang telah dapat membendung kenaikan kadar pengangguran.

Akhir sekali, sahabat saya Yang Berhormat. Sebelum saya pergi yang terakhir, saya ada dua lagi Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim mahu supaya kerajaan lebih gigih untuk mengimbangi pembangunan di antara wilayah-wilayah kita dan koridor pembangunan ekonomi luar bandar. Kita sedia maklum bahawa negara kita ini ada Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak, Pantai Timur dan umumnya enam negeri yang dianggap sebagai terkebelakang dalam pembangunan termasuklah Kelantan, Terengganu, Perlis, Kedah, Sabah dan Sarawak.

Untuk itu, kerajaan akan terus memberi perhatian kepada negeri-negeri tersebut umpamanya dalam RMKe-11 kira-kira satu per empat jumlah peruntukan pembangunan disalurkan kepada enam negeri berkenaan. Kita harap dapat dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas perhatian kepada negeri yang kurang maju ini akan dapat diteruskan ya.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua juga, kita juga ada buat ukuran tentang jurang antara Wilayah Tengah iaitu Lembah Klang, Kuala Lumpur dan Selangor dan kita banding Utara, Pantai Timur umpamanya. Jurang di antara Pantai Timur Semenanjung dengan Wilayah Tengah ialah sebanyak 2.7 peratus ya, 2.7 kali ganda. Bermaknanya pembangunan di Wilayah Tengah ini sebanyak 2.7 kali ganda lebih pendapatannya dan di sudut lain juga sebanyak 2.7 kali ganda lebih besar daripada pendapatan di Pantai Timur, begitu juga Sabah sebanyak 2.6.

■1740

Jadi, menjadi matlamat kita untuk mengurangkan jurang dan *insya-Allah* dengan sokongan Ahli Yang Berhormat, kita akan dapat menjayakan program strategi untuk merapatkan jurang. Bukan satu perkara yang mudah tetapi yang penting kita ada iltizam untuk memastikan bahawa jurang pendapatan antara negeri dan wilayah di negara kita ini akan dapat dikurangkan. Ini selari dengan Dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang akan mula dilaksanakan tahun depan. Ada tiga objektif. Pertama ialah pembangunan untuk semua. Kedua, menangani jurang kekayaan dan pendapatan. Ketiga, mewujudkan negara yang bersatu, makmur dan bermaruah. Ini adalah teras kepada Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB).

Akhir sekali, Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad, sahabat saya, tidak ada dalam Dewan mungkin- membangkitkan tentang kompleks petrokimia di Pantai Senok, Bachok. Yang Berhormat Senator menyatakan bahawa Pantai Senok ini

dekat dengan sumber gas yang terdapat *offshore*, termasuk dalam kawasan *Malaysia-Thailand Joint Authority* (MTJA). Benar, jaraknya kira-kira 150 kilometer.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini gas yang diperoleh daripada kawasan berkenaan, MTJA ini sebahagiannya pergi ke *Songkhla*. *Songkhla* ini adalah untuk satu *power station*, stesen menjana elektrik dan sebahagian gas itu pergi ke Bukit Kayu Hitam untuk masuk ke Malaysia. Sebahagian gas pergi ke Rayong, Thailand dan sebahagian pergi ke Kerteh. Itulah agihan gas ke empat kawasan daripada kawasan MTJA.

Jadi persoalannya, kenapa tidak ada kompleks petrokimia di kawasan Senok, Bachok? Ini adalah atas pertimbangan komersial dan juga teknikal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita ada beberapa kompleks petrokimia. Kalau di Semenanjung ini yang paling besar di Kerteh, Terengganu. Pengerang akan menjadi besar juga. Dari segi pelaburannya, di Pengerang ini kira-kira RM120 bilion.

Jadi pada tahun depan, petroleum kompleks di Pengerang, Johor akan mula beroperasi. Kerteh sudah kira-kira 40 tahun, sudah lama. Sebuah kawasan yang begitu *established*. Jadi, kita ada beberapa kawasan di mana terdapat syarikat-syarikat terlibat di dalam bidang *petrochemical*. Jadi, ini semua berasaskan pertimbangan komersial dan juga teknikal. Jika ada permintaan, mungkin suatu hari nanti kita berharap ada syarikat-syarikat yang berminat untuk melabur dalam bidang ini di negeri Kelantan.

Itulah sedikit sebanyak Tuan Yang di-Pertua jawapan saya kepada enam orang Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan portfolio saya. Jadi, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas perbahasan yang berkualiti, menepati kehendak Tuan Yang di-Pertua pada hari beliau menerima jawatan sebagai Yang di-Pertua, untuk menjadikan Dewan ini sebagai Dewan yang tertinggi, dihormati dan disegani. Kita mengucapkan terima kasih sekali lagi atas segala saranan.

Bagi pihak kawan-kawan, saya yang sudah menjawab sebelum- oleh sebab saya merupakan penggulung yang terakhir, saya ingin menyatakan bahawa, kami semua komited untuk memastikan bahawa Malaysia, negara kita tercinta ini akan terus mara ke hadapan. Kita menghadapi banyak cabaran dalam tempoh enam bulan ini. Berkat kerjasama semua, sokongan rakyat dan Ahli Yang Berhormat Senator dan Ahli Dewan Rakyat, *insya-Allah* kita akan terus membina satu negara yang kuat dan hebat.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat Menyambut Hari Malaysia, 16 September. *Wabillaahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Waalaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi). Menteri yang *experience* lama, veteran dia. Ilmu dan pengalamannya banyak.

Diucapkan terima kasih banyak Yang Berhormat yang telah memberikan penjelasan, kefahaman yang baik kepada Ahli Yang Berhormat. Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat. Sekarang saya ingin mengatakan rasa syukur saya, berterima kasih sebab keluarga saya tunggu saya sampai hampir pukul enam lebih. Ada nampak. Tepuk tangan sedikitlah... *[Tepuk]* Kita terus berjuang hampir- inilah satu tanda yang baik saya rasa. Daripada hadir pagi sampai petang, kita tunggu masanya.

Di sini juga saya ingin menyampaikan juga syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Jefridin bin Haji Atan yang dilantik sebagai anggota Dewan Negara. Syabas dan tahniah kerana dapat berjuang dan bersama kita untuk kepentingan bangsa, negara dan agama. Terima kasih Yang Berhormat.

Pada petang ini saya banyak mendengar, banyak ilmu, undang-undang, ekonomi, saya tengok banyak ilmu saya dapat. Baru terasa oleh saya betapa tebalnya belantara itu- makin ku tebas dan tebang belantara itu, terasa ku betapa tebal belantara itu. Ilmu ini sangat luas. Itu dia, ini saya rasa. Semua benda ini boleh berjaya jikalau kita, pemimpin ada ilmu, ada iman, ada kesabaran. Bak kata pantun orang Melayu.

*Pergi ke studio mengambil gambar;
Gambar dibuat dengan cermat;
Hidup di dunia hendaklah sabar;
Baru kita hidup selamat.*

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris hendaklah dipersetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Diputuskan,

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilangan syukur dan menjunjung kasih di atas Titah Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Majlis Parlimen Yang Keempat Belas."

Jadi akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan Selamat Menyambut Hari Malaysia esok hari. Doakan supaya negara kita terus maju dan berjaya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 21 September 2020. Sekian. *Wassalamua'alaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.47 petang]